



NEGERI PULAU PINANG

**MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
KEEMPAT BELAS**

**SOALAN-SOALAN LISAN
DAN JAWAPAN**

26 APRIL 2019 - 6 MEI 2019

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

SOALAN YANG DIKEMUKAKAN BAGI MENDAPATKAN JAWAPAN LISAN DARIPADA Y.A.B. KETUA MENTERI

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Ong Khan Lee) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

1. Apakah rancangan pengurusan risiko, kecemasan dan krisis sekiranya berlaku kemalangan dan/atau kecelakaan semasa pelaksanaan projek-projek mega seperti PTMP?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pelan Tindak Balas Kecemasan (*Emergency Response Plan*) terperinci semasa fasa pembinaan dan operasi akan disediakan seperti disyaratkan dan dipatuhi bagi menjaga kepentingan orang awam dari aspek keselamatan, kesihatan dan juga alam sekitar yang disebabkan oleh kemalangan atau bencana alam. Pelan ini disediakan selari dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (1994) yang akan merangkumi beberapa situasi sepanjang pelaksanaan projek seperti kerosakan peralatan, kecuaihan manusia atau juga bencana alam.

Pelan Tindak Balas Kecemasan ini memberi keutamaan dan penekanan terhadap perlindungan nyawa, kesihatan orang awam, alam sekitar dan sumber asli, sosio-ekonomi dan kebudayaan dan hartanah persendirian serta awam.

Satu Jawatankuasa Bertindak Kecemasan Khas akan ditubuhkan bagi mengendalikan projek-projek infrastruktur di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang terutamanya dalam memantau dan memastikan Pelan Tindak Balas Kecemasan bagi projek berkenaan dilaksanakan. Jawatankuasa ini akan bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan dan keselamatan sedia ada termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Hospital, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi teknikal yang berkaitan.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Pelancaran Dasar Keterangan Gender merupakan satu pemacu perubahan bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memastikan keperluan wanita dan lelaki, yang tua dan muda, dan yang OKU diambil kira.
 - (a) Apakah pelan pelaksanaan yang telah dirangka untuk memastikan keberjayaan dasar tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Dasar Keterangan Gender (DKG) telah dirangka bagi memastikan wujudnya keseimbangan gender dan mempromosikan kesaksamaan gender di semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dasar ini juga dirangka selaras dengan visi Penang2030.

Terdapat enam (6) strategi pelaksanaan dalam DKG iaitu:-

- (i) Latihan dan Pendidikan secara berterusan bagi keterangan gender.

Menyediakan latihan bagi semua jabatan dan agensi kerajaan negeri dari semasa ke semasa untuk memastikan semua anggota memiliki ilmu dan kemahiran yang relevan berkenaan keterangan gender. Analisis gender akan diguna sebagai alat untuk melaksanakan dan mengarusperdanakan gender.

- (ii) Pengumpulan data pecahan jantina (*sex disaggregated data - SDD*)
- SDD merupakan data yang menunjukkan perbezaan keadaan golongan wanita dan lelaki serta kanak-kanak perempuan dan lelaki. Satu sistem harus dibina untuk memastikan SDD dikumpul dengan sistematik dan dianalisa di semua jabatan dan agensi kerajaan, swasta, institusi penyelidikan dan NGO. Perkongsian SDD antara sektor awam dan swasta amat digalakkan.
- (iii) Memastikan keseimbangan gender di semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri.
- Memastikan peluang yang sama diberikan kepada semua lelaki dan wanita dalam peringkat pembuat keputusan dan pelaksanaan di negeri Pulau Pinang mengikut nisbah 40% lelaki, 40% wanita dan 20% terbuka kepada kedua-dua lelaki dan wanita yang berkelayakan. Ini dapat mengelakkan komposisi satu gender melebihi 60% dan dominasi satu gender sebagai pembuat keputusan.
- (iv) Pelaksanaan *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) sepenuhnya di peringkat Kerajaan Negeri
- GRPB membantu untuk mengenal pasti keperluan berbeza bagi kumpulan atau individu yang berlainan. Oleh itu, penggubal dasar, pembuat keputusan dan pelaksana program perlu memahami konsep *budgeting*.
- (v) Konsultasi dan rakan kongsi strategik dengan pelbagai agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan komuniti.
- Kerjasama melalui perkongsian maklumat dan dapatan penyelidikan antara jabatan kerajaan, sektor swasta, NGO, IPT dan institusi penyelidikan yang diiktiraf sebagai rakan kongsi dalam hal konsultasi polisi, peningkatan kapasiti dan program-program peringkat akar umbi akan diadakan.
- (vi) Pemantauan dan Penilaian
- Maklum balas dan keberkesanan program hasil daripada pemantauan dan penilaian dasar ini akan dikumpul dan digunakan sebagai input penambahbaikan untuk perancangan program dan pembentukan dasar pada masa hadapan. Setiap jabatan/agensi Kerajaan Negeri harus mengenal pasti dan mewujudkan satu unit pemantauan serta penilaian untuk mengaplikasikan cadangan penambahbaikan dan program yang berkaitan.
- Berdasarkan strategi pelaksanaan yang telah dirangka, pelan pelaksanaan menyeluruh yang memperincikan tindakan yang akan diambil oleh jabatan/agensi Kerajaan Negeri dalam menggunakan pakai DKG akan dibentuk melalui tiga (3) tahap iaitu:-
- Mengenal pasti skop dan hala tuju, rangka kerja, tindakan dan tanggungjawab pihak berkepentingan jabatan/agensi negeri;
 - Mengenal pasti sasaran untuk dicapai dan membangunkan strategi serta rancangan tindakan untuk mencapai sasaran; dan
 - Pelancaran dan pelaksanaan pelan.

Oleh yang demikian, pada peringkat awal untuk memastikan pelan pelaksanaan ini berhasil maka Kerajaan Negeri dengan kerjasama Penang Women's Development Corporation (PWDC) akan mengadakan bengkel membina kapasiti ketua-ketua jabatan, pegawai pelaksana dan kakitangan pada bulan Mei 2019. Melalui bengkel ini akan membolehkan ketua-ketua jabatan bersama pegawai pelaksana merangka pelan tindakan yang realistik dan bersesuaian dengan jabatan masing-masing.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila nyatakan jumlah penumpang domestik dan antarabangsa yang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi Januari 2018 hingga Mac 2019.
 - (a) Apakah status penaiktarafan LTAPP?
 - (b) Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap cadangan pembinaan Kulim International Airport?
 - (c) Adakah cadangan tambakan laut di perairan selatan merangkumi cadangan Lapangan Terbang baharu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Penumpang domestik dan antarabangsa yang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) bagi tempoh Januari 2018 sehingga Februari 2019 adalah seramai 9,100,888 seperti perincian di jadual berikut:

Jenis Penerbangan	2018	2019 (Jan - Feb)	Jumlah
Antarabangsa	3,607,308	597,300	4,204,608
Domestik	4,183,115	713,165	4,896,280
Jumlah Penumpang	7,790,423	1,310,465	9,100,888

- (a) Pihak Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) kini dalam perancangan bagi menaiktaraf dan membesarkan LTAPP. Cadangan projek ini bermatlamat untuk meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan penumpang serta untuk menangani isu kesesakan di kawasan terminal. Buat masa ini, LTAPP berkapasiti 6.5 juta penumpang setahun dan cadangan penaiktarafan tersebut dapat menampung keperluan sehingga 12 juta penumpang setahun.

Status terkini projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang adalah pelantikan dua (2) syarikat perunding iaitu Consortium CPG Consultants Pte. Ltd. dan AHS Architects Sdn. Bhd. sebagai juruperunding Projek Menaiktaraf dan Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Pelantikan ini telah dibuat pada 15 Februari 2019 melalui tender terbuka oleh pihak MAHB. Pihak perunding bertanggungjawab untuk mencadangkan pelan dan reka bentuk terbaik kepada pihak MOT dan MAHB untuk menaik taraf dan membesarkan LTAPP. Projek menaik taraf dan pembesaran LTAPP ini dijadualkan akan bermula pada bulan Jun 2020 dan mengambil masa selama 36 bulan untuk disiapkan.

Selain itu, projek pembinaan Bangunan Letak Kereta Bertingkat di LTAPP telah dimulakan pada bulan Ogos 2018 dan kerja-kerja pembinaan adalah selama 14 bulan. Bangunan letak kereta bertingkat tersebut akan menyediakan kira-kira 1,800 lot letak kereta untuk Blok A (Fasa Pertama). Fasilitas tempat letak kereta bertingkat ini akan memberi kemudahan yang lebih selesa dan selamat kepada para pengguna.

- (b) Pembinaan lapangan terbang seperti Lapangan Terbang Kulim (KXP) adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan dan pengurusanannya dilaksanakan melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Kerajaan Negeri berpendapat cadangan pembinaan KXP perlu diteliti secara mendalam dan lebih terperinci. Berdasarkan semakan Kerajaan Negeri dengan dua (2) laporan yang disediakan oleh juruperunding yang telah melaksanakan kajian kebolehlaksanaan Pembinaan Lapangan Terbang Kulim, pembinaan KXP akan memberi impak yang negatif kepada LTAPP khususnya dan Negeri Pulau Pinang amnya. Kerajaan Negeri berpendirian tegas bahawa pihak Kementerian Pengangkutan perlu meneliti perkara ini sekali lagi dan kajian yang lebih terperinci perlu dilaksanakan agar cadangan pembangunan tersebut adalah holistik dan menguntungkan semua pihak.
- (c) Cadangan penambakan laut di Selatan Bahagian Pulau, Pulau Pinang merupakan cadangan penambakan yang holistik dalam usaha melonjak ekonomi Negeri Pulau Pinang. Cadangan untuk membina lapangan terbang yang baharu di atas tanah tambakan tersebut adalah satu opsyen yang akan ditimbangkan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 4. Terangkan secara terperinci tentang kronologi isu tapak pelupusan sampah haram di Bukit Teh.
 - (a) Senaraikan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri ke atas kegiatan pembuangan sisa pepejal di kawasan tersebut.
 - (b) Kenapa Kerajaan Negeri tidak rampas balik tanah tersebut yang jelas disalahguna serta membawa kemudaratkan kepada orang awam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 4. Kronologi kes pembuangan sampah secara haram di Bukit Teh seperti berikut:
 - (i) Tapak pelupusan sampah haram di Bukit Teh mula disiasat oleh Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang sejak tahun 2017 susulan aduan pembakaran terbuka yang dibuat oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat;
 - (ii) Hasil siasatan Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendapati kawasan di Bukit Teh tersebut telah dijadikan tapak pelupusan sampah haram;
 - (iii) Pada 15 Februari 2017, JAS telah mengesan aktiviti pembakaran terbuka dilakukan. Sehubungan itu, tindakan kompaun telah dikeluarkan kepada pemilik tanah bagi kesalahan ini. JAS juga telah memanjangkan perkara ini untuk perhatian dan tindakan pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP);

- (iv) Pada 15 Mac 2019, MPSP telah menerima maklumat terbaru daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengenai pembuangan sisa terjadual dipercayai minyak pelincir terpakai di kawasan ladang kelapa sawit berdekatan. Tindakan bagi isu ini telah diambil oleh pihak JAS Pulau Pinang;
- (v) Pada 16 Mac 2019, MPSP telah menerima aduan daripada orang awam mengenai sisa dalam bentuk serbuk dengan kuantiti yang banyak, dikhuatiri mengandungi sisa toksik dibuang ke dalam tapak pelupusan sampah haram Bukit Teh;
- (vi) Pada 17 Mac 2019, Jabatan Kejuruteraan MPSP telah turun ke kawasan tersebut untuk melakukan siasatan. Hasil semakan mendapati pembuangan sampah secara haram melibatkan lot-lot 1689, 1690, 1691, 1692, 1693, 1694, 1695 dan 1696, Mukim 16 Daerah Seberang Perai Tengah.
- (a) Senarai tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui MPSP adalah seperti berikut:
 - (i) Jabatan Kejuruteraan telah mengeluarkan 3 notis Larangan Kerja Tanah (Seksyen 70A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974) kepada pemilik tanah. Pemilik tanah tersebut dikehendaki menghentikan kerja tanah dengan serta merta dan mengeluarkan semua jenis alat jentera dan memulihkan semula tanah. Pemilik tanah diminta untuk memulihkan semula tanah setakat yang mungkin dalam tempoh 20 hari dari tarikh disampaikan seperti keadaannya sebelum kerja tanah tersebut dimulakan;
 - (ii) Jabatan Kesihatan telah mengeluarkan 3 notis kacau ganggu di bawah Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Pemilik tanah dikehendaki menghapuskan kacau ganggu (penglihatan dan bau) dalam tempoh 7 hari;
 - (iii) Jabatan Bangunan telah mengeluarkan 5 notis binaan tanpa kebenaran dan 1 notis mengosongkan bangunan di bawah seksyen 72 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 kepada premis yang menjalankan aktiviti perniagaan/industri;
 - (iv) Jabatan Pelesenan telah mengeluarkan 1 kompaun dan 2 notis memberhentikan perniagaan kepada kilang kayu dan perusahaan memproses ayam berdekatan di bawah Undang-undang Kecil Bayaran Lesen MPSP 1980;
 - (v) Pada 21 Mac 2019, Jabatan Direktorat Penguatkuasaan telah menyita sebuah lori 10 tan yang membawa sisa pembersihan tapak;
 - (vi) Pada 28 Mac 2019, Jabatan Direktorat Penguatkuasaan telah menyita 2 buah kontena yang mengandungi sisa habuk seperti mana sisa yang dijumpai pada 16 Mac 2019.
- (b) Kerajaan Negeri tidak dapat merampas balik tanah lot tersebut kerana lot-lot tersebut berstatus "First Grade" dan tidak tertakluk di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 untuk sebarang syarat guna tanah tertentu. Oleh itu, tuan tanah berkenaan tidak melakukan sebarang kesalahan pelanggaran syarat di

bawah Seksyen 127, KTN 1965 yang membolehkan sebarang tindakan perampasan diambil.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kebelakangan ini kita selalu menghadapi masalah berkaitan pencemaran alam sekitar.
- (a) Apakah langkah-langkah dan Undang-undang untuk kawalan pelupusan atau pembuangan sampah secara haram?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Pencemaran alam sekitar berkaitan pelupusan sampah adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- (a) Antara langkah-langkah yang diambil oleh PBT bagi mengawal pelupusan dan pembuangan sampah secara haram adalah seperti berikut:
- (i) Membuat siasatan di lokasi sampah haram dengan mencari bil serta alamat surat-menyurat yang dibuang dan kompaun dikeluarkan berdasarkan alamat pesalah.
 - (ii) Mengeluarkan pemberitahuan tentang kesalahan ke atas individu atau syarikat yang dikenalpasti melakukan pembuangan sampah haram.
 - (iii) Mengambil tindakan untuk memberhentikan dan menghapuskan segala kacau ganggu terhadap pemunya tanah dan pemilik berdaftar kenderaan yang membuang sampah.
 - (iv) Memasang *portable* CCTV di kawasan hotspot bagi memantau dan mengawal kegiatan pembuangan sampah secara haram.
 - (v) Menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) bagi menangani masalah pembuangan sampah haram di tanah milik kerajaan atau rezab sungai.
 - (vi) Menuntut kos pembersihan yang dilakukan oleh PBT ke atas pihak yang melakukan kesalahan tersebut.

Peruntukan undang-undang bagi mengawal pembuangan sampah secara haram adalah seperti berikut:

- (i) Seksyen 46 dan 47 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 bagi kesalahan meletakkan barangan di tempat awam/halangan;
- (ii) Seksyen 80 dan 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi kesalahan kacau ganggu;
- (iii) Seksyen 70A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 bagi kesalahan kerja tanah; dan
- (iv) Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-sarap MPSP 1994.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah langkah-langkah susulan Kerajaan Negeri untuk menyokong usaha Penanti membangunkan Pusat Foodbank Komuniti Teknologi Retort untuk menyelamatkan makanan masak yang belum dimakan dari dewan dan hotel-hotel yang masih baik dari dibuang dan makanan mentah (daging korban, kambing, ayam) untuk dijadikan Foodbank makanan-siap-dimakan (Ready-to-Eat Meal) tanpa pengawet atau masuk peti sejuk?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Program Mutiara Foodbank adalah satu inisiatif kesinambungan program-program kebajikan kepada rakyat Pulau Pinang iaitu Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) dan Program iSejahtera yang telah memberikan impak yang tinggi di kalangan rakyat.

Konsep program ini adalah untuk menyelamatkan lebih makanan yang masih berkualiti dan tidak tercemar seperti makanan bermasak, makanan mentah, makanan kering, makanan dalam tin atau makanan pra-pek hasil sumbangan daripada *hypermarket*, pasar raya, hotel, restoran, pasar borong basah dan kering serta syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan makanan.

Pada ketika ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan sebuah unit iaitu Unit Mutiara Foodbank yang bertanggungjawab untuk mengelola dan menguruskan program foodbank di Negeri Pulau Pinang. Unit ini mempunyai kakitangan seramai lapan (8) orang yang beroperasi di Kompleks Masyarakat Penyayang dengan kemudahan pejabat dan dapur.

Unit ini akan menyelaras dan bekerjasama dengan pelbagai agensi/syarikat/individu yang berminat untuk menjadi penyumbang termasuk hotel dan pengusaha restoran. Selain itu, Persatuan Hotel Pulau Pinang dan Persatuan Chef Pulau Pinang telah menandatangani *Memorandum of Understanding (MoU)* bersama Kerajaan Negeri dan bersetuju untuk menjadi rakan strategik kepada unit ini bagi menjamin keselamatan makanan. Setakat ini, Mutiara Foodbank telah mengadakan beberapa usahasama dengan kedua-dua persatuan ini dalam menjayakan beberapa program kebajikan.

Mutiara Food Bank turut mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP) tersendiri bermula dari kutipan bahan makanan, penerimaan dan pelupusan bekalan makanan, pengelasan makanan, penyimpanan bekalan makanan sehingga ke pengagihan makanan kepada kumpulan sasaran di Kawasan ADUN dan Penyelaras KADUN kesemuanya mematuhi prosedur yang sangat teliti.

Mutiara Food Bank telah menyiapkan *Central Kitchen* dan *Cold Room* di Kompleks Masyarakat Penyayang yang mampu menampung jumlah lebih makanan sejuk beku dari seluruh Negeri Pulau Pinang.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa penubuhan Unit Mutiara Foodbank adalah memadai untuk menguruskan keseluruhan pelaksanaan program foodbank agar ianya mudah untuk diurus dan berpusat pada satu unit sahaja. Cadangan untuk menubuhkan sebuah lagi pusat foodbank atau Pusat Foodbank Komuniti Teknologi Retort ini perlu dikaji dan diteliti dari pelbagai aspek terutamanya implikasi jenis makanan. Manakala bagi cadangan menggunakan teknologi retort, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa teknologi ini masih belum sesuai untuk dipraktikkan oleh Mutiara Foodbank disebabkan perkara-perkara berikut:-

- (a) Bekalan makanan bermasak masih belum mencukupi kerana ianya memerlukan jumlah bekalan yang tinggi sekiranya teknologi retort digunakan;

Bekalan makanan yang bermasak berkemungkinan mengakibatkan masalah berlakunya makanan terlebih masak (*overcooked*). *Retort pouch* yang digunakan mestilah dapat dalam lingkungan tekanan (*pressure*) 2psi dan suhu kepanasan yang mencukupi untuk menghapuskan bakteria dengan 121 darjah Celsius (121°C) dalam tempoh 30minit. Namun terdapat kemungkinan berlakunya keracunan makanan atas sebab bakteria khas yang tidak didapati semasa makanan tersebut dipanaskan.

Tambahan pula, makanan yang dipanaskan dalam *retort pouch* itu tidak boleh bertulang atau berduri bagi mengelakkan kebocoran yang akan mengakibatkan bakteria tidak dapat dihapuskan.

- (b) Makanan yang melalui proses *retort* ini perlu dipantau dan disahkan selamat melalui pakar yang terlatih (Food Tech) yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Mutiara Food Bank memang sedia berkolaborasi bersama YB. ADUN dan NGO memperkasakan lagi Program Food Bank di Negeri Pulau Pinang pada masa akan datang. Kajian dan penelitian perlu dilaksanakan sebelum perkara ini dimuktamadkan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Memandangkan pengusaha hotel di Pulau Pinang dikenakan Fi Kerajaan Tempatan, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan Fi Kerajaan Tempatan terhadap pengusaha penginapan Airbnb?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Pihak Berkuasa Tempatan hanya mengutip Fi Hotel (dahulunya dikenali sebagai Fi Kerajaan Tempatan) daripada pemegang lesen hotel yang sah mengikut Undang-Undang Kecil Hotel. Bagi pengusaha penginapan Airbnb, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak melesenkan aktiviti berkenaan kerana premis yang digunakan adalah berstatus rumah kediaman yang tidak dibenarkan untuk aktiviti perniagaan.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Penang Exco for Tourism Development, Art, Culture and Heritage (PETACH) juga telah membangkitkan isu ini dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan dimaklumkan bahawa perkara ini sedang dikaji dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di peringkat pusat mengenai status undang-undang Airbnb di Malaysia.

Walau bagaimanapun, Pejabat PETACH sedang meneliti polisi-polisi yang dilaksanakan di luar negara atas isu Airbnb seperti San Francisco dalam memperkenalkan undang-undang penyewaan jangka pendek termasuk mengehadkan penyewaan rumah 90 hari setahun.

Di Catalonia, Spain, denda boleh dikenakan ke atas Airbnb sehingga 30 ribu Euros dan tuan rumah boleh dikenakan denda sehingga 90 ribu Euros berikutan aduan-aduan diterima atas kacau ganggu.

Di Singapura, *Singapore's Urban Redevelopment Authority (URA)* telah mencadangkan supaya mengehadkan jumlah orang yang menyewa satu (1) unit kepada enam (6) orang dan sewa jangka pendek sehingga 90 hari setahun.

Jepun telah memperkenalkan undang-undang untuk mengawal selia perkongsian rumah (*home sharing*) dengan menghadkan perkongsian rumah kepada 180 hari setahun.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sila nyatakan status proses bagi menyelaraskan pemberian kuasa lucut kenderaan terbiar kepada seseorang Datuk Bandar mengikut pada pindaan Akta JPJ 1987.
 - (a) Adakah kedua-dua PBT telah bersedia untuk membuat penambahbaikan SOP pelupusan ini selaras dengan keputusan Kabinet baru-baru ini?
 - (b) Berikan jumlah kereta terbiar di PBT dalam senarai untuk pelupusan

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Pindaan Seksyen 65 Akta Pengangkutan Jalan 1987 melalui Akta A1585 (Pindaan 2019) telah dibuat baru-baru ini yang memberi kuasa kepada Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan melalui Warden Lalu Lintas untuk mengalih kenderaan terbiar.

Walau bagaimanapun, kaedah serta garis panduan melucut hak kenderaan masih di peringkat penelitian Kementerian Pengangkutan.

- (a) Kedua-dua PBT iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bersedia untuk membuat penambahbaikan *Standard Operating Procedure* (SOP) pelupusan selaras dengan keputusan Kabinet.
- (b) Sehingga Mac 2019, senarai kereta terbiar di PBT yang dalam senarai untuk pelupusan berjumlah 304 buah kereta masing-masing 187 di MBPP dan 117 di MPSP.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Berapakah jumlah penawaran kerja dalam sektor industri di Pulau Pinang dan berapa pula jumlah pekerja industri yang diberhentikan pada tahun 2019?
 - (a) Jelaskan langkah-langkah yang diambil bagi membantu mereka yang telah diberhentikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Berdasarkan data yang diperolehi daripada *Penang Career Assistance and Talent Centre*, sehingga 15 April 2019 terdapat sebanyak 3,151 kekosongan jawatan di Pulau Pinang termasuk sektor industri manakala jumlah pekerja industri yang diberhentikan berdasarkan statistik daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sehingga Mac 2019 adalah seramai 400 orang pekerja. Oleh itu 400 orang pekerja ini jika masih berminat, tidak menghadapi sebarang masalah untuk bekerja semula.
 - (a) Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membantu pekerja-pekerja yang telah diberhentikan adalah seperti berikut:
 - (i) Bekerjasama dengan agensi-agensi lain melalui investPenang untuk meneruskan usaha mempromosi dan menarik pelaburan, samada pelabur baharu ataupun penambahan pelaburan dari pelabur sedia ada, di samping membantu pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan. Usaha ini akan mewujudkan lebih banyak peluang

pekerjaan dan pekerja yang hilang pekerjaan mempunyai potensi untuk ditawarkan pekerjaan; dan

- (ii) Mempelbagaikan pelaburan dalam sektor *Global Business Services* (GBS) supaya peluang perkerjaan dapat ditingkatkan dalam bidang kewangan, teknologi maklumat (IT), seni kreatif, perisian dan sumber manusia selain daripada sektor pembuatan, pendidikan dan pelancongan perubatan (*medical tourism*).

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah status terkini *Penang Arts District*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Tapak projek pembangunan *Penang Art District* (PAD) terletak di antara Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan Gat Lebu Macallum. Projek ini telah mendapat kelulusan pelan bangunan daripada Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Pada masa ini, projek PAD sedang menunggu pengesahan status projek laluan *Light Rail Transit* (LRT) yang melalui tapak projek cadangan. Berikutan itu, projek PAD hanya boleh dimulakan sebaik sahaja pembinaan tiang dan trek LRT selesai sepenuhnya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Nyatakan mekanisma yang diambil oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk memastikan dan mewajibkan teks khutbah Jumaat yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Mufti dibaca oleh setiap khatib di masjid-masjid seluruh Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) sentiasa berusaha menjaga kemuliaan mimbar Jumaat dengan menyediakan dan mengedarkan teks khutbah pada setiap Jumaat kepada semua masjid. Pelbagai pendekatan dibuat bagi memastikan teks khutbah yang dikeluarkan dibaca oleh khatib dengan mengadakan pemantauan serta perjumpaan dengan pengurusan masjid. JHEAIPP juga akan memanggil dan memberi nasihat kepada pengurusan masjid yang berkaitan sekiranya terdapat aduan penyalahgunaan mimbar Jumaat. Sehingga kini majoriti khatib menggunakan teks khutbah yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kepupusan hasil sungai.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk meminda Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) Negeri Pulau Pinang seperti yang dibuat di WP Kuala Lumpur/Labuan supaya ancaman ikan-ikan pemusnah seperti keli yang dilepaskan dalam sungai dapat ditangani?
 - (b) Apakah tindakan untuk menghalang kepupusan hidupan sungai (udang galah/ikan kecil) ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Kerajaan Negeri sememangnya memberikan perhatian kepada isu penjagaan hasil sungai di negeri ini. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan taklimat awal berhubung pindaan Kaedah-Kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) bagi Negeri Pulau Pinang kepada pihak berkuasa tempatan, jabatan dan agensi berkaitan pada 23 Januari 2019. Susulan daripada taklimat yang dilaksanakan, satu bengkel pemurnian deraf bagi kaedah-kaedah tersebut telah diadakan pada 2 hingga 4 April 2019. Persiapan akhir deraf tersebut sedang dilaksanakan sebelum dikemukakan untuk semakan Penasihat Undang-Undang Negeri dan seterusnya ke peringkat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Apabila Kaedah-kaedah Perikanan (Akuakultur Perikanan Darat) ini dikuatkuasakan kelak, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang akan dapat melaksanakan tindakan kawalan dan pencegahan dengan lebih berkesan khususnya dalam menangani isu pelepasan spesies-spesies bukan asli ke perairan umum seperti Keli Afrika, Ikan Buaya, Pacu dan lain-lain.
- (b) Bagi menghalang kepupusan hidupan sungai ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan program pemuliharaan sumber perikanan sungai melalui pelepasan benih-benih ikan dan udang galah ke sungai-sungai terpilih di negeri ini yang bertujuan untuk memulih dan menambahkan stok-stok ikan sedia ada. Dari tahun 2016 hingga 2018, sejumlah 1,293,720 benih ikan telah dilepaskan di sungai-sungai terpilih di negeri ini seperti perincian berikut:

Tahun	Jumlah Benih Dilepaskan (ekor)
2016	413,000
2017	680,720
2018	200,000

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sila perincikan jumlah penjawat dalam agensi atau syarikat milik Kerajaan Negeri (selain PDC, PBA), seperti Penang Institute, PGC dan sebagainya, mengikut kumpulan jawatan eksekutif, bukan eksekutif dan pecahan kaum.
- (a) Adakah apa-apa piawaian digunapakai oleh agensi dan syarikat milik Kerajaan Negeri untuk memastikan proses perjawatannya seimbang dari segi kaum dan gender?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Jumlah penjawat dalam agensi atau syarikat milik Kerajaan Negeri (selain PDC dan PBA) mengikut kumpulan jawatan eksekutif, bukan eksekutif dan pecahan kaum adalah seperti berikut:
- (A) Penang Women's Development Corporation (PWDC)** mempunyai seramai 22 orang kakitangan iaitu:
- (i) Seorang Ketua Pegawai Eksekutif;
 - (ii) 16 orang Pengurus/ Penolong Pengurus/ Pegawai; dan

(iii) 5 orang Kerani/ Pembantu Am Pejabat/ Pemandu.

Pecahan mengikut kaum adalah:

- Melayu - 15 orang;
- Cina - 6 orang; dan
- India – 1 orang

(B) Penang Youth Development Corporation (PYDC) mempunyai seramai 4 orang kakitangan yang kesemuanya terdiri daripada Pengurus/ Penolong Pengurus/ Pegawai. Pecahan mengikut kaum adalah:

- (i) Melayu - 1 orang; dan
- (ii) Cina - 3 orang.

(C) Invest In Penang Berhad mempunyai seramai 24 orang kakitangan iaitu:

- (i) Seorang Ketua Pegawai Eksekutif;
- (ii) 17 orang Pengurus/ Penolong Pengurus/ Pegawai; dan
- (iii) 6 orang Kerani/ Pembantu Am Pejabat/ Pemandu.

Pecahan mengikut kaum adalah:

- Melayu - 10 orang;
- Cina - 12 orang; dan
- India - 2 orang.

(D) Georgetown World Heritage mempunyai seramai 29 orang kakitangan iaitu:

- (i) Seorang Ketua Pegawai Eksekutif;
- (ii) 23 orang Pengurus/ Penolong Pengurus/ Pegawai; dan
- (iii) 5 orang Kerani/ Pembantu Am Pejabat/ Pemandu.

Pecahan mengikut kaum adalah:

- Melayu - 8 orang;
- Cina - 15 orang;
- India - 1 orang; dan
- Lain-Lain – 5 orang.

(E) Penang Global Tourism mempunyai seramai 23 orang kakitangan iaitu:

- (i) Seorang Ketua Pegawai Eksekutif;
- (ii) 18 orang Pengurus/ Penolong Pengurus/ Pegawai; dan
- (iii) 4 orang Kerani/ Pembantu Am Pejabat/ Pemandu.

Pecahan mengikut kaum adalah:

- Melayu - 2 orang;
- Cina - 18 orang; dan
- India - 3 orang.

(F) Yayasan Agama Islam Pulau Pinang (YIPP) mempunyai seramai 11 orang kakitangan iaitu:

- (i) Seorang Ketua Pegawai Eksekutif;
- (ii) 9 orang Pengurus/ Penolong Pengurus/ Pegawai; dan

- (iii) 1 orang Kerani/ Pembantu Am Pejabat/ Pemandu.

Pecahan mengikut kaum adalah kesemua 11 orang kakitangan adalah Melayu.

(G) Penang Green Council (PGC) mempunyai seramai 17 orang kakitangan iaitu:

- (i) 12 orang Pengurus/ Penolong Pengurus/ Pegawai; dan
(ii) 5 orang Pengurus/ Penolong Pengurus/ Pegawai.

Pecahan mengikut kaum adalah:

- Melayu - 6 orang;
- Cina - 7 orang; dan
- India - 4 orang.

(H) Penang Institute mempunyai seramai 44 orang kakitangan iaitu:

- (i) Seorang Ketua Pegawai Eksekutif;
(ii) 36 orang Pengurus/ Penolong Pengurus/ Pegawai; dan
(iii) 7 orang Kerani/ Pembantu Am Pejabat/ Pemandu.

Pecahan mengikut kaum adalah:

- Melayu - 12 orang;
- Cina - 22 orang;
- India - 4 orang dan
- Lain-Lain – 6 orang.

(I) Penang Convention & Exhibition Bureau (PICED) mempunyai seramai 13 orang kakitangan iaitu:

- (i) Seorang Ketua Pegawai Eksekutif;
(ii) 11 orang Pengurus/ Penolong Pengurus/ Pegawai; dan
(iii) 1 orang Kerani/ Pembantu Am Pejabat/ Pemandu.

Pecahan mengikut kaum adalah:

- Melayu - 1 orang;
- Cina - 8 orang; dan
- India - 4 orang.

(J) Penang Tech Centre Bhd mempunyai seramai 25 orang kakitangan iaitu:

- (i) Seorang Ketua Pegawai Eksekutif;
(ii) 20 orang Pengurus/ Penolong Pengurus/ Pegawai; dan
(iii) 4 orang Kerani/ Pembantu Am Pejabat/ Pemandu.

Pecahan mengikut kaum adalah:

- Melayu - 4 orang;
- Cina - 812orang; dan
- India - 9 orang.

(K) Penang Science Cluster mempunyai seramai 17 orang kakitangan iaitu:

- (i) Seorang Ketua Pegawai Eksekutif; dan
(ii) 16 orang Pengurus/ Penolong Pengurus/ Pegawai.

Pecahan mengikut kaum adalah:

- Melayu - 4 orang;
- Cina - 11 orang; dan
- Lain-Lain - 2 orang.

(L) Island Golf Properties Bhd mempunyai seramai 17 orang kakitangan iaitu:

- (i) 3 orang Ketua Pegawai Eksekutif;
- (ii) 11 orang Pengurus/ Penolong Pengurus/ Pegawai; dan
- (iii) 3 orang Kerani/ Pembantu Am Pejabat/ Pemandu.

Pecahan mengikut kaum adalah:

- Melayu - 15 orang; dan
- Cina - 2 orang.

(M) Penang International Halal Hub (PIHH) Development Sdn. Bhd. mempunyai seramai 11 orang kakitangan yang kesemuanya terdiri daripada Pengurus/ Penolong Pengurus/ Pegawai. Pecahan mengikut kaum adalah kesemua 11 orang kakitangan adalah Melayu.

RUJ. LAMPIRAN (NO. 13 SM)

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Adakah kerajaan sedar bahawa bangunan Grace Residence Jelutong mempunyai lampu berbentuk lambang salib yang sangat besar dan terang sehingga boleh menggugat sensitiviti umat Islam?
 - (a) Mengapakah lampu berbentuk salib itu dibina?
 - (b) Apakah tindakan pihak kerajaan untuk mengatasi isu ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri hanya menyedari tentang perkara ini selepas berita mengenainya tersebar luas di media sosial. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah meminta pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) supaya mendapatkan maklum balas berkenaan lampu berbentuk lambang salib di bangunan Grace Residence di Jelutong daripada pihak arkitek perunding.
 - (a) Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pihak arkitek perunding pada 14 Januari 2019, perkara tersebut adalah merupakan satu kebetulan dan tidak disengajakan oleh pihak mereka.
 - (b) Kerajaan Negeri telah mengarahkan MBPP mengadakan perbincangan dengan pihak arkitek perunding dan mengemukakan cadangan penyelesaian secara menyeluruh mengenai isu lambang salib tersebut kerana melibatkan sensitiviti agama. Pihak arkitek perunding kini dalam proses untuk mengemukakan cadangan kepada pihak MBPP.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Dasar pembersihan sampah MBPP adakah masih digunapakai iaitu satu hari sapu dan satu hari bersih longkang iaitu berselang-seli? Insiden terkini pada Isnin 1 April 2019 ular sawa didapati tidur dalam longkang di Taman Simpang Jaya Balik Pulau. Aduan orang ramai menyatakan bahawa pembersihan hanya dilakukan apabila ada aduan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Bagi kerja-kerja kebersihan awam, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menguruskan perkhidmatan pungutan sampah domestik di kawasan taman perumahan dan kampung sekurang-kurangnya tiga (3) kali seminggu dengan menggunakan kenderaan Kompaktor, dan *High Side Tipper* (1 tan) manakala bagi perkhidmatan pungutan sampah pukal dan kebun pula dijalankan setiap hari.

Bagi perkhidmatan pembersihan jalan dan parit, kerja-kerja dijalankan oleh tenaga kerja yang tetap mengikut jadual bagi taman perumahan atau kampung tersusun dengan kekerapan perkhidmatan yang lazim iaitu setiap hari bagi kawasan jalan utama atau tiga (3) kali seminggu untuk jalan sekunder. Bagi kawasan perkampungan yang bertaburan, kerja-kerja pembersihan dijalankan secara *task force*.

Untuk kawasan Balik Pulau, terdapat 38 buah kawasan taman perumahan yang diselenggara oleh MBPP. Bagi perkhidmatan pembersihan jalan dan parit di 21 buah kawasan taman perumahan, MBPP memperuntukkan tenaga kerja tetap seramai 26 orang. Bagi 17 buah kawasan taman perumahan yang lain termasuk Taman Simpang Jaya, pembersihan dijalankan secara *task force*. MBPP kini dalam proses untuk mengisi tenaga pekerja tambahan di kawasan Balik Pulau.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Dunia masa kini banyak memperkatakan mengenai Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0),
- (a) Nyatakan usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk memberi pendedahan kepada orang ramai dan langkah-langkah persediaan menghadapi situasi ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Pada masa ini, fokus Kerajaan Negeri adalah untuk memperkasakan pembelajaran *Science, Technology, Engineering & Mathematics* (STEM) di negeri Pulau Pinang seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Justeru, pendedahan kepada orang ramai juga menjurus ke arah pembelajaran dalam bidang STEM. Untuk memupuk minat terhadap pembelajaran STEM dan memberi pendedahan kepada orang ramai, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut :-

- (i) Menubuhkan Penang Science Cluster (PSC) untuk orang awam belajar, berinteraksi dan menjalankan aktiviti berkaitan dengan bidang sains. PSC menganjurkan Penang International Science Fair (PISF) yang merupakan acara tahunan sejak tahun 2011 dan melaksanakan bengkel sains dan teknologi kepada pelajar dan orang awam. Sehingga kini, tiga buah *Science Cafe* telah dibuka iaitu di Krystal Point, Wisma Yeap Chor Ee dan di Pusat Perniagaan Alma;

- (ii) Menubuhkan Creative Animation Trigger (@CAT) untuk mempromosikan bidang sains, teknologi dan animasi kreatif di negeri ini. @CAT bertempat di Wisma Yeap Chor Ee dan berfungsi mempercepat penubuhan serta pertumbuhan syarikat-syarikat baharu kreatif berasaskan teknologi, memupuk bakat-bakat baru dalam bidang *cloud computing*, aplikasi teknologi, *big data analytics* (BDA) dan *internet of things* (IOT);
- (iii) Menubuhkan Penang Maths Platform (PMP) di Karpal Singh Penang Learning Centre (KSPLC) yang menumpukan kepada pembelajaran Matematik. KSPLC bekerjasama dengan organisasi seperti Penang Skills Development Centre (PSDC), PSC, Tech Dome Penang dan @CAT dalam memupuk dan melibatkan golongan muda menghadapi Revolusi Industri 4.0;
- (iv) Menubuhkan Tech Dome Penang (TDP) di Komtar bagi memupuk minat dalam bidang sains, inovasi teknologi dan keusahawanan. TDP menyediakan platform kepada semua lapisan masyarakat untuk menerokai keajaiban sains dan teknologi serta menganjurkan program-program seperti kem sains, bengkel pendidikan, seminar, *team building* dan pameran sains yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat; dan
- (v) Menubuhkan Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL) pada Oktober 2016. Berikutan sambutan yang menggalakkan, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Perpustakaan Digital Pulau Pinang Fasa 2 (PDL-P2) di bangunan kuarters Kerajaan Negeri di Jalan Masjid Negeri yang telah mula beroperasi pada Januari 2019. Kerajaan Negeri juga akan membangunkan sebuah perpustakaan digital di kawasan Butterworth, Seberang Perai yang dikenali sebagai Butterworth Digital Library (BDL) untuk membolehkan penduduk di kawasan Seberang Perai mendapat peluang untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan digital. BDL ini dijangka siap dilaksanakan pada akhir tahun 2019 dan akan dibuka kepada orang ramai pada awal tahun 2020. Selain itu, Perpustakaan Digital Islam Pulau Pinang (Penang Islamic Digital Library – PIDL) akan dibangunkan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan dijangka siap pada akhir tahun 2019 dan dibuka kepada orang ramai pada awal tahun 2020.

Selain itu, bagi memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai IR 4.0, Kerajaan Negeri telah mewujudkan *Focus Group Discussion (FGD)* yang diketuai oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan dianggotai pelbagai jabatan dan agensi bagi pelaksanaan siri-siri program advokasi secara berperingkat kepada masyarakat mengenai perkembangan teknologi semasa termasuk IR 4.0. Antara program yang dianjurkan ialah Penang: Beyond Smart Government dan Smart Network for A Better World yang diadakan pada 12 Mac 2019 di Hotel Equatorial, Bukit Jambul untuk mear-warkan informasi mengenai Bandar Pintar kepada ADUN, Ahli Majlis dan Ketua Jabatan / Agensi.

- (a) Antara langkah-langkah persediaan oleh Kerajaan Negeri untuk menghadapi IR 4.0 ialah:-
 - (i) Memastikan bahawa infrastruktur dan kemudahan yang disediakan di dalam kawasan pembangunan mampu memenuhi keperluan pembangunan infrastruktur bersesuaian dengan kehendak dan piawaian keperluan IR 4.0 untuk menarik pelabur. Antaranya ialah dengan pembangunan semula bangunan GBS Mayang di mana ia memenuhi tahap status *Tier 1* piawaian Multimedia Super Corridor

(MSC) dan lain-lain bangunan GBS yang sedang dalam rancangan pembangunan PDC;

- (ii) Menyediakan infrastruktur jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) di seluruh Negeri Pulau Pinang dengan kelajuan minimum 100Mb/s dan menara telekomunikasi untuk memberi kemudahan 5G yang akan dilaksanakan kemudian. Buat masa ini Negeri Pulau Pinang telah diliputi dengan jaringan *fiber* sebanyak 50% merangkumi 3,217 km. PDC Telco sedang berusaha dan bekerjasama dengan *Network Service Provider* untuk menyiapkan baki 50% *fiber* untuk menyokong IR 4.0;
- (iii) Melatih sumber manusia dalam pelbagai bidang kemahiran melalui Penang Skills Development Center (PSDC) bagi memenuhi kehendak industri berasaskan teknologi tinggi di negeri ini. Kerajaan Negeri juga telah membangunkan sistem pendidikan vokasional ala Negara Jerman iaitu Malaysian Mesiter Program (MMP) di Negeri Pulau Pinang dan memberi penajaan sebanyak RM2 juta kepada PSDC bagi melaksanakan program German Dual Vocational Training (GDVT) yang dibangunkan menerusi kolaborasi PSDC dengan German-Malaysian Institute (GMI) untuk melatih pelajar menghadapi IR4.0;
- (iv) Menganjurkan kelas-kelas dan program-program berkaitan robotik, *coding*, *arduino* dan matematik kepada pelajar-pelajar sekolah; dan
- (v) Menggalakkan sektor keusahawanan melalui program sokongan untuk *startup* dan memberi bantuan melalui projek @CAT (*Accelerator for Creative, Analytics & Technology*) untuk meningkatkan peluang pekerjaan. @CAT berfungsi mempercepatkan penubuhan serta pertumbuhan syarikat-syarikat baharu kreatif berasaskan teknologi, memupuk bakat-bakat baharu dalam bidang *cloud computing*, aplikasi teknologi, *big data analytics* (BDA) dan *Internet of Things* (IOT).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 17. Adakah Kerajaan Negeri akan memohon peruntukan kepada Kerajaan Persekutuan untuk menyegerakan fasa seterusnya pembinaan jambatan merentasi Sungai Kerian (Jalan Persekutuan) yang menghubungkan DUN Jawi dan DUN Sungai Acheh kerana kesesakan semakin teruk di jalan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 17. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKR) telah mengemukakan permohonan peruntukan di bawah RP4 RMK-11 2020 kepada Cawangan Jalan JKR Malaysia pada 8 Januari 2019 dan telah diangkat ke Kementerian Kerja Raya (KKR) pada 19 Mac 2019 bagi cadangan menaik taraf jambatan yang merentasi Sungai Kerian (Jalan Persekutuan) Fasa 6 yang menghubungkan DUN Jawi dan DUN Sungai Acheh. Pembinaan jambatan berkenaan akan dimulakan setelah peruntukkan tersebut diluluskan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah perancangan EXCO Kesihatan untuk memastikan masalah menunggu yang terlalu lama dan kekurangan kakitangan hospital di Hospital Kepala Batas dapat di atasi? Hampir setiap hari rungutan mengenai masalah ini ditimbulkan oleh orang ramai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan sentiasa berusaha untuk memastikan penyampaian perkhidmatan dan kemudahan kesihatan yang baik disediakan di seluruh negeri termasuklah di Hospital Kepala Batas.

Bagi mengatasi masalah menunggu lama di Hospital Kepala Batas, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah pun menaik taraf Hospital Kepala Batas kepada Hospital Berpakar Minor sejak hujung tahun 2015 dan memperkenalkan konsep Hospital Kluster Seberang Perai. Melalui inisiatif ini, kolaborasi beberapa hospital, berpakar dan tanpa pakar yang terletak di dalam negeri yang sama dan kawasan geografi yang berdekatan telah dilaksanakan dan sumber sedia ada seperti perkhidmatan kepakaran, peralatan, sumber manusia serta kemahiran akan dapat digembelengkan untuk semua hospital yang terdapat dalam kluster ini. Buat masa ini, kepakaran yang disediakan di Hospital Kepala Batas adalah Kepakaran Kecemasan dan Trauma, Kepakaran Perubatan, Kepakaran Kanak-kanak, Kepakaran Obstetrik dan Ginekologi dan Kepakaran Anestesiologi.

Dalam pada itu, bagi memastikan rawatan dapat diberikan dengan segera, seorang pakar perubatan dan beberapa pegawai perubatan telah ditempatkan di setiap Jabatan pada setiap hari. Selain itu, hospital turut menerima bantuan pakar perubatan dan pegawai perubatan dari Hospital Seberang Jaya selaras dengan konsep Hospital Kluster.

Bagi memastikan rawatan dapat diberikan kepada pesakit selepas waktu pejabat, pihak hospital telah menyediakan pegawai perubatan untuk menjalankan *locum* di Jabatan Kecemasan, Hospital Kepala Batas. Pesakit yang mendapatkan rawatan akan terlebih dahulu disaring berdasarkan kepada kes iaitu zon merah (kritikal), zon kuning (separa kritikal), zon hijau (tidak kritikal). Melalui kaedah ini, masa menunggu untuk pesakit mendapatkan rawatan dapat dikurangkan berdasarkan keutamaan.

Dari segi kekuatan sumber manusia pula, sehingga 31 Disember 2018, perjawatan di Hospital Kepala Batas telah pun diisi sebanyak 98.6%. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang memfokuskan kepada jawatan yang kritikal dan diperlukan walaupun melebihi perjawatan sebagai contoh, pakar perubatan yang sepatutnya ditempatkan di Hospital Kepala Batas adalah berjumlah enam (6) orang, tetapi sejumlah tujuh (7) orang pakar perubatan telah ditempatkan. Bagi pegawai perubatan pula, kini terdapat 90 orang bertugas di Hospital Kepala Batas berbanding 70 orang sahaja sepatutnya.

Dalam masa yang sama, permohonan penambahan kakitangan juga telah dikemukakan kepada Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan penambahan sumber manusia sedang dilaksanakan secara berperingkat.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Dengan peningkatan kes sengatan obor-obor berbahaya yang semakin membimbangkan, apakah tindakan Kerajaan Negeri dari segi mempertahankan aktiviti pelancongan dan juga sukan air/laut?
- (a) Adakah peningkatan mendadak ini berpunca dari aktiviti pembangunan bandar? Nyatakan punca.
 - (b) Apakah usaha yang perlu dilakukan dan akan dilakukan untuk meningkatkan kesedaran?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan Negeri memandang serius terhadap kes sengatan obor-obor berbahaya yang mampu menjejaskan aktiviti pelancongan dan sukan air / laut. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah memberikan dana berjumlah RM10,000 kepada Pusat Kajian Samudera dan Pantai (*Centre for Marine & Coastal Studies, CEMACS*), Universiti Sains Malaysia untuk membuat pemantauan taburan dan kepadatan obor-obor berbahaya di perairan Pulau Pinang khususnya di Teluk Bahang, Batu Ferringhi, Tanjung Bungah, Tanjung Tokong dan Pantai Bersih / Robina. Kajian pemantauan taburan dan kepadatan obor-obor sedang dijalankan bagi tempoh dua tahun yang akan berakhir pada hujung tahun 2019.
- (a) Fenomena obor-obor ini tidak terhad kepada perairan Pulau Pinang tetapi keseluruhan pantai barat termasuk Pulau Langkawi dan Pulau Pangkor. Peningkatan kes sengatan obor-obor berkemungkinan besar disebabkan oleh pertambahan jumlah obor-obor dalam perairan negeri. Banyak faktor yang mempengaruhi peningkatan ini, antaranya:
 - (i) Penghijrahan obor-obor dari tempat lain kerana perubahan cuaca. Penghijrahan ini adalah fenomena lazim bagi hidupan laut. Faktor kekurangan oksigen dalam air laut, fitoplankton, suhu dan kemasinan mempengaruhi populasi obor-obor;
 - (ii) Eutrofikasi iaitu keadaan di mana perairan terlalu kaya dengan nutrien yang mana menyebabkan pertumbuhan plankton yang pesat. Ini menyebabkan populasi obor-obor berkembang;
 - (iii) *Overfishing*, di mana spesies ikan yang menjadikan obor-obor sebagai sumber makanan mereka, telah berkurangan menyebabkan populasi obor-obor tidak dikawal secara biologi; dan
 - (iv) Kemasukan spesis asing ke perairan melalui air *ballast* daripada kapal. Terdapat beberapa kes di mana obor-obor yang ditemui berasal dari perairan asing seperti spesis *Portuguese Man of War* dan *Box Jellyfish*.

Kesemua faktor ini boleh dipengaruhi oleh keadaan semulajadi dan juga antropogenik (buatan manusia). Tidak dinafikan bahawa aktiviti pembangunan boleh menyebabkan "*Jellyfish Bloom*" dan juga dapat mempercepatkan peningkatan tersebut. Kajian yang lebih terperinci adalah diperlukan supaya punca utama boleh ditentukan dan seterusnya langkah-langkah pencegahan atau mitigasi dilaksanakan sewajarnya.

- (b) Usaha-usaha yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat adalah seperti berikut:
- (i) Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memaklumkan kaedah menyelamatkan diri apabila disengat obor-obor. Misalnya cepat balik ke pantai, keluarkan tentakel yang masih melekat pada mangsa, bilas dengan air laut, jangan sentuh luka, jangan letakkan apa-apa bahan seperti cuka, urin, ammonia dan spirit seperti yang ditularkan dalam media kerana ia mungkin akan menyebabkan peningkatan racun keluar dari tentakel;
 - (ii) Sekiranya perlu, satu program kesedaran boleh dijalankan untuk memberi maklumat kepada orang awam dan industri tentang cara menangani isu ini. Ia boleh dilakukan dengan pengedaran brosur dan poster;
 - (iii) Pihak Berkuasa Tempatan boleh mempertimbangkan untuk mendirikan papan tanda amaran di pantai yang sering ditemui obor-obor bagi memastikan para pengunjung berwaspada akan kehadirannya; dan
 - (iv) Kerjasama dengan CEMACS, Universiti Sains Malaysia bagi kajian ke atas pemantauan taburan dan kepadatan obor-obor khususnya musim pembiakan serta faktor yang menyebabkan peningkatan obor-obor boleh ditentukan dan seterusnya langkah-langkah pencegahan boleh dicadangkan.
 - (v) Pejabat PETACH akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk meneliti cara-cara pembersihan untuk mengurangkan pembiakan obor-obor.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Bagaimana Negeri Pulau Pinang sebagai Bandaraya Pintar dan Antarabangsa akan terus diberi penekanan di bawah gagasan Pulau Pinang 2030: Negeri Berorientasikan Kekeluargaan, Hijau dan Pintar untuk Inspirasi Negara seperti yang dilancarkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Visi Penang 2030 merupakan satu *living document* jangka masa panjang yang bertujuan memacu kemajuan negeri dan meningkatkan kesejahteraan rakyat menjelang tahun 2030.

Empat (4) tema utama dan 16 inisiatif strategik dalam Visi Penang 2030 merangkumi setiap aspek kehidupan dan urus tadbir negeri seperti berikut:

Tema A	Meningkatkan Daya Huni untuk Meningkatkan Kualiti Kehidupan (<i>Increase Liveability to Enhance Quality of Life</i>);
Tema B	Menaik Taraf Ekonomi untuk Meningkatkan Pendapatan Isi Rumah (<i>Upgrade The Economy to Raise Household Income</i>);
Tema C	Memperkasakan Rakyat untuk Meningkatkan Penyertaan Masyarakat (<i>Empower People to Strengthen Civic Participation</i>); dan

Tema D	Melabur dalam Persekitaran Infrastruktur dan Kemudahan Awam untuk Meningkatkan Daya Tahan Dalam Pelbagai Keadaan (<i>Invest in The Built Environment to Improve Resilience</i>).
---------------	--

- (i) Tema A bertujuan untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat negeri Pulau Pinang dari aspek perumahan, perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sistem penjagaan warga emas dan kanak-kanak yang sempurna, perkembangan seni dan budaya serta peningkatan taraf kemudahan sukan;
- (ii) Tema B pula banyak memberi tumpuan dalam meningkatkan ekonomi Negeri Pulau Pinang demi mencapai taraf kehidupan yang seimbang dengan negara-negara maju. Peningkatan ekonomi yang bertaraf dunia melibatkan pelbagai industri termasuklah pembuatan, pertanian, logistik, pelancongan, perkhidmatan dan sebagainya;
- (iii) Manakala Tema C merupakan penglibatan komuniti dalam merangka polisi oleh Kerajaan Negeri. Komuniti akan diberi peluang untuk menyumbangkan idea dan melibatkan diri dalam sesuatu keputusan Kerajaan Negeri melalui pelbagai projek dan program yang diadakan oleh pihak kerajaan, pihak swasta ataupun komuniti sendiri. Setiap lapisan masyarakat sama ada warga emas, kaum wanita, mahupun remaja diberi peluang yang sama untuk menyuarakan pendapat masing-masing; dan
- (iv) Tema D pula menekankan pelaburan instrastuktur dan teknologi untuk bergerak seiring dengan dunia digital yang pesat membangun. Ini termasuklah dari segi telekomunikasi di samping mewujudkan jaringan internet yang stabil dan pantas. Sistem telekomunikasi yang stabil dan pantas penting dalam mencapai teknologi baru yang berubah setiap saat. Kerajaan Negeri juga dalam proses mewujudkan Unit Digital Penang, seiring dengan perkembangan dunia teknologi dan digital. Selain itu, Pulau Pinang juga menjadi tuan rumah *World Congress on Information Technology 2020 (WCIT)* pada September 2020. Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju yang lain dan seterusnya menjadi Bandaraya Pintar dan Antarabangsa.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 21. Apakah jenis-jenis bantuan yang diberikan Kerajaan Negeri kepada pelajar bukan warganegara di sekolah kerajaan yang berstatus miskin bandar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 21. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaksanakan Program Kewarganegaraan Pulau Pinang sejak 1 Februari 2013 bagi membantu penduduk Pulau Pinang yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan Malaysia. YB. Prof Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy selaku Timbalan Ketua Menteri II telah dilantik sebagai pemantau program manakala seramai lima (5) orang Pegawai Pembantu Kewarganegaraan telah dilantik bagi setiap daerah di Pulau Pinang untuk menjalankan tugas-tugas membantu individu tanpa taraf kewarganegaraan dalam membuat permohonan daftar lewat sijil lahir, daftar lewat kad pengenalan, permohonan kewarganegaraan, permohonan berkaitan kes-kes imigresen dan juga lain-lain permohonan yang berkaitan dengan status kewarganegaraan Malaysia.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri melalui program tersebut hanya membantu murid bukan warganegara yang menghadapi masalah permohonan kemasukan ke sekolah termasuk permohonan kewarganegaraan di semua sekolah selaras dengan Perkara

15 (A) Perlembagaan Persekutuan yang membolehkan kerajaan mendaftarkan mana-mana orang di bawah umur dua puluh satu (21) tahun sebagai warganegara jika memenuhi syarat.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Pembaharuan semula bandar tindakan terbaik Kerajaan Negeri untuk rakyat di kawasan perumahan yang telah lama dan usang hampir 30 – 40 tahun pembinaan. Amat baik keputusan Kerajaan Negeri untuk projek perintis perumahan Taman Mahsuri dalam konsep ini.

(a) Mohon penjelasan konsep bina semula ini dan butiran lengkap projek di Mahsuri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Pembaharuan Semula Bandar (*urban regeneration / renewal*) merupakan inisiatif Kerajaan Negeri dalam memastikan skim-skim perumahan yang telah lama dibina, usang dan terabai diremajakan semula. Jawatankuasa Pembaharuan Semula Bandar yang ditubuhkan sejak tahun 2015 telah meneliti lima (5) skim perumahan awam Kerajaan Negeri yang kritikal dan perlu diperbaharui iaitu:-

- (i) Rumah Pangsa Padang Tembak;
- (ii) Rumah Pangsa Taman Free School;
- (iii) Rumah Pangsa Lorong Mahsuri;
- (iv) Rumah Pangsa Mak Mandin; dan
- (v) Rumah Pangsa Taman Siakap, Seberang Jaya.

(a) Rumah Pangsa di Lorong Mahsuri atau Mahsuri 5 *Points Block* di bawah Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC) telah selesai fasa perundingan di mana 99% pemilik bangunan bersetuju untuk pelaksanaan konsep ini. Terdapat dua (2) kaedah yang boleh digunakan bagi tujuan pembangunan semula bandar iaitu pengambilan tanah Seksyen 3 (1) (c) Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 atau penamatan skim dibawah Seksyen 57 Akta Hakmilik Strata 1985. Setelah isu perundangan dimuktamadkan, Kerajaan Negeri akan menetapkan konsep pembangunan semula mengambil kira kemampuan kewangan, kebolehlaksanaan dan kepentingan pemilik unit. Secara asasnya, ia melibatkan perobohan bangunan sedia ada dan pembinaan unit baharu dengan keluasan yang lebih lengkap dengan fasiliti dan kemudahan. Konsep pampasan unit kepada pemilik unit asal adalah berdasarkan persetujuan yang dicapai sebelum ini, iaitu unit ganti unit kepada keluarga asal dan keutamaan membeli kepada keluarga kembangan. Mengambil kira faktor ini, densiti pembangunan akan ditingkatkan bagi menampung kos keseluruhan pemajuan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Inisiatif yang progresif dalam menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada awal tahun 2019 patut dipuji sebab tidak pernah ada jawatankuasa sedemikian di Malaysia.

(a) Adakah pelantikan Jawatankuasa JPWK di semua KADUN telah disempurnakan?

- (b) Apakah status pelaksanaan JPWK di Pulau Pinang? Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Pelantikan anggota Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) di 40 KADUN negeri Pulau Pinang telahpun diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 1 Februari 2019, 13 Februari 2019 dan 6 Mac 2019 dengan penglibatan seramai 596 orang anggota.
- (b) Pelaksanaan JPWK bermula selepas semua anggota menerima watakah pelantikan pada 16 Februari 2019 dan 6 April 2019. Pada peringkat permulaan satu bengkel pengurusan program telah diadakan kepada semua Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari serta tiga (3) orang ahli untuk memberi pengetahuan dan latihan mengenai proses pelaksanaan sesuatu program serta merancang belanjawan yang diperlukan bagi setiap program. Semasa bengkel tersebut juga semua anggota telah diberikan buku Panduan Operasi, Borang Penyerahan Projek dan template Kertas Cadangan Projek yang akan digunapakai apabila sesuatu program dirancang untuk dilaksanakan.

Seterusnya, Bengkel Pembangunan Kapasiti JPWK juga telah diadakan dan sehingga kini terdapat enam (6) siri Bengkel Pembangunan Kapasiti yang telah dilaksanakan sepanjang bulan Mac dan April bertempat di Seberang Perai dan bahagian Pulau. Seramai 418 orang (70%) daripada 596 anggota JPWK telah hadir bengkel tersebut. Sementara itu, sehingga 31 Mac 2019 sebanyak 23 JPWK telahpun menganjurkan pelbagai program di KADUN masing-masing.

Selain itu, satu sistem telah dibangunkan untuk membantu pengurusan program agar lebih efisien dan efektif oleh PWDC. Sistem ini juga turut membantu memudahkan pengurusan kertas cadangan dan belanjawan di samping memudahkan pemantauan JPWK dalam memenuhi Indeks Prestasi Utama atau KPI yang telah ditetapkan.

Pasukan pelatih PWDC juga telah mengenal pasti calon-calon berpotensi dari JPWK untuk melalui latihan kepimpinan yang lebih lanjut. Ini akan membantu meningkatkan perwakilan wanita dalam pembuat keputusan untuk masa hadapan.

Selain daripada pembangunan kepimpinan JPWK, PWDC juga mengadakan sesi dialog setiap suku tahun bersama semua Pengerusi JPWK. Sesi dialog tersebut adalah satu platform bagi Pengerusi-pengerusi JPWK berkongsi pengalaman dalam menyelesaikan masalah dan mencetus idea dalam melaksanakan program dan projek JPWK dengan lebih berjaya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Berikan KDNK bagi tahun 2017 dan 2018 bagi Negeri Pulau Pinang dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Perincian.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Pada tahun 2017, ekonomi Pulau Pinang mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 5.3%. Secara keseluruhannya, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Pulau Pinang merekodkan nilai sebanyak RM77.6 bilion pada tahun 2017 dengan peningkatan RM3.9 bilion berbanding RM73.7 bilion pada tahun sebelumnya.

Sektor perkhidmatan dan pembuatan mendominasi ekonomi Pulau Pinang dengan jumlah sumbangan keseluruhan sebanyak 94.1% kepada KDNK negeri pada tahun 2017.

Sektor perkhidmatan merekodkan nilai berjumlah RM38.31 bilion dengan menyumbang 49.3% kepada keseluruhan KDNK Pulau Pinang pada tahun 2017. Perincian subsektor perkhidmatan adalah seperti berikut.

Subsektor Perkhidmatan	Nilai (RM juta)	Peratus sumbangan (%)
Utiliti, pengangkutan & penyimpanan, maklumat dan komunikasi	9,242	24.1
Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan	11,854	30.9
Kewangan & insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	8,038	21.0
Perkhidmatan kerajaan	5,395	9.9
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	3,782	14.1
Jumlah	38,311	100.00

Sektor pembuatan pula menyumbang sebanyak 44.8% kepada KDNK Pulau Pinang pada tahun 2017 dengan nilai berjumlah RM34.75 bilion. Perincian subsektor pembuatan adalah seperti berikut.

Subsektor Pembuatan	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)
Produk elektrik, elektronik dan optikal	22,663	65.2
Produk petroleum, kimia, getah dan plastik	3,962	11.4
Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka	3,233	9.3
Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan	3,059	8.8
Lain-lain	1,842	5.3
Jumlah	34,759	100.00

Data KDNK bagi tahun 2018 belum dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia setakat ini.

RUJ. LAMPIRAN A DAN B (NO. 24 ZML)

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Apakah tahap persediaan dan SOP sedia ada Kerajaan Negeri untuk menghadapi bencana atau memastikan tragedi pencemaran kimia toksik yang berlaku baru-baru ini di Sungai Kim Kim tidak berlaku di Pulau Pinang khususnya di Seberang Perai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Kerajaan Negeri sentiasa bersiap-siaga dalam menghadapi apa jua kemungkinan bencana yang akan berlaku. Bagi bencana pencemaran alam sekitar yang melibatkan bahan kimia atau toksik, Kerajaan Negeri akan merujuk kepada Standard Operating Procedure (SOP) Jabatan Alam Sekitar (JAS). JAS juga mempunyai Prosedur Tetap Operasi (PTO) Penyiasatan Pelupusan Haram Buangan Terjadual sebagai rujukan dalam menjalankan siasatan dan tindakan bagi menangani kes pembuangan dan pelupusan sisa toksik/berbahaya secara haram.

Di samping itu JAS juga mempunyai bilik kawalan yang beroperasi 24 jam di Ibu Pejabat JAS Putrajaya di mana orang ramai boleh menghubungi melalui talian bebas tol 1-800-88-2727. Setiap aduan atau maklumat yang diterima akan disalurkan terus kepada JAS Negeri yang berkaitan agar tindakan segera dapat diambil bagi mengawal pencemaran yang berlaku. Orang ramai juga boleh membuat laporan secara atas talian melalui email aduan_k@doe.gov.my atau datang terus ke mana-mana pejabat JAS di seluruh negara.

Bagi pencemaran yang serius dan diklasifikasikan sebagai bencana, maka Arahan Nombor 20, Dasar dan Mekanisma Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara, di bawah Majlis Keselamatan Negara akan diguna pakai dan penyeliaan akan diambil alih oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA Malaysia).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Astaka Taman Tun Sardon terkenal sebagai salah satu hub makanan di Pulau Pinang tetapi premis perlu dinaiktarafkan untuk memberi imej yang lebih baik kepada pengunjung-pengunjung.
- (a) Apakah status penyerahan dari ICU ke MBPP?
- (b) Berapakah kos untuk menaik taraf astaka supaya selaras dengan GBI?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Kerajaan Negeri memandang serius terhadap kebersihan kesemua kompleks makanan termasuk di Taman Tun Sardon memandangkan Pulau Pinang merupakan salah satu destinasi industri pelancongan makanan. Mulai 1 Februari 2019, Astaka Taman Tun Sardon telah pun diserahkan kepada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Pulau Pinang (ICU JPM). Sehubungan itu, segala urusan pengurusan dan pentadbiran Astaka Taman Tun Sardon seperti penawaran unit gerai kepada penjaja dan pembersihan premis adalah di bawah bidang kuasa MBPP sepenuhnya.
- (b) MBPP dalam proses semakan bersama Perunding GBI untuk memastikan kerja-kerja yang terlibat bagi mendapatkan anggaran kos untuk menaik taraf Astaka Taman Tun Sardon sebagai astaka yang mempunyai pengiktirafan GBI.

Ahli Kaasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Mengapakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberikan kelulusan untuk diwujudkan asrama pekerja asing di taman perumahan?
- (a) Senaraikan taman-taman tersebut.
 - (b) Apakah syarat yang dikenakan oleh JTK /PBT dalam memberikan kebenaran dan adakah kajian *Social Impact Assessment* dijalankan atas permohonan ini?
 - (c) Senaraikan perjumpaan / dialog yang telah diadakan oleh pihak Kerajaan Negeri / jabatan bersama penduduk.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak pernah memberikan kelulusan untuk asrama pekerja asing di taman perumahan memandangkan Garis Panduan Perancangan Pembinaan Asrama Pekerja Negeri Pulau Pinang (Pindaan 2017) telah mensyaratkan bahawa pembinaan asrama pekerja hanya dibenarkan di kawasan yang dizonkan sebagai perniagaan dan perindustrian ringan dan sederhana sahaja.
- (a) Berdasarkan semakan bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak ada kelulusan kepada mana-mana syarikat untuk menyediakan asrama pekerja asing di kawasan taman perumahan.
 - (b) Terdapat 15 syarat utama yang dikenakan ke atas pemaju untuk pembinaan asrama pekerja. Senarai syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:-
 - (i) Kategori Zon yang dibenarkan adalah perniagaan dan industri ringan dan sederhana;
 - (ii) Nisbah Plot yang dibenarkan 2.0:1 maksima 3.5:1 (tertakluk kepada bayaran pemajuan bagi melebihi nisbah plot 2.0:1);
 - (iii) Keluasan adalah minimum 2 Ekar untuk 5000 penduduk;
 - (iv) Ketinggian Bangunan adalah tertakluk kepada ketinggian di sesuatu kawasan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan perlu merujuk Jabatan Penerbangan Awam sekiranya terletak di laluan '*flight path*';
 - (v) Rekabentuk Bangunan perlulah bersifat mesra alam dan menggunakan bahan binaan yang berkualiti dan tidak mudah terbakar serta mematuhi syarat yang ditetapkan oleh PBT;
 - (vi) Anjakan Bangunan perlu mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh PBT;
 - (vii) Saiz Ruang Lantai minimum adalah 800 kaki persegi/unit;
 - (viii) Bilangan Bilik:
 - Hostel : Maksima 18 orang /unit

: 1 blok bangunan sekurang-kurangnya 60 unit di mana setiap aras mempunyai 15 unit.

- Pangsapuri : Minima 3 bilik tidur, 2 bilik air dan tandas berasingan, ruang tamu dan ruang memasak dan maksimum 18 orang/unit.

(ix) Jumlah Penghuni

- Pemaju dikehendaki untuk menyediakan sekurang-kurangnya 4.0 meter persegi *Gross Floor Area* (GFA) GFA setiap pekerja untuk ruang lega; dan
- Memastikan merangkumi kemudahan asas seperti ruang dapur dan tandas bagi tujuan meningkatkan taraf kehidupan asrama dan membantu mengurangkan isu amenity.

(x) Ketinggian lantai ke lantai adalah maksimum 3.6 meter untuk kawalan ketinggian lantai

(xi) Jarak Zon Penampunan

Mematuhi ketetapan dan keperluan zon penampunan oleh Jabatan Alam Sekitar iaitu:-

- Kawasan industri ringan adalah 50 meter manakala kawasan industri sederhana adalah 150 meter.

Walau bagaimanapun, tertakluk kepada kehendak Jabatan Alam Sekitar semasa pemohon mengemukakan Permohonan Merancang.

(xii) Tempat Letak Kenderaan

- (a) Tempat letak kereta – 3% (maksima) dari bilangan unit domitori dan pangsapuri
- (b) Tempat letak motosikal – 5% (maksima) dari bilangan unit domitori dan pangsapuri
- (c) Penyediaan tempat letak kenderaan adalah untuk pihak pengurusan sahaja
- (d) Tempat letak bas – (minima) 3 petak

(xiii) Rangkaian Jalan Raya adalah 66 kaki bagi kawasan industri dan 50 kaki bagi kawasan perniagaan;

(xiv) Penyediaan Kawasan Lapang di atas tanah adalah 10% daripada luas tapak pembangunan asrama dan kemudahan rekreasi seperti padang bola, gelanggang permainan dan lain-lain persamaan boleh diambilkira sebagai sebahagian kawasan lapang;

(xv) Penyediaan Kemudahan Sokongan hendaklah disediakan sebanyak 20% daripada kandungan ruang lantai asrama pekerja yang dicadangkan.

Semua syarat-syarat ini tidak termasuk syarat tambahan yang dikenakan ke atas pemaju berdasarkan kepada lokasi pembangunan asrama dan semasa pengemukaan permohonan Kebenaran Merancang.

Bagi pembinaan asrama pekerja, sememangnya pihak pemaju perlu melaksanakan Kajian Penilaian Impak Sosial (SIA).

- (c) Terdapat dua (2) taklimat dan sesi dialog yang telah diadakan bersama penduduk dan pemaju yang terlibat serta turut dihadiri oleh Ahli Parlimen dan ADUN Kawasan iaitu:-
- (i) Taklimat dan sesi dialog bagi Projek Kuarters Pekerja di Bukit Minyak pada 25 Julai 2016; dan
 - (ii) Taklimat dan sesi dialog bagi Projek Kuarters Pekerja di Juru pada 9 Januari 2017.

Kedua-dua projek pembinaan asrama pekerja ini bukan terletak di kawasan taman perumahan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Apakah kaedah perlindungan dan/atau langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pejalan-pejalan kaki di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Kaedah perlindungan dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pejalan-pejalan kaki di Pulau Pinang adalah seperti berikut:-
- (i). Membina jejantas pejalan kaki untuk keselamatan dan keselesaan pejalan-pejalan kaki;
 - (ii). Memasang sebanyak 119 lintasan pejalan kaki berlampu isyarat di kawasan pulau, Pulau Pinang untuk meningkatkan keselamatan pejalan kaki;
 - (iii). Membina dan menaik taraf laluan pejalan kaki sepanjang 32.30 km di bahagian pulau berdasarkan reka bentuk sejagat (*Universal Design*);
 - (iv). Memasang penghadang / pagar (*railing*) di lokasi-lokasi tersebut untuk memberi perlindungan kepada pejalan kaki yang menggunakan laluan tersebut;
 - (v). Melaksanakan kempen *Pedestrian is King* bagi memberikan kesedaran kepada pengguna jalan raya untuk berhati-hati dan memberi laluan kepada pejalan kaki untuk melintas jalan di lintasan pejalan kaki; dan
 - (vi). Melaksanakan projek kaki lima bebas halangan sejak tahun 2015 yang melibatkan jalan-jalan di kawasan warisan seperti Lebuhraya Chulia, Jalan Masjid Kapitan Keling dan Lebuhraya Prangin.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah mengambilkira kriteria-kriteria yang telah digariskan di dalam Garis Panduan Rekabentuk Bandar Selamat, Panduan Pelaksanaan *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED) antaranya:

- (i). Kelebaran jalan perlulah mematuhi garis panduan sedia ada yang diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan;
- (ii). Jaringan jalan mestilah berkesinambungan (*inter-connected*) dan mempunyai hierarki yang jelas serta diasingkan dari laluan bermotor;
- (iii). Memastikan jalan baru dan sedia ada berkesinambungan agar tiada pengasingan di antara kawasan baru dan lama;
- (iv). Memastikan hierarki dan reka bentuk jalan sesuai dengan jenis pembangunan dan tahap kelajuan yang dibenarkan;
- (v). Laluan pejalan kaki tidak digalakkan berhubung dengan jalan mati;
- (vi). Menyediakan pencahayaan di ruang yang gelap di sepanjang jalan dan laluan pejalan kaki pada jarak dan ketinggian yang sesuai;
- (vii). Menyelenggara akses dan laluan pejalan kaki secara berkala dan berterusan supaya berkeadaan baik dan bersih bagi meningkatkan tahap keyakinan orang awam bahawa kawasan tersebut terjaga dan selamat digunakan;
- (viii). Penyediaan jalan terus (*through road*) yang melalui kawasan perumahan ke kawasan berhampiran tidak dibenarkan;
- (ix). Jalan keluar masuk perlu dihadkan dan dikawal (tidak melebihi (dua) 2 akses) bagi setiap pembangunan mengikut Garis Panduan Perancangan *Gated Community* dan *Guarded Neighbourhood* untuk perincian;
- (x). Memastikan laluan pejalan kaki disediakan di kedua-dua belah jalan terutama di kawasan tumpuan awam;
- (xi). Menyediakan laluan pejalan kaki yang boleh dilihat secara terus dari premis berhampiran dan tidak terhalang oleh sebarang struktur;
- (xii). Mengelakkan ruang tersembunyi, tersorok dan ruang yang boleh meningkatkan potensi berlaku jenayah di laluan pejalan kaki;
- (xiii). Menyediakan laluan pejalan kaki yang mendapat pencahayaan semulajadi secara optimum pada waktu siang tetapi selesa kepada pengguna melalui penyediaan elemen teduhan dan landskap yang sesuai;
- (xiv). Jejantas tidak terlindung daripada sebarang objek seperti papan tanda, sepanduk, papan iklan, pokok dan papan tanda luar (*billboard*) serta mempunyai pencahayaan terang dan pandangan yang jelas;
- (xv). Laluan pejalan kaki bawah tanah tidak dibenarkan bagi mengelakkan perlakuan jenayah; dan
- (xvi). Mengenalpasti zon berprofil tinggi (aktiviti bank, pengurup wang, kedai emas, kedai beroperasi 24 jam) untuk memudahkan pemantauan pihak polis dan membolehkan perkongsian peralatan keselamatan (CCTV, penggera keselamatan, *traffic calming*).

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Apakah objektif *Experience Penang 2020*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. *Experience Penang Year 2020* merupakan kempen Tahun Melawat Pulau Pinang 2020. Kempen ini juga adalah selaras dengan kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 yang dijalankan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Objektif *Experience Penang Year 2020* adalah seperti berikut:

- (a) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama;
- (b) Meningkatkan jumlah ketibaan pelancong ke Pulau Pinang;
- (c) Meningkatkan ekonomi Pulau Pinang melalui pendapatan hasil daripada aktiviti pelancongan;
- (d) Memacu kepesatan industri pelancongan dengan inisiatif 4R; *Restructuring, Rebranding, Remarketing, Repositioning*;
- (e) Menempatkan kedudukan (*position*) Pulau Pinang secara kompetitif melalui produk pelancongan berkualiti tinggi untuk menarik *high value travelers* (pelancong bernilai tinggi) dan meningkatkan perbelanjaan pelancong;
- (f) Mempertingkatkan perkhidmatan dan hospitaliti industri perkhidmatan dan pelancongan untuk menyampaikan pengalaman Pulau Pinang yang unik (*to deliver a uniquely Penang experience*) seiring dengan *Experience Penang*; dan
- (g) Selaras dengan visi Penang 2030 untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi dan hab kesenian, kebudayaan dan warisan kebangsaan.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Sila nyatakan jumlah keluasan tanah yang masih dipegang oleh PDC di Batu Kawan, timur Batu Kawan, selatan Penang Science Park dan Byram.

- (a) Apakah perancangan PDC terhadap tanah-tanah ini?
- (b) Nyatakan jumlah nilai pelaburan perindustrian, perniagaan dan perumahan di Batu Kawan?
- (c) Adakah PDC memiliki *Batu Kawan Transportation Master Plan*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Keluasan tanah yang masih dalam rekod pegangan Penang Development Corporation (PDC) di Batu Kawan, Timur Batu Kawan, Selatan Penang Science Park (SPSP) dan Byram serta rancangan pembangunan adalah seperti berikut:-

KAWASAN	KELUASAN (EKAR)	RANCANGAN PEMBANGUNAN
Batu Kawan	2,946.7	Pembangunan Bercampur, Taman perindustrian dan Perumahan Mampu Milik
Timur Batu Kawan	622.6	Pembangunan Bercampur, Perindustrian,
Penang Science Park Selatan	173.9	Perindustrian
Byram	782.7	Perindustrian
JUMLAH	4,525.9	

Industri yang dirancang di Batu Kawan Industri Park (BKIP) dan SPSP adalah lebih tertumpu kepada jenis perusahaan 'promoted industry' seperti 'Electrical & Electronics (E&E), Electronics Manufacturing Services (EMS), Light Emitting Diodes (LED), Medical Devices, Aerospace, Semiconductor, Automotive' dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan.

- (b) Anggaran nilai pelaburan bagi setiap sektor di Batu Kawan adalah seperti berikut:-
- (i) Setakat Mac 2019, dianggarkan pelaburan dalam sektor perindustrian berjumlah RM10.0 billion bakal dijana oleh syarikat *Multinational Corporation* (MNC) dan tempatan di BKIP;
 - (ii) Dalam sektor perniagaan, jumlah pelaburan yang direkodkan berdasarkan surat perjanjian yang telah ditandatangani adalah RM17.8 billion; dan
 - (iii) Bagi sektor perumahan, PDC telah melaksanakan projek Perumahan Mampu Milik Suria 1 di mana kos pembangunan kasarnya adalah berjumlah RM135 juta dan fasa seterusnya (Suria 2) dijangka akan dimulakan pada penghujung tahun 2019 ini di mana kos pembangunan kasarnya berjumlah RM127 juta.
- (c) PDC tidak memiliki Batu Kawan Transportation Master Plan tetapi sebaliknya hanya menjalankan Kajian Lalu Lintas Dan Pengangkutan Awam Bersepadu di Bandar Cassia dan laporan *Traffic Impact Assessment (TIA)* telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada 05 Disember 2018 yang akan dijadikan panduan dalam perancangan pengangkutan dan lalu lintas di Bandar Cassia, Batu Kawan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

31. Senaraikan kerja tanah yang dijalankan tanpa kebenaran di Pulau Pinang mengikut daerah, lokasi dan keluasan tanah.
- (a) Terangkan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini.

- (b) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menggubal undang-undang agar tindakan tegas boleh diambil ke atas tuan tanah yang ingkar perintah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

31. Setakat 31 Mac 2019, berdasarkan kepada pemantauan oleh pihak MBPP terdapat 44 lot tanah yang menjalankan kerja-kerja tanah tanpa kebenaran iaitu 11 di Daerah Timur Laut, 33 di Daerah Barat Daya. Bagi kawasan MPSP pula, sebanyak 64 lot tanah yang didapati menjalankan kerja-kerja tanah tanpa kebenaran iaitu 27 di Daerah Seberang Perai Utara, 33 di Daerah Seberang Perai Tengah dan 4 di Daerah Seberang Perai Selatan.

Senarai kerja tanah tanpa kebenaran mengikut daerah, lokasi dan bilangan lot di Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:
- (i) Meningkatkan tenaga kerja (*work force*) yang terbabit dengan pemantauan kerja-kerja tanah tanpa kelulusan khususnya kawasan bukit;
 - (ii) Mempertingkatkan masa pemantauan (*monitoring time*) pada setiap hari;
 - (iii) Menyelaras tindakan penguatkuasaan bersepadu dengan semua agensi yang berkaitan seperti Pejabat Daerah dan Tanah serta Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM);
 - (iv) Mempertingkatkan pemantauan dengan menggunakan '*drone*' bagi kawasan yang sukar dipantau dari aras jalan dan melalui Kamera Litar Tertutup (CCTV);
 - (v) Bekerjasama erat dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang membantu dalam pemantauan;
 - (vi) Mengeluarkan notis untuk memberhentikan pemajuan / kerja tanah dan arahan memulihkan tanah kepada keadaan asalnya di bawah peruntukkan Akta Perancang Bandar & Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 (Akta 133);
 - (vii) Menjalankan operasi rampasan jentera & mengorek laluan keluar masuk bagi memastikan kerja tanah dihentikan & menghalang kerja tanah diteruskan; dan
 - (viii) Mengambil tindakan mahkamah. Denda maksima RM500,000 jika sabit kesalahan di bawah Akta Perancang Bandar & Desa 1976 (Akta 172) dan denda maksima RM50,000 di bawah Akta Jalan parit & Bangunan 1974
- (b) Usaha-usaha Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan MBPP, kini dalam peringkat akhir proses penggubalan Undang-Undang Kecil (Kerja Tanah) 2018 dengan mengambil kira isu-isu semasa dan kepentingan awam bagi memastikan undang-undang kecil merangkumi aspek mengenakan denda dan kompaun kesalahan ke atas pesalah-pesalah yang menjalankan kerja tanah tanpa kelulusan Majlis. Bagi MPSP pula, Undang-undang sediaada iaitu peruntukkan Akta Perancang Bandar & Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan

Parit & Bangunan 1974 (Akta 133) sudah memadai sebagai langkah / tindakan tegas yang boleh diambil ke atas tuan-tuan tanah yang ingkar perintah.

RUJ. LAMPIRAN A (NO. 31 LKL)

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

32. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh JPS bagi mengatasi masalah banjir di Taman Helang Jaya dan Kg. Che Aminah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

33. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengambil tindakan untuk mengatasi masalah banjir di Taman Helang Jaya dan Kampung Che Aminah melalui pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf Rumah Pam Che Aminah dengan skop kerja seperti berikut:
- (i) Menaik taraf struktur dan juga pengalihan struktur mekanikal rumah pam dengan menggunakan Peruntukan Pembangunan Negeri berjumlah RM176,550.00 pada tahun 2018. Kerja-kerja menaik taraf tersebut telah siap sepenuhnya pada 3 Disember 2018; dan
 - (ii) Pelaksanaan kerja-kerja untuk meningkatkan kapasiti pam serta kerja mekanikal dan elektrik melalui peruntukan Persekutuan sebanyak RM466,500.00 yang telah diluluskan di bawah Rolling Plan 4 (RP4), Rancangan Malaysia Ke-11 pada tahun 2019. Status pelaksanaan setakat ini adalah di peringkat penilaian sebut harga dan kerja-kerja dijangka siap pada 30 November 2019.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

33. Menjawab persoalan pembersihan awam di kampung semasa Majlis Induksi MPKK P.P pada 3/2019 YB Menteri KPLB telah sarankan penubuhan Majlis Tempatan bawah MPKK yang mengutip cukai pintu dan menjana pendapatan sendiri, buat pembersihan awam dan landskap seperti di Kg Bukit Bulat, Alor Gajah sebelum PRU14.

Y.A.B. Ketua Menteri:

34. Kerajaan Negeri mengambil maklum saranan ini. Namun begitu, didapati cadangan penubuhan Majlis Tempatan di bawah Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) untuk mengutip cukai pintu dan menjana pendapatan sendiri, membuat pembersihan awam dan landskap memerlukan satu kajian yang terperinci kerana ianya akan melibatkan isu-isu perundangan. Tugas melaksanakan kutipan cukai taksiran, membuat kerja-kerja pembersihan awam dan kerja-kerja landskap adalah dibawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Akta Perancang Bandar dan Desa 1974 (Akta 172) dan tiada kaitan dengan MPKK. Tambahan pula jika kutipan itu dilakukan oleh MPKK, maka punca utama hasil PBT akan terjejas. Walau bagaimanapun, sebagai tanggungjawab bersama bagi menjaga kebersihan, MPKK boleh mengurus gotong-royong dengan penglibatan masyarakat setempat.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daneil Gooi Zi Sen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

34. Usul Bersama di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama Pembangkang Pulau Pinang yang ditandatangani pada Februari, 2017.
- (a) Apakah status terkini Usul Bersama tersebut yang merangkumi aspek syarat pinjaman perumahan dan pindaan kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966?

Y.A.B. Ketua Menteri:

35. Kerajaan Negeri pada 22 Februari 2017 telah mengemukakan Usul Bersama yang ditandatangani oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang dan Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Usul tersebut menggesa agar aspek perundangan diteliti, dipinda atau diwujudkan bagi menangani masalah penyewaan unit kediaman kos rendah dan kos sederhana rendah kepada pihak ketiga. Keadaan ini diburukkan lagi dengan kebanjiran warga asing di skim-skim perumahan ini yang menimbulkan kegusaran kepada komuniti. YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan turut menyuarakan perkara ini bersama YB Menteri Perumahan di dalam beberapa sesi pertemuan selanjutnya pada 4 dan 26 Jun 2018. Input ini seterusnya akan turut dimasukkan di dalam Dasar Perumahan Negara 2.0 yang akan dikuatkuasakan pemakaiannya tidak lama lagi.

Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan)[Akta 118] tidak memperuntukkan klausa yang mensyaratkan unit kediaman termasuk kos rendah atau sederhana rendah perlu dihuni oleh pemilik. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan kawalan dengan mensyaratkan akujanji untuk mendiami unit tersebut di dalam Borang Permohonan 1 Unit Rumah Mampu Milik Kerajaan Negeri (PN1). Kementerian juga telah diminta untuk mengkaji samada Akta tersebut perlu dipinda untuk menangani isu ini.

Sebagai langkah proaktif, Kerajaan Negeri turut mengkaji lain-lain kaedah pemilikan rumah mampu milik khususnya RMM A dan B yang memberi lebih kawalan kepada Kerajaan untuk mengekang gejala penyewaan ini. Selain dari itu, melalui Garis Panduan Perancangan Pembinaan Asrama Pekerja di negeri Pulau Pinang yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 13 Tahun 2017 pada 21 November 2017, isu pekerja asing yang mendiami kediaman rumah mampu milik A dan B dijangka dapat dikurangkan dengan pembinaan satu (1) projek asrama pekerja dengan kapasiti 6,600 katil telah siap dibina di Bukit Minyak dan akan disusuli dengan empat (4) lagi projek yang sama.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

35. Dengan pengumuman pembinaan Lapangan Terbang baharu di Kulim, adakah Kerajaan Negeri masih akan meneruskan hasrat untuk membina sebuah Lapangan Terbang Antarabangsa yang baharu di atas tanah tebus guna di Batu Maung?
- (a) Apakah kesan pengumuman lapangan terbang di Kulim terhadap "Penang International Airport"? serta;
- (b) Impaknya kepada ekonomi Pulau Pinang untuk jangka panjang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

35. Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini sedang di dalam tindakan untuk melantik perunding bagi membuat Kajian Kebolehlaksanaan Pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Koridor Utara. Proses merangka Terma Rujukan bagi tujuan tersebut kini sedang dijalankan. Pelantikan perunding ini dijangka akan dilaksanakan pada suku terakhir tahun 2019. Kajian ini dicadangkan untuk dilaksanakan secara menyeluruh agar keputusan yang tepat dapat diperolehi dan diteliti secara mendalam sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan.
- (a) Kerajaan Negeri telah meneliti laporan yang disediakan oleh dua (2) juruperunding iaitu KPMG Corporate Advisory bagi pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan KLIA Consultancy bagi pihak Kerajaan Negeri Kedah untuk kajian kebolehlaksanaan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP). Berdasarkan kedua-dua laporan tersebut, pembinaan KXP akan memberi kesan yang negatif kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang khususnya dan negeri Pulau Pinang amnya.
 - (b) Antara kesan dan impak kepada negeri Pulau Pinang untuk jangka panjang adalah:
 - (i) Pembinaan KXP bukan sebagai pelengkap Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) sebaliknya sebagai pesaing untuk mendapatkan syarikat-syarikat bagi menggunakan perkhidmatan kargo di Koridor Utara;
 - (ii) Pengurangan kadar penggunaan kemudahan infrastruktur kargo sedia ada di LTAPP; dan
 - (iii) Kehilangan pelabur yang beralih arah ke kawasan Kulim dan kemungkinan besar ke negara lain dan seterusnya mengurangkan Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment – FDI*) ke negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

36. DUN Bayan Lepas kini merupakan kawasan sasaran pembangunan perumahan dan juga projek tambakan laut. Jelaskan perancangan kerajaan bagi memastikan penduduk asal dapat teruskan kehidupan di kawasan ini dikala tempat tinggal mereka diambil alih untuk pembinaan rumah moden manakala mereka pula tiada kemampuan untuk membeli kediaman. Perancangan membela golongan nelayan terlibat penambakan laut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

36. Kawasan Bayan Lepas pesat membangun dan menjadi kawasan pembangunan perumahan disebabkan oleh lokasi strategik yang berdekatan dengan Zon Industri Bebas (FIZ). Pembangunan di kawasan ini mendapat permintaan yang tinggi bagi membolehkan pekerja yang menetap di kawasan Bayan Lepas selesai untuk berulang-alik ke tempat kerja.

Bagi Projek *Penang South Reclamation (PSR)*, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan 30% perumahan awam di pulau-pulau tambakan tersebut dan keutamaan akan diberikan kepada penduduk tempatan dan golongan nelayan yang layak.

Untuk memastikan golongan nelayan turut mendapat manfaat daripada pembangunan PSR, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa *Taskforce* Nelayan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif dan pelan mitigasi yang telah dirangka bagi memastikan golongan nelayan yang terkesan dengan penambakan laut juga akan mendapat manfaat melalui projek ini. Pelan-pelan mitigasi yang dirangka adalah seperti berikut:

- (i) Mewujudkan peluang pekerjaan dalam bidang akuakultur, perikanan laut dalam, teksi air, perindustrian, keusahawanan serta dalam bidang perikanan pelancongan dan rekreasi;
- (ii) Penambahbaikan dari segi pendidikan dan kemahiran untuk rakyat tempatan, nelayan dan anak-anak mereka;
- (iii) 30% perumahan awam akan diperuntukkan dan keutamaan akan diberikan kepada para nelayan yang layak; dan
- (iv) Penambahbaikan infrastruktur tempatan seperti melaksanakan program tebatan banjir, program peningkatan mutu air sungai, membina jeti terapung, pengindahan dan pengukuhan kawasan pesisir pantai, program penambahbaikan dan pemuliharaan kampung dan menaik taraf jalan raya.

Kerajaan Negeri berhasrat untuk meningkatkan taraf hidup mereka melalui projek ini agar tidak ketinggalan dengan arus pembangunan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

37. PYDC sedang dalam penstrukturan semula, apakah hala tuju PYDC seterusnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

37. Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang atau lebih dikenali sebagai *Penang Youth Development Corporation* (PYDC) telah ditubuhkan pada tahun 2012. Secara amnya PYDC ditubuhkan untuk membantu Kerajaan negeri dalam merealisasikan visi negeri untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebuah masyarakat yang maju dan progresif melalui pembangunan belia. Ia bertujuan untuk membangunkan golongan belia secara holistik, mengukuhkan personaliti, sosial dan pendidikan, dalam masa yang sama menyediakan platform kepada belia untuk menggunakan pengaruh, menyuarakan pendapat dan mengetahui kedudukannya dalam masyarakat bagi mencapai potensi penuh mereka.

Terdapat empat (4) bidang utama yang merupakan fokus PYDC dalam pembangunan belia seperti berikut:

(a) Pendidikan dan Pembangunan Kerjaya

Memperkasakan golongan belia supaya berjaya selepas zaman persekolahan melalui pelbagai bengkel persiapan kerjaya seperti pembangunan kemahiran vokasional, kebolehan berkomunikasi, program pertukaran pelajar, STEM, dan *entrepreneurship*.

(b) Memperkasa dan Penyertaan

Membolehkan golongan belia mengambil bahagian dalam pembangunan negeri serta menyediakan platform bagi golongan belia menyuarakan pandangan terhadap isu pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar dan kebudayaan.

- (c) **Bakat, Seni dan Kebudayaan**
Mencungkil bakat-bakat di kalangan belia dalam bidang seni dan kebudayaan melalui penyediaan platform bagi membolehkan bakat-bakat ini ditonjolkan. Memupuk semangat mencintai warisan kebudayaan supaya ia tidak lenyap mengikut perkembangan teknologi yang pesat.
- (d) **Pengurusan**
Melengkapkan golongan belia dengan kemahiran pengurusan dari segi masa, emosi, pembangunan sendiri serta pengurusan kewangan untuk mengurangkan gejala sosial dalam masa yang sama menyediakan pemimpin yang berkaliber.

PYDC akan terus melaksanakan program-program pembangunan belia selaras dengan fokus dan hala tuju yang ditetapkan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 38. Nyatakan apakah mekanisma yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mendidik gerai/kedai makanan untuk mematuhi segala syarat pematuhan kesihatan.
 - (a) Nyatakan jumlah tindakan pemeriksaan ke atas gerai/kedai makanan yang telah dikenakan saman kompaun sepanjang tahun 2019 di Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 38. Terdapat pelbagai mekanisma yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dalam mendidik pemilik gerai atau pengurusan kedai makanan agar sentiasa mematuhi syarat pematuhan kesihatan. Antara mekanisma yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-
 - (i) Mengadakan kursus pengendalian makanan atau memastikan pengusaha tersebut menghadiri kursus pengendalian makanan yang diiktiraf Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
 - (ii) Menjalankan pemeriksaan rutin dan pengredan premis makanan;
 - (iii) Mensyaratkan semua pengendalian makanan mengambil suntikan anti tifoid dan mewajibkan pengusaha makanan untuk menghadiri taklimat kebersihan dan keselamatan makanan setiap tiga tahun sekali (tempoh sah suntikan vaksin) sebelum kad pengendali makanan diperbaharui;
 - (iv) Mengadakan pertandingan kebersihan premis makanan setiap tahun;
 - (v) Memberikan pendidikan kesihatan, khidmat nasihat berkaitan keselamatan makanan, edaran risalah atau poster dan perbincangan kumpulan kecil kepada pengendali makanan semasa pemeriksaan premis dijalankan;
 - (vi) Mengadakan operasi berkala bersama Pejabat Kesihatan Daerah seperti Ops Sihat untuk memantau dan memeriksa pematuhan kesihatan oleh pengusaha; dan
 - (vii) Mengemukakan notis atau kompaun terhadap pemilik atau pengendali makanan yang gagal mematuhi syarat-syarat pelesenan dan kesihatan.

- (a) Bagi tempoh bulan Januari hingga Mac 2019, terdapat sejumlah 1,880 premis makanan telah diperiksa dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 974 kompaun telah dikeluarkan seperti perincian berikut:

Tindakan	Periksa	Kompaun
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang	389	175
Majlis Bandaraya Pulau Pinang	433	648
Majlis Perbandaran Seberang Perai	1,058	151
Jumlah	1,880	974

Pemilik premis makanan yang diperiksa juga akan dikenakan lebih daripada satu (1) kompaun sekiranya didapati melakukan lebih daripada satu (1) kesalahan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Penambakan tanah sawah/bendang.

Penambakan tanah sawah/bendang yang semakin berleluasa mengakibatkan kedudukan ekonomi petani/pesawah padi (khususnya pengusaha yang memajak/menyewa tanah milik orang) terjejas.

- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengawal selia tanah-tanah sawah/bendang yang sedang ditambun/ditambak?
- (b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk mengekalkan kawasan sawah/bendang serta menyelamatkan ekonomi petani/pesawah tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Kerajaan Negeri komited dalam memastikan tidak ada sebarang penambakan bagi tanah-tanah sawah yang aktif.

- (a) Merujuk kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020, Kerajaan Negeri telah mewartakan kawasan jelapang padi sebagai kawasan untuk dikekalkan dan dipelihara. Bagi menghalang penambakan tanah-tanah sawah tersebut, penguatkuasaan untuk mengawal aktiviti tersebut dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pejabat daerah dan agensi berkaitan. Antara tindakan yang diambil Kerajaan Negeri bagi menghalang penambakan tanah-tanah sawah yang aktif ialah seperti berikut:-

- (i) Mengeluarkan Notis Berhenti Kerja di bawah Seksyen 70A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974;
- (ii) Mengambil tindakan Mahkamah di bawah Seksyen 70A, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 yang memperuntukkan apabila disabitkan, denda RM50,000.00 atau penjara tidak lebih lima (5) tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan yang berterusan selepas disabitkan, denda boleh meningkat sebanyak RM500.00 setiap hari kesalahan diteruskan;

- (iii) Tindakan penguatkuasaan terhadap kerja-kerja tambun tanpa kebenaran PBT di bawah Seksyen 27 atau 28 Akta Perancang Bandar & Desa 1976; dan
- (iv) Memindahkan peralatan, mesin, jentera, kenderaan dan lain-lain bagi memastikan kerja tanah diberhentikan.

Dalam usaha untuk mengekalkan kawasan sawah dan menyelamatkan ekonomi petani atau pesawah, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri telah dan sedang melaksanakan beberapa program di bawah peruntukan Pembangunan Industri Tanaman Padi bagi membantu para pesawah untuk meningkatkan produktiviti hasil pengeluaran padi daripada 5.8 metrik tan kepada 7.0 metrik tan per hektar. Antara program yang sedang dilaksanakan ialah Program Sawah Gemilang melibatkan 50 hektar kawasan padi yang dikenalpasti di empat (4) daerah iaitu Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Selatan (SPS) dan Daerah Barat Daya (DBD). Melalui program ini, kawasan sawah padi yang terlibat akan diberi insentif pakej teknologi pertanian dalam bentuk program pemulihan tanah dan input pertanian lain bagi meningkatkan kualiti dan hasil pengeluaran padi. Melalui program seumpama ini, Kerajaan Negeri berharap ianya akan memberikan galakan kepada para petani atau pesawah untuk terus mengusahakan tanaman padi dan seterusnya mengekalkan kawasan sawah di negeri ini. Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri juga tidak akan menyokong sebarang permohonan perlingkungan semula atau permohonan ubah syarat tanah daripada kawasan pertanian (Jelapang Padi) kepada kawasan pembangunan lain. Isu penambakan tanah bendang telah mendapat perhatian Public Account Committee (PAC) yang telah berbincang tentang isu ini. Rumusan cadangan serta dapatan PAC dibentang kepada semua ahli Yang Berhormat dalam sidang kali ini.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 40. Beberapa kajian yang dijalankan pada awal tahun ini, menyimpulkan bahawa amalan perkauman sangat ketara dalam pengambilan pekerjaan bidang swasta dan penyewaan rumah kediaman.
 - (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh mengawal dan menghentikan amalan perkauman dalam pengambilan pekerjaan swasta?
 - (b) Apakah pendirian Kerajaan Negeri dalam isu amalan perkauman dalam penyewaan rumah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 40. (a) Dasar atau Akta berkaitan pengambilan pekerja bagi sektor swasta bukan dibawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun usaha mempromosikan perpaduan sentiasa dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui pelaksanaan Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Melalui program ini, JPNIN sebagai urusetia pengantara melaksanakan Integrasi Pelajar untuk Latihan Industri kepada Syarikat melalui silang budaya seperti Syarikat milik Bumiputera akan menerima Pelajar Latihan industri dari kalangan bukan Bumiputera dan begitu juga sebaliknya. Melalui pendekatan ini, ianya dapat menggalakkan sektor swasta mengutamakan kepelbagaian kaum dalam pengambilan pekerja. Program PLIP ini telah berjaya melibatkan seramai 1,480 pelajar tahun 2017 dan seramai 1,495 pelajar tahun 2018.

- (b) Prosedur penyewaan rumah Program Perumahan Rakyat dan Rumah Sewa Kerajaan Negeri adalah berdasarkan prinsip kekananan pendaftaran mengikut daerah dan projek dipohon. Mengambil kira tempoh sewaan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri hanya sehingga tiga (3) tahun, sekiranya ia digilirkan secara rutin semua pemohon sekurang-kurangnya akan dapat menikmati kemudahan penyewaan ini. Bagaimanapun, penyambungan sewaan dibuat selagi mana mereka masih layak dan ingin menyambung penyewaan. Berdasarkan rekod masih terdapat sebanyak 1,371 pemohon dengan pecahan 673 Melayu, 305 India dan 393 Cina.

Tiada peruntukan kuota kaum bagi penyewaan rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Rumah Sewa Kerajaan Negeri sepertimana pemilikan rumah mampu milik.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

41. Minta pihak kerajaan nyatakan apakah status terkini dan jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan setakat ini untuk projek pembinaan terowong dasar laut?
- (a) Apakah benar pihak SPRM sedang menyiasat projek ini?
- (b) Jika sabit kesalahan, adakah projek ini akan tetap diteruskan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

41. Status terkini Projek Terowong Dasar Laut adalah di peringkat akhir kajian kebolehlaksanaan. Laporan kajian tersebut telah dikemukakan oleh pihak Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (CZC) kepada perunding teknikal Kerajaan Negeri, HSSI Sdn. Bhd. untuk semakan dan pengesahan. Ulasan ke atas draf laporan tersebut telah dipanjangkan kepada pihak CZC pada bulan April 2019 untuk pindaan sebelum dimuktamadkan dan dipersetujui oleh pihak Kerajaan Negeri. Sehingga kini, pihak Kerajaan Negeri tidak melakukan sebarang bayaran kepada pihak CZC bagi Laporan Kajian Kebolehlaksanaan Projek Terowong Dasar Laut. Pembayaran hanya akan dilaksanakan setelah Laporan Kajian Kebolehlaksanaan yang disahkan oleh pihak perunding teknikal dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

Pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) telah melakukan siasatan terhadap projek ini pada suku pertama tahun 2018 dan Kerajaan Negeri telah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada SPRM.

Kerajaan Negeri juga ingin menegaskan bahawa tindakan akan diambil terhadap mana-mana pihak sekiranya didapati bersalah oleh mahkamah dan wujudnya salah laku berkaitan projek ini. Pelaksanaan Projek Terowong Dasar Laut selanjutnya akan diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK). Walau bagaimanapun buat masa ini, projek ini masih diteruskan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

42. Isu Pukat Tunda masih berleluasa di Pulau Betong dan semakin parah. Pada Tahun Baru Cina, aduan menyatakan aktiviti semakin hebat. Pertemuan semasa mesyuarat agung nelayan, isu ini dibangkit semula. Apa tindakan YB untuk menyelesaikannya?
- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri yang telah dilakukan untuk membanterasnya?

- (b) Bagaimanakah tindakan pemantauan dan kawalan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

42. Kerajaan Negeri memandang sangat serius isu pencerobohan pukot tunda ini. Bagi menangani masalah ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang akan mempertingkatkan lagi langkah-langkah kawalan dan penguatkuasaan.

(a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang, Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Negeri Pulau Pinang sentiasa berusaha untuk membanteras aktiviti ini melalui penguatkuasaan dan pemakaian Pekeliling Pelaksanaan Dasar Penghapusan Pukat-pukat Tunda Yang Beroperasi di Zon B bermula 1 Januari 2016 secara berperingkat melalui langkah-langkah kawalan (Pekeliling Pelesenan Bil. 4/2015). Melalui pemakaian pekeliling ini, tindakan-tindakan yang telah diambil Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) Mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pengusaha bot tunda yang didapati menceroboh ke Zon A yang meliputi 5 batu nautika dari pantai iaitu hukuman gantung lesen dan penahanan subsidi minyak serta dikenakan kompaun yang lebih tinggi;
- (ii) Pembatalan arahan kelonggaran penguatkuasaan saiz mata pukat keroncong pukot tunda tidak kurang daripada 38 mm berkuat kuasa 1 November 2013; dan
- (iii) Mewajibkan pemasangan alat Sistem Pengenalan Automatik atau *Automatic Identification System (AIS)* ke atas kesemua vessel tunda zon B.

(b) Aktiviti pemantauan dan kawalan sentiasa dilaksanakan di perairan negeri Pulau Pinang. Sekiranya terdapat pelanggaran syarat bot tunda, nelayan yang melakukan kesalahan bersama vessel dan peralatannya akan ditahan dan boleh dikompaun di bawah Seksyen 31 Akta Perikanan 1985 atau didakwa di mahkamah. Sejak tahun 2016 hingga 2018, terdapat 43 kes tangkapan telah dibuat. Perincian jumlah kes tangkapan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Kes Tangkapan
2016	5
2017	21
2018	17
Jumlah	43

Bagi memastikan isu pencerobohan vessel pukot tunda ini dibanteras dengan berkesan, Kerajaan Negeri melalui APMM Negeri Pulau Pinang sentiasa menjalankan tindakan pemantauan dan kawalan seperti berikut:

- (i) Mengenal pasti kawasan perairan yang sering menjadi tumpuan dan pencerobohan bot pukot tunda iaitu di sekitar perairan Sungai Pinang, Teluk Bahang, Pulau Rimau, Pulau Kendi dan Pulau Aman.
- (ii) Meningkatkan rondaan di lokasi panas (*hotspot*). APMM juga meningkatkan kehadiran aset di *hotspot area* untuk memastikan agar jenayah dan kesalahan di laut dapat diatasi dengan serta-merta. Operasi Khas juga sering dilaksanakan melibatkan Jabatan Perikanan

Negeri dan Pasukan Polis Marin dengan mengenal pasti modus operandi serta situasi kawasan yang seringkali menjadi tumpuan aktiviti pencerobohan pukut tunda di laut.

Bagi meningkatkan penyaluran maklumat dan kesiapsiagaan aset yang digunakan untuk operasi pemantauan dan kawalan, APMM Negeri Pulau Pinang turut mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Memperkukuhkan kerjasama komuniti maritim di antara agensi dan nelayan melalui mesyuarat secara berkala dengan Persatuan Nelayan Negeri serta program bertemu pelanggan bagi memastikan komuniti maritim menjadi mata dan telinga kepada Agensi. Melalui kerjasama ini, penyaluran maklumat dapat disalurkan sekiranya terdapat pencerobohan vessel pukut tunda berlaku.
- (ii) Meningkatkan keupayaan aset melalui perolehan aset baharu dan penaiktarafan aset sedia ada. Buat masa ini, APMM sedang menerima secara berperingkat enam (6) buah kapal Ronda Generasi Baharu (NGPC) dan tiga (3) buah Kapal Peronda Luar Pantai (OPV) yang sedang dalam pembinaan. APMM Pulau Pinang juga telah menerima dua (2) buah jet ski berkeupayaan tinggi untuk melaksanakan tugas-tugas pemantauan dan SAR di kawasan pesisir pantai. Di samping itu, proses menaik taraf aset-aset sedia ada juga sedang dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan dan kecekapan aktiviti penguatkuasaan APMM.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

43. Peranan dan sumbangan kaum wanita didalam ekonomi sangat penting.
 - (a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi membantu golongan wanita untuk terus memainkan peranan mereka dalam ekonomi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

43. Antara inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu golongan wanita dalam bidang ekonomi termasuklah dengan melaksanakan program-program berikut:
 - (i) Transformasi Ekonomi Komuniti: Eko-Kraf Komuniti
Eko-Kraf Komuniti merupakan sebuah program yang dijalankan untuk memperkasakan ekonomi komuniti terutama golongan wanita di kawasan sasaran. Program ini bertujuan untuk memberi pengetahuan kemahiran kraf tangan kepada komuniti dan membantu menjana pendapatan para peserta. Setakat ini, program ini diadakan di Program Perumahan Rakyat (PPR) Desa Wawasan dan PPR Ampangan. Antara hasil atau *outcome* yang diperolehi oleh para peserta kedua PPR tersebut adalah mereka dapat kemahiran membuat bakul dan beg 'upcycle' pelbagai saiz. Kedua-dua komuniti ini telah menerima tempahan untuk hasil kraf tangan mereka dan peserta dari PPR Desa Wawasan telah pun menjual sebanyak 1,500 buah bakul dan beg pelbagai saiz.
 - (ii) Persidangan Wanita dalam Ekonomi pada 24 – 25 September 2018
Persidangan Wanita dalam Ekonomi telah disertai oleh 600 orang peserta, di mana para peserta berpeluang menimba pengetahuan bagaimana hendak memulakan perniagaan dan bagaimana perniagaan mereka dapat dikembangkan. Sesi perkongsian tentang amalan terbaik mengurus

perniagaan membawa manfaat untuk peserta-peserta. Usahawan-usahawan wanita dan lelaki juga berkongsi cabaran-cabaran yang dihadapi dalam perniagaan mereka masing-masing dan cara mereka menghadapi cabaran-cabaran tersebut. Persidangan ini juga merupakan satu platform untuk para peserta berbincang dan membina jalinan perniagaan.

(iii) Digital Ekonomi Melalui: Bengkel Pemasaran Digital Siri 1 & 2

Bengkel Pemasaran Digital ini dijalankan dengan bertujuan untuk memperkenalkan pelbagai platform digital yang boleh diguna pakai oleh peserta untuk pemasaran produk dan perkhidmatan. Peserta mencipta akaun perniagaan dalam platform Facebook dan WhatsApp untuk terus memasarkan produk dan perkhidmatan mereka.

(iv) BizBuddy Tea Talk untuk Usahawan

BizBuddy Tea Talk bertujuan memperkenalkan kemudahan yang disediakan oleh syarikat Sunshine kepada usahawan yang berminat memasarkan produk mereka di pasaraya Sunshine. Pada masa yang sama, usahawan memperkenalkan produk masing-masing serta membina jaringan perniagaan dengan usahawan-usahawan yang hadir dalam program tersebut.

(v) E-Dagang

Objektif program E-Dagang adalah untuk memperkenalkan peluang ekonomi digital kepada golongan wanita dan lelaki yang berada dalam kategori B40. Melalui bengkel ini, usahawan baharu dapat memasarkan produk mereka menerusi e-dagang.

(vi) eRezeki

Program ini bertujuan untuk memperkasakan ekonomi peserta melalui platform eRezeki. Ia membolehkan peserta menjana pendapatan menerusi pelbagai projek yang disediakan dalam eRezeki, satu inisiatif Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan pinjaman melalui skim mikro kredit atau dikenali Skim Pinjaman harapan (SPH) yang disalurkan tanpa cagaran dan penjamin dengan jumlah pinjaman antara RM1,000.00 hingga maksimum RM25,000.00 dengan tempoh bayaran balik antara dua (2) hingga tiga (3) tahun. Sejak SPH ditubuhkan pada tahun 2009 sehingga Mac 2019, seramai 3,235 usahawan telah menerima pinjaman daripada SPH dengan jumlah keseluruhan pinjaman yang dikeluarkan sebanyak RM16.7 juta. Daripada jumlah tersebut seramai 1,827 orang adalah penerima wanita yang melibatkan jumlah pinjaman sebanyak RM9,309,944.00.

Semua inisiatif tersebut adalah untuk memperkasakan golongan wanita supaya dapat berkecimpung dalam bidang ekonomi dengan lebih berkesan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

44. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi imbuhan kepada pengusaha bas sekolah di Pulau Pinang sama ada dalam bentuk bantuan tunai atau peruntukan untuk menukar tayar agar kos operasi mereka dapat dikurangkan supaya tambang bas juga dapat dikurangkan bagi meringankan beban ibu bapa pelajar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

44. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan insentif pemberian bantuan kepada semua pengusaha bas sekolah di negeri Pulau Pinang sejak tahun 2016 bertujuan untuk mengurangkan bebanan kos operasi dan meringankan urusan seharian pengusaha bas. Bantuan wang tunai sebanyak RM600.00 dibayar kepada semua pengusaha bas yang berdaftar dengan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), dengan dua (2) kali bayaran iaitu RM300.00 setiap kali bayaran. Bagi tahun 2019, pembayaran insentif fasa pertama telah dilaksanakan pada 26 dan 27 Januari 2019 manakala bayaran kali ke dua dijadualkan pada 25 dan 26 Mei 2019. Setakat ini, insentif pemberian bantuan kepada pengusaha bas sekolah ini melibatkan peruntukan berjumlah RM1,214,100.00 sejak tahun 2016 sehingga bulan Januari 2019. Walau bagaimanapun, penetapan tambang bas adalah tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

45. Apakah perancangan EXCO Pelancongan untuk memastikan kawasan DUN Bertam dimasukkan dalam senarai pelancongan negeri? Ini memandangkan ada produk produk yang boleh diketengahkan seperti Hub Makanan di Kiosk Bertam, Taman Herba Kepala Batas, dan menaikkan taraf bandar warisan Kepala Batas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

45. Kawasan Bertam memang dilihat mempunyai potensi untuk menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang dan seterusnya menyumbang kepada sektor pelancongan negeri. Perancangan EXCO Pelancongan untuk memastikan kawasan DUN Bertam dimasukkan dalam senarai pelancongan negeri adalah seperti berikut:-
- (a). Mempromosikan tarikan-tarikan pelancong di DUN Bertam secara berterusan. Antara tempat tarikan pelancong yang dipromosikan dalam risalah pelancongan Pulau Pinang adalah seperti Masjid Abdullah Fahim dan Capal Jago di Kepala Batas;
 - (b). Mengkaji potensi Kiosk Bertam untuk dijadikan sebagai hab makanan. Pada masa ini, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sedang mempromosikan Sungai Dua sebagai Lembah Makanan untuk kawasan Seberang Perai;
 - (c). Bekerjasama dengan Jabatan Pertanian untuk mempromosikan Taman Herba Bertam yang baru dibuka pada awal tahun 2019; dan
 - (d). Mengkaji potensi bandar Kepala Batas untuk dijadikan sebagai sebuah Bandar Warisan. Sehubungan dengan cadangan ini, MPSP telah mengenal pasti 81 buah bangunan sebagai bangunan warisan dan usaha bagi mewartakan bangunan-bangunan tersebut sedang dilaksanakan di peringkat MPSP.

Kerajaan Negeri akan memperhalusi rancangan pelancongan di kawasan DUN Bertam melalui Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang 2019-2030 yang sedang dalam peringkat penyediaan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

46. Nyatakan tempat awam dalam negeri yang menjalankan aktiviti pengutipan bateri dan lampu *fluorescent* terpakai.
- (a) Nyatakan jumlah sisa-sisa ini yang disimpan dalam stor kedua-dua PBT sejak 10 tahun yang lalu.

- (b) Apakah rancangan PBT untuk melupuskan kedua-dua sisa lama yang terjadual ini?
- (c) Apakah rancangan PBT dalam menguruskan pengurusan sisa ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

46. (a) Lampu *fluorescent* dan bateri terpakai merupakan sisa terjadual yang telah disenaraikan di bawah *First Schedule of the Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulation 2005*. Terdapat lima (5) kumpulan dan 77 kategori sisa toksik/ berbahaya di bawah peraturan ini. Kod yang digunapakai adalah lampu *fluorescent* SW 109 dan bateri terpakai SW 103.

Penang Green Council (PGC) dengan kerjasama rakan sokongan, *Ellusion Strategy Enterprise* telah menjalankan kutipan sisa elektronik dan katrij serta lampu kalimantang dan bateri terpakai di Tingkat 3, KOMTAR. Sejak Februari 2017, satu bin kutipan telah ditempatkan di ruang menunggu Tingkat 3, berhadapan dengan kaunter pertanyaan dan pengeluaran pas pelawat. Sehingga April 2019, bin ini telah menerima sebanyak 189 kg lampu *fluorescent* dan 394 kg bateri terpakai. Selain itu, PGC juga mengadakan kutipan sisa berbahaya ini melalui acara tahunan semasa Karnival Hijau (Antarabangsa) Pulau Pinang sejak tahun 2017.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pula menyediakan dua (2) pusat penerimaan lampu kalimantang dan bateri terpakai iaitu di Stor Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP, Jalan Sungai dan Dewan Bandaraya MBPP, Jalan Padang Kota Lama. Manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menyediakan beberapa lokasi kutipan bagi tujuan ini. Lokasi yang menerima bahan-bahan tersebut adalah seperti berikut :

- (i) Ibu Pejabat MPSP, Menara MPSP, Jalan Perda Utama, Bandar Perda, Bukit Mertajam;
- (ii) Kaunter MPSP Cawangan Jawi, Bangunan Pejabat Kerajaan, Jawi;
- (iii) Kaunter MPSP Cawangan Butterworth, Kompleks Makanan MPSP, Kampung Jawa, Butterworth; dan
- (iv) Semua sembilan (9) depoh pembersihan MPSP diseluruh Seberang Perai.

- (b). MBPP tidak menyimpan bateri dan lampu kalimantang (*fluorescent*). Bagi sisa bateri dan lampu kalimantang yang terkumpul telahpun dilupuskan pada 13 Disember 2018 ke tapak pelupusan Kualiti Alam Sdn. Bhd. Pelupusan tersebut melibatkan 1,000 kg lampu kalimantang dan 1,250 kg bateri dengan kos RM18,200.00 ditanggung oleh MBPP. MPSP pula telah menyimpan 4,851 unit bateri terpakai dan 5,240 unit lampu kalimantang terpakai dalam stor MPSP sejak 10 tahun yang lepas. Perancangan MPSP dalam menguruskan kedua-dua jenis sisa tersebut tidak termasuk proses pelupusan kerana melibatkan kos yang tinggi.

- (c). MBPP sedang merancang projek pengurusan sisa ini melalui sistem pungutan dan penyimpanan dengan tindakan berikut:

- (i) Menggalakkan pelupusan barangan kitar semula dan barangan sisa berjadual seperti lampu kalimantang dan bateri bagi setiap pengurusan acara pengasingan sisa dipunca.
- (ii) Menyediakan tempat pungutan yang bersesuaian dengan menempat bekas khas (*special container*) untuk memungut sisa berjadual di

tempat yang terkawal seperti pusat beli belah, stesen minyak, pusat kitar semula komuniti dan sebagainya tertakluk kepada kolaborasi bersama pihak berkenaan.

Rancangan MPSP dalam pengurusan lampu kalimantang dan bateri hanya setakat proses kutipan dan simpanan sahaja.

Pelupusan lampu kalimantang dan bateri terpakai telah dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri pada 26 Mac 2019 yang turut melibatkan MBPP dan MPSP dan dipengerusikan oleh EXCO Perumahan Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa. Mesyuarat memutuskan masalah pelupusan lampu kalimantang dan bateri terpakai di Negeri Pulau Pinang dirujuk kepada pihak Kementerian Tenaga Sains Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) untuk pandangan dan nasihat. Kerajaan Negeri sedang menunggu jawapan daripada pihak MESTECC.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

47. Sila terangkan kemajuan terkini bagi pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang (PTMP).

(a) Bagaimanakah dana yang secukupnya akan diperolehi bagi pelaksanaannya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

47. *Penang Transport Master Plan (PTMP)* atau Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang merangkumi beberapa komponen projek dan antara projek-projek utama yang akan dilaksanakan adalah Projek Bayan Lepas Light Rail Transit (LRT), Projek Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1) dan Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong. Status pelaksanaan projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

(i) Projek Bayan Lepas LRT

Pada ketika ini, Projek Bayan Lepas LRT masih menunggu kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan untuk *Environmental Impact Assessment (EIA – Jadual Kedua)* dan Skim Rel (*rail scheme*) EIA dijangka akan dikemukakan semula kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada akhir April 2019 untuk pertimbangan kelulusan selepas data/input kajian dikemaskini. Manakala permohonan bagi Skim Rel (*rail Scheme*) pula telah dikemukakan kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) pada 28 Februari 2019. Susulan daripada itu, satu lawatan tapak bagi jajaran LRT Bayan Lepas juga telah diadakan bersama APAD dan agensi-agensinya teknikal pada 25 dan 26 Mac 2019.

Pihak Kerajaan Negeri kini dalam proses memberi maklum balas terhadap ulasan-ulasan teknikal yang dikemukakan oleh APAD sebelum mendapatkan kelulusan bersyarat untuk meneruskan *public inspection* yang akan dilaksanakan untuk tempoh tiga (3) bulan sebelum mendapatkan kelulusan penuh daripada pihak APAD dan Kementerian Pengangkutan.

(ii) Projek Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1)

Environmental Impact Assessment (EIA-Jadual Kedua) bagi PIL 1 telah diluluskan dengan bersyarat oleh pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 10 April 2019 dengan tempoh sah laku selama dua (2) tahun. Rakan Pelaksana Projek (PDP) kini dalam proses menyediakan rekabentuk terperinci untuk melantik *Work Package Contractors (WPC)* melalui tender terbuka. Keseluruhan proses ini dijangka akan mengambil masa hampir setahun.

(iii) Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong

Bagi Projek Jalan-Jalan Utama, kelulusan wajib yang diperlukan dalam pelaksanaan projek ini adalah kelulusan *Environmental Impact Assessment (EIA-Jadual Kedua)*. EIA bagi projek ini telah mendapat kelulusan bersyarat pada 7 November 2017. Kerajaan Negeri kini dalam proses memuktamadkan reka bentuk terperinci bersama pihak kontraktor dan pihak *Independent Checking Engineer (ICE)* yang dijangka siap sebelum akhir April 2019. Fasa pembinaan bagi Pakej 2, iaitu Air Itam *Bypass* ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dijangka akan bermula pada September 2019 dan akan mengambil masa sekurang-kurangnya empat (4) tahun untuk disiapkan. Manakala pembinaan bagi Pakej 1 iaitu Laluan Berkembar Persisiran Pantai Utara dan Pakej 3 iaitu Gurney *Bypass* ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu akan ditentukan oleh Kerajaan Negeri kelak.

Bagi pelaksanaan Projek Terowong Bawah Dasar Laut pula pihak kontraktor kini dalam proses mematuhi ulasan-ulasan teknikal hasil semakan oleh pihak *ICE* untuk kajian kebolehlaksanaan yang telah dilaksanakan. Pelaksanaan fasa seterusnya iaitu reka bentuk terperinci dan pembinaan terowong adalah tertakluk kepada keputusan laporan kajian kebolehlaksanaan.

- (a). Projek Penambakan Laut di Selatan Pulau Pinang (PSR) masih merupakan model pembiayaan tunggal bagi Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP). Cadangan pembiayaan melalui Projek PSR ini bukan sahaja dapat menampung sepenuhnya kos pembinaan projek LRT dan Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL1), malah akan membantu menanggung kos operasi dan penyelenggaraan LRT dan PIL 1 di masa hadapan melalui penjanaan pendapatan daripada pembangunan tanah PSR. Projek ini juga merupakan salah satu langkah penyelesaian dalam memastikan kelestarian pembangunan ekonomi di Pulau Pinang pada masa akan datang.

Sekiranya PSR tidak dilaksanakan maka Kerajaan Negeri perlu mendapatkan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai Projek LRT dan PIL.

Kerajaan Negeri amat memandang serius akan pelaksanaan merasionalisasikan PTMP ini. Untuk itu, Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan peruntukan pembangunan untuk membiayai projek LRT. Sekiranya permohonan untuk mendapatkan peruntukan pembangunan tidak diluluskan, Kerajaan Negeri turut memohon agar Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan pinjaman faedah rendah untuk pelaksanaan Projek LRT tersebut.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

48. Adakah Kerajaan Negeri akan cuba menolong membuat pemasangan kabel *fibre optic* di seluruh negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

48. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk menyediakan perkhidmatan internet berkelajuan tinggi pada harga yang berpatutan untuk seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang melalui pelaksanaan *Fiber Forward Penang (FFP)* yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 27 Mei 2015. Penetapan *One Dig Policy* kepada semua syarikat telekomunikasi dengan menandatangani *Non-Disclosure Agreement (NDA)* adalah untuk menggalakkan syarikat-syarikat telekomunikasi memasang dan berkongsi fiber optik bagi tujuan penjimatan kos dengan menggantikan rangkaian kuprum. Malah, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga mengamalkan Dasar Pintu Terbuka tanpa

monopoli kepada mana-mana syarikat telekomunikasi yang ingin menyediakan infrastruktur telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang. Persaingan sesama syarikat ini akan memberikan potensi perkhidmatan internet yang lebih berkualiti dengan harga yang berpatutan.

Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Wilayah Utara, Negeri Pulau Pinang adalah salah satu negeri yang menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan internet yang terbaik di Malaysia. Namun begitu, kawasan-kawasan luar bandar yang mempunyai limitasi akses akan ditambah baik liputan selular dari 2G kepada 3G dan LTE dengan perkhidmatan jalur lebar mudah alih yang lebih pantas dan berkualiti. Selain itu, infrastruktur jalur lebar talian tetap turut giat diperluaskan kawasan tersebut melalui Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi / *High Speed Broadband* (HSBB) dan juga projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) yang dilaksanakan dengan kerjasama syarikat Telekom Malaysia (TM). Kerajaan Negeri amat komited dalam memastikan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di negeri Pulau Pinang dipertingkatkan dari semasa ke semasa seiring dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan yang semakin pesat agar tiada rakyat di negeri ini yang ketinggalan.

Kerajaan Negeri akan memasang kabel fiber optik di seluruh negeri Pulau Pinang dengan kerjasama pihak penyedia telekomunikasi. Kini Negeri Pulau Pinang telah diliputi dengan rangkaian fiber sebanyak 50% iaitu sepanjang 3,217 km. Pihak PDC Telecommunications Sdn Bhd (PDCTS) selaku agensi teknikal sedang giat bekerjasama dengan pihak penyedia perkhidmatan rangkaian (*Network Service Provider*) dalam usaha untuk menyiapkan fiberisasi di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

49. Peranan badan pengurusan bersama amat penting untuk penyeliaan bangunan perumahan dan kesejahteraan penduduk khususnya di perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah.
- (a) Sila huraikan perancangan Kerajaan Negeri untuk menangani permasalahan badan pengurusan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

49. Peranan dan kuasa Badan Pengurusan Bersama (JMB) serta Perbadanan Pengurusan (MC) adalah mengikut peruntukan perundangan selaras dengan Seksyen 21 dan 59 Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). JMB/MC adalah bertanggungjawab untuk menyenggara dan mengurus bangunan atau tanah yang dicadang untuk dipecah bahagi atau tanah yang dipecah bahagi kepada petak-petak dan kawasan harta bersama dalam keadaan yang baik dan pembaikan yang dapat digunakan mengikut peruntukan di bawah tersebut.
- (a). Perancangan Kerajaan Negeri untuk menangani permasalahan JMB/MC adalah seperti berikut:
- (i) Penganjuran seminar pengurusan bangunan bertingkat kepada JMB/MC, ejen pengurusan dan pemaju setiap tahun bagi memberi kesedaran terhadap tanggungjawab dan peranan pada setiap peringkat pengurusan sama ada pemaju, JMB atau MC;
- (ii) Mengadakan bengkel khas untuk JMB/MC kos rendah dan sederhana rendah bagi memberi penerangan berkenaan pengurusan dan penyenggaraan sesebuah skim strata;

- (iii) Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) bagi kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga akan hadir semasa mesyuarat agung tahunan, mesyuarat agung luar biasa dan sesi dialog yang akan dihadiri oleh pemilik petak bagi memberi penerangan berkenaan dengan tanggungjawab pemilik petak dan pihak JMB/MC selaras dengan peruntukan akta yang sedia ada;
- (iv) Penguatkuasaan Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) di bawah peruntukan berkaitan kebersihan dan kacau ganggu (menjadi tempat pembuangan sampah dan tempat pembiakan nyamuk), semak samun dan bau dijalankan di skim berstrata. PBT boleh menghapuskan kacau ganggu tersebut dengan cara membersihkan tempat tersebut dan menuntut kos perbelanjaan pembersihan tersebut kepada pemunya (pemilik petak/badan pengurusan);
- (v) Penguatkuasaan Undang- Undang Kecil Pengasingan Sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula (MPSP) 2016, Pengasingan Sisa Di Punca yang lebih menyeluruh di semua kawasan pemajuan berstrata sama ada yang mempunyai badan pengurusan atau tidak;
- (vi) Indeks Kualiti Pengurusan Bangunan Berstrata (Star Rating) di kawasan Seberang Perai bagi tahun 2018 menunjukkan hanya 14.8% skim pemajuan mencapai taraf 4-5 bintang bagi nilai pengurusan mengikut wajaran yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Jabatan COB, MPSP akan meningkatkan pencapaian kepada 40% bagi skim- skim ini mendapat 4-5 Bintang (Cemerlang dan Amat Cemerlang) dalam tahun 2022; dan
- (vii) Memberikan pendidikan berkaitan strata kepada semua lapisan masyarakat dengan mengambil kira keperluan setiap gender termasuk kanak-kanak bagi memahami hak dan tanggungjawab sebagai komuniti penduduk berstrata.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

50. Kerajaan Negeri mencadangkan pembelian semula Rumah Mampu Milik kategori A/B/C daripada pemilik yang ingin menjual untuk tujuan menaik taraf.
- (a) Apakah mekanisma pelaksanaan cadangan tersebut?
 - (b) Apakah harga yang akan ditawarkan Kerajaan Negeri atas pembelian tersebut?
 - (c) Apakah kelebihan/keuntungan atau cabaran/kelemahan yang dihadapi jika melaksanakan polisi ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

50. Kerajaan Negeri pada masa ini memberi fokus kepada meningkatkan stok RMM samada A, B mahupun C. Usaha ini melibatkan penguatkuasaan Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah/ Kos Sederhana Rendah dan juga Dasar Rumah Mampu Milik 100 Peratus yang banyak bergantung kepada mekanisma subsidi silang dan juga insentif pengecualian caj oleh Kerajaan Negeri. Peningkatan taraf ekonomi isirumah juga bermaksud keperluan untuk menaiktaraf kediaman mereka, sama ada dari RMM A dan B ke C atau terus ke kategori rumah yang lebih mewah. Keadaan ini

mewujudkan fenomena sub-sale/*secondary market* dan juga pasaran rumah sewa yang tidak memberi kemampuan kepada bekalan rumah mampu milik. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri sedang meneliti beberapa kaedah pemilikan dan pengekalan stok rumah mampu milik dan antaranya adalah dasar pembelian semula (*buy back policy*).

- (a) Mekanisma yang dicadangkan adalah semua RMM A dan B yang ingin dijual hanya boleh dijual kepada senarai menunggu yang diperaku oleh Kerajaan Negeri. Secara prinsipnya, RMM A dan B akan kekal sebagai unit kawalan Kerajaan Negeri dan sebarang urusaniaga memerlukan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Kerajaan Negeri perlu memasukkan sekatan kepentingan kepada semua hakmilik ini selain menetapkan had pajakan yang lebih pendek berbanding 99 tahun. Buat permulaan, hanya unit RMM A dan B yang dibina oleh Kerajaan Negeri seperti di Pintasan Cecil, Jalan Perak, Sandiland Foreshore, Daerah Timur Laut boleh dijadikan perintis kepada konsep ini.
- (b) Penetapan harga ini masih memerlukan kajian lanjut mengambil kira jumlah prinsipal pembelian unit dan faedah ditanggung termasuk ubahsuai rumah yang dilakukan. Sekiranya tempoh pajakan dikurangkan, maka harga jualan kali pertama, kedua dan seterusnya akan perlu ditetapkan terlebih dahulu.
- (c) Objektif utama kaedah ini adalah pengekalan unit RMM A dan B terutamanya di kawasan strategik yang lazimnya tepu bina. Selain dari itu, ia dapat mengelakkan unit dimanipulasi sebagai kaedah mendapat keuntungan (*wealth creation*) samada melalui *sub sale* mahupun disewakan. Cabaran utama yang dijangka wujud adalah:
 - (i) tentangan dari pemilik rumah dalam penetapan harga belian semula;
 - (ii) selain itu mekanisma pengurusan, kawalan dan penguatkuasaan kepada unit ini; dan
 - (iii) aspek perundangan melibatkan hak pemilik rumah yang perlu diberi perhatian dan ruang bagi perbincangan.

Menghadkan tempoh pajakan juga akan menyebabkan bank komersil tidak berminat untuk membiayai pinjaman dan memerlukan komitmen Kerajaan Negeri untuk membelinya dari pemaju persendirian terlebih dahulu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

51. Pusat perlindungan untuk warga emas.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membinanya untuk Daerah Barat Daya?
 - (b) Apakah tindakan kerajaan dalam menangani isu-isu berkaitan dengan warga emas yang tidak dipedulikan ini?
 - (c) Apakah halangan-halangan yang ada dalam untuk membina rumah perlindungan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

51. (a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum mempunyai cadangan untuk membina pusat perlindungan warga emas di Daerah Barat Daya. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah menyediakan sebuah Pusat Aktiviti Warga Emas di Balik Pulau, Pulau Pinang.

(b) Tindakan yang diambil kerajaan dalam menangani isu-isu berkaitan dengan warga emas yang tidak dipedulikan adalah seperti berikut:

(i) Pusat Aktiviti Warga Emas

Terdapat dua (2) buah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang iaitu di Balik Pulau dan Pongsu Seribu, Kepala Batas. PAWE merupakan tempat berkumpul dan menjalankan aktiviti bagi warga emas tetapi bukan pusat jagaan berkediaman dan beroperasi mengikut waktu pejabat selama 5 hari seminggu. Setiap PAWE mempunyai jawatankuasa yang menggerakkan operasi dan penyelia yang dilantik bagi menguruskan PAWE tersebut.

Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) akan menjalankan siasatan terperinci mengenai latar belakang sosial warga emas tersebut bagi membuat perancangan seterusnya untuk membantu mereka. Melalui PAWE, mereka dapat menjalankan aktiviti harian dalam komuniti setempat. Ia merupakan satu perkhidmatan bercorak *reaching out* dan *developmental* kepada warga emas. Ini dapat mengelakkan mereka hidup bersendirian dan dapat mengembalikan perasaan bahawa mereka masih diperlukan dan dihargai.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang dalam proses untuk membina Pusat Transit Gelandangan yang akan turut berperanan sebagai Pusat Aktiviti Warga Emas dan projek ini dalam fasa reka bentuk akhir.

(iii) Pusat Penjagaan Warga Emas

Kerajaan Persekutuan melalui JKM Malaysia sedang mendirikan sebuah pusat penjagaan warga emas bagi golongan warga emas yang tidak berkeluarga atau terabai yang dikenali sebagai Kompleks Sinar Kasih di Daerah Seberang Perai Selatan dan dijangka siap pada September 2019. Khidmat penjagaan di institusi JKM di Rumah Seri Kenangan juga disediakan kepada warga emas tunggal yang tidak mempunyai keluarga dan memerlukan penjagaan.

(iv) Program *Outdoor*

Kerajaan Negeri turut melaksanakan program “Jom Hidup Sihat” yang disasarkan kepada rakyat di negeri Pulau Pinang untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat khususnya di kalangan warga emas. Kerajaan Negeri menggalakkan setiap KADUN untuk mewujudkan pusat komuniti supaya aktiviti-aktiviti komuniti seperti latihan Tai Chi, Qi Gong, Line Dance dan Aerobik dapat dijalankan dan peralatan *out door gym* juga dapat disediakan.

Selain itu, kolaborasi strategik juga dijalankan antara JKM dan Jabatan Kesihatan Negeri melalui program “Komuniti Sihat Pembina Negara” atau singkatannya KOSPEN yang merangkumi 5 aspek / skop utama iaitu saringan Kesihatan kepada semua penduduk berumur 18 tahun dan ke atas termasuk warga emas merangkumi pemakanan sihat, amalan tidak merokok, aktif secara fizikal dan pengurusan berat badan.

(v) Program Sosial Khidmat Bantu

JKM juga menjalankan Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help*). Ia merupakan satu perkhidmatan sokongan sosial yang disediakan oleh sukarelawan kepada warga emas dan OKU yang tinggal bersendirian atau bersama ahli keluarga di rumah yang kurang penjagaan dan kurang berkemampuan. Program ini bertujuan menyemarakkan perkembangan sukarelawan (*volunteerism*) yang lebih tersusun dan berkesan dalam masyarakat selain bertujuan membina integrasi sosial di kalangan komuniti setempat secara holistik dan menyemarakkan konsep kebajikan adalah tanggungjawab bersama.

Usaha dan tindakan ini merupakan satu kerjasama strategik di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan agensi kerajaan yang lain serta melibatkan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) di peringkat pelaksanaan secara menyeluruh.

(vi) Bantuan Kewangan

Kerajaan Negeri turut memberikan bantuan dalam bentuk kewangan. Antara bantuan yang terlibat adalah seperti berikut:

- Bagi warga emas yang terabai kerana tidak mempunyai penjaga, JKM akan memberikan bantuan wang RM350 sebulan atau sejumlah bantuan yang bersesuaian di bawah Bantuan Am Kerajaan Negeri; dan
- Kerajaan Negeri memberi sumbangan penghargaan sebanyak RM130 kepada warga emas yang bermastautin dan berdaftar di negeri Pulau Pinang di bawah program iSejahtera.

(vii) Bantuan Hemodialisis

Bantuan hemodialisis kepada mereka yang kurang berkemampuan termasuk warga emas yang mempunyai penyakit buah pinggang melalui Pusat Dialisis C.A.T. di kawasan Balik Pulau, Daerah Barat Daya. Kos rawatan adalah sebanyak RM110.00 dengan subsidi sebanyak RM100.00 diberikan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesihatan kepada pesakit yang terpilih dan pesakit hanya perlu membayar RM10 bagi setiap sesi rawatan hemodialisis termasuk warga emas manakala bayaran ubat ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

(viii) Program Mammogram

Melancarkan program mammogram percuma pada awal 2015 yang memfokuskan kepada golongan kurang berkemampuan berusia 35 tahun ke atas yang turut merangkumi warga emas.

(ix) Perumahan

Mewujudkan suatu ekosistem perumahan yang tidak membebankan rakyat dan mampu dimiliki. Warga emas yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 dan mempunyai kes-kes kronik akan diberi keutamaan oleh Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (SPEC) untuk menyewa unit Projek Perumahan Rakyat (PPR).

- (c) Halangan-halangan dihadapi oleh Kerajaan Negeri untuk membina rumah perlindungan ini adalah seperti berikut:
 - (i) Kekurangan tanah/bangunan yang sesuai untuk dijadikan rumah perlindungan. Kerajaan Negeri berpandangan rumah perlindungan memerlukan kawasan yang mudah untuk diakses dan berhampiran dengan premis kerajaan; dan
 - (ii) Perlu kajian menyeluruh dalam pelbagai aspek dari segi pengurusan, dan implikasi kewangan kepada Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 52. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Tempatan Negeri untuk memantau dan mengawal pekerja-pekerja warga asing perindustrian yang duduk di taman-taman kediaman supaya kehidupan yang harmoni dan selamat dapat dijamin bagi penduduk tempatan dan juga pekerja-pekerja warga asing?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 52. Pada masa ini Kerajaan Negeri dengan kerjasama Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) telah memainkan peranan sewajarnya dalam memantau serta mengawal pekerja-pekerja warga asing perindustrian yang tinggal di taman-taman kediaman. Ianya bertujuan untuk memastikan kehidupan penduduk tempatan dan pekerja warga asing itu sendiri selamat dan harmoni. Antara langkah-langkah keselamatan yang diambil adalah seperti berikut:
 - (i) Menjalankan pemantauan dan pemeriksaan yang kerap terhadap pekerja-pekerja asing perindustrian yang tinggal di taman-taman perumahan bagi membendung masalah sosial dan jenayah yang berlaku di kawasan penempatan pekerja asing tersebut yang bercampur dengan penduduk tempatan;
 - (ii) Meningkatkan kerjasama yang lebih erat bersama masyarakat setempat melalui pendekatan '*Community Engagement*' bagi mendapatkan maklum balas yang diperlukan mengenai pekerja-pekerja asing perindustrian yang tinggal di taman-taman perumahan berkaitan;
 - (iii) Meningkatkan rondaan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dan *Mobile Police Vehicle* (MPV) di taman-taman perumahan yang dikenal pasti sebagai penempatan pekerja-pekerja asing perindustrian;
 - (iv) Meningkatkan program/kempen pencegahan jenayah Bersama komuniti di taman-taman perumahan yang didiami oleh pekerja-pekerja asing perindustrian;
 - (v) Memanjangkan kempen pendaftaran *Volunteer Smartphone Patrol* (VSP) ke taman-taman perumahan bagi memudahkan penduduk kawasan berkenaan melaporkan kepada polis mengenai aktiviti mencurigakan yang melibatkan pekerja asing di kawasan mereka;
 - (vi) Mempertingkatkan Kempen Pengedaran Risalah-risalah Jenayah ke taman-taman perumahan yang didiami pekerja asing agar penduduk tempatan lebih peka mengenai keselamatan diri dan keluarga mereka;
 - (vii) Mempertingkatkan pendekatan *Community Policing* di kawasan taman perumahan bagi menjalankan serta memupuk semangat kerjasama di antara pihak polis dan penduduk setempat; dan

- (viii) Mempergiatkan program dan aktiviti AMANITA (*Peace Lady*) bagi mendekati golongan wanita di taman-taman perumahan yang berkaitan.

Kerajaan Negeri juga telah menyediakan Garis Panduan Perancangan Pembinaan Asrama Pekerja di negeri Pulau Pinang yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.13/2017 pada 21 November 2017 (Pindaan 2017). Tujuan utama penyediaan garis panduan ini adalah membangunkan kawasan penempatan khas bagi pekerja asing dan tempatan yang lengkap dengan kemudahan di kawasan *zoning* perniagaan dan perindustrian agar tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk tempatan.

Sehingga kini kerajaan negeri telah meluluskan empat (4) buah penempatan asrama pekerja di kawasan Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan iaitu:-

- (i) Tetuan Westlite Dormitory (Penang-Juru) Sdn Bhd di atas Lot 14750, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah;
- (ii) Tetuan Westlite Dormitory (Bukit Minyak) Sdn Bhd di atas Lot 9224, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Selatan;
- (iii) Tetuan Passion Paradise Sdn. Bhd. di atas Lot 1226, Mukim 12, Daerah Seberang Perai Selatan; dan
- (iv) Tetuan Right Pristine Development Sdn. Bhd di atas Lot 1249, Mukim 14, Jalan Permatang Tinggi, Daerah Seberang Perai Tengah.

Selain itu, dalam memastikan keselamatan penduduk tempatan dan pekerja-pekerja asing, Kerajaan Negeri juga mendapat kerjasama dari pihak perindustrian. Pihak perindustrian digalakkan menyediakan penyelia (warga tempatan) yang bertanggungjawab dalam mengawal dan memantau kediaman pekerja warga asing. Dalam masa yang sama, Ketua Kampung di kawasan terlibat juga perlu memainkan peranan penting dengan memantau rumah-rumah sewa yang dijadikan kediaman pekerja warga asing. Disamping itu, pihak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) juga perlu bekerjasama dengan PDRM dengan mengadakan mesyuarat bulanan bagi menyelesaikan sebarang masalah keselamatan yang timbul. Dalam hal ini, sebarang maklumat awal berkaitan dengan aktiviti warga asing harus disalurkan dengan segera kepada Cawangan Khas daerah bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

53. Isu kebersihan di kawasan Perumahan Flat Taman Tun Sardon tidak dapat diselesaikan. Jabatan-jabatan yang berkenaan harus mengambil langkah yang proaktif supaya ia tidak memudaratkan penduduk-penduduk kawasan.

- (a) Apakah jadual kutipan sampah dan penyelenggaraan yang ditetapkan?
- (b) Sekiranya, ia tidak dipatuhi, apakah tindakan yang boleh diambil?

Y.A.B. Ketua Menteri:

53. Perkhidmatan membersih dan menjaga kebersihan di kawasan perumahan Taman Tun Sardon dilaksanakan secara sebut harga terbuka. Terdapat tiga (3) syarikat yang melaksanakan kerja-kerja kebersihan dengan perincian maklumat kontraktor dan kontrak adalah seperti berikut:-

- (i) Fasa 1 (Blok A hingga E) oleh Syarikat Generasi Niaga mulai 1 April 2019 hingga 31 Mac 2020;

- (ii) Fasa 2 (Blok AA hingga AZ) oleh Syarikat ASQ Reality Enterprise mulai 1 April 2019 hingga 31 Mac 2020; dan
- (iii) Fasa 3 (Blok A, B dan C) oleh Syarikat Pengkalan Subur (M) Sdn. Bhd. mulai 1 Mac 2018 hingga 31 Disember 2019.
- (a) Jadual kutipan sampah bagi ketiga-tiga kawasan berkenaan merangkumi Fasa 1 hingga 3 adalah setiap hari di waktu pagi.

Setiap syarikat kebersihan yang dilantik dikehendaki untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan mengikut skop kerja yang ditetapkan oleh Bahagian Perumahan. Perincian skop kerja tersebut adalah seperti berikut:

1. Kerja-kerja Harian

- (i) Memungut dan mengumpul bahan buangan di tempat-tempat yang disediakan di kawasan perumahan dua (2) kali sehari (pagi/petang) dan membuang ke pusat pungutan sampah yang disediakan;
- (ii) Menyapu bahan buangan di semua kawasan Blok di luar unit rumah pangsa dan perkarangan dua (2) kali sehari (pagi/petang) dan membuang ke pusat pungutan sampah yang disediakan;
- (iii) Menyapu dan membersihkan jalan, laluan sekitar blok termasuk gelanggang takraw dan kawasan taman permainan kanak-kanak sekali sehari;
- (iv) Membersih semua longkang sekali sehari; dan
- (v) Membersih dan mencuci ruangan pejabat.

2. Kerja-Kerja Mingguan

- (i) Kerja-kerja pekebunan, membajai dan penjagaan pokok-pokok dan pokok-pokok bunga, memangkas dan memotong ranting-ranting yang tidak diperlukan dua minggu atau apabila diperlukan;
- (ii) Memotong dan memaras rumput-rumput di kawasan cerun dan lapang dua (2) minggu sekali atau apabila diperlukan; dan
- (iii) Memotong, meracun serta membuang tumbuhan di kawasan luar dan dalam pagar apabila diperlukan/arah.

3. Kerja-Kerja Bulanan

- (i) Membuang segala bahan-bahan buangan serta membersihkan rumah pam setiap sebulan sekali dan apabila diperlukan; dan
- (ii) Meracun rumput-rumpai di kawasan/tempat yang perlu serta mengawal kerja-kerja berkaitan.

4. Lain-lain:

- (i) Pihak syarikat dilantik juga dikehendaki menjalankan perkhidmatan yang berkaitan apabila diarahkan berbuat demikian oleh Bahagian Perumahan Pulau Pinang pada bila-bila masa.

Sekiranya pihak syarikat tidak mematuhi skop kerja yang ditetapkan oleh Bahagian Perumahan, pemotongan bayaran bulanan akan dibuat ke atas syarikat berkenaan berdasarkan kepada prestasi perkhidmatan seperti mana termaktub dalam dokumen perjanjian.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

54. Adakah projek tambakan laut di Butterworth mempunyai *master plan*, lulus DEIA dan Pelan Merancang? Senaraikan cadangan pembangunan dan hala tuju.
- (a) Huraikan langkah menjaga kebajikan nelayan, mengekalkan jeti-jeti, menjaga keadaan pantai/laut untuk kemudahan nelayan.
 - (b) Huraikan tindakan jabatan/ Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyelesaikan isu pencemaran laut akibat tambakan di Tanjong Tokong dan Gurney.

Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Pembangunan projek tebusguna tanah di kawasan Butterworth berhampiran Pantai Robina dalam peringkat proses kelulusan Pelan Induk Pembangunan oleh PLANMalaysia@Pulau Pinang dan belum ada kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan Kebenaran Merancang. Sebelum kerja-kerja fizikal tebusguna tanah dilaksanakan, terdapat beberapa peringkat kelulusan yang perlu diperolehi oleh pemegang konsesi mengikut turutan seperti berikut:
- (i) Melaksanakan kajian dan mendapatkan kelulusan bagi EIA, *Social Impact Assessment* (SIA), *Fisheries Impact Assessment* (FIA), *Traffic Impact Assessment* (TIA), *Marine Traffic Risk Assessment* (MTRA), *Hydraulic Study* dan laporan lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melulus dan selepas kelulusan Pelan Induk Pembangunan;
 - (ii) Kelulusan Kebenaran Merancang untuk kerja-kerja tebusguna tanah selepas kelulusan kajian-kajian;
 - (iii) Kelulusan *Commencement of Work* (COW) selepas kelulusan Kebenaran Merancang
- (a) Pihak pemaju perlu menyediakan laporan-laporan seperti EIA, SIA dan FIA serta mendapatkan kelulusan laporan tersebut dengan Pihak Berkuasa Melulus. Laporan tersebut akan menerangkan impak atau kesan yang mungkin berlaku ke atas sumber perikanan, nelayan, alam sekitar dan lain-lain. Laporan tersebut juga perlu menyatakan langkah-langkah mitigasi yang perlu diambil dan dilaksanakan oleh pemaju untuk meminimalkan impak yang dijangkakan. Kerajaan Negeri komited untuk memastikan pemaju mematuhi semua peraturan yang ditetapkan termasuk langkah-langkah mitigasi yang perlu diambil. Sekiranya pembangunan ini melibatkan Jeti-jeti sedia ada dan lain-lain kemudahan awam nelayan, pihak pemaju akan disyaratkan untuk membina semula struktur tersebut.
 - (b) Tebus guna tanah di Tanjong Tokong telah diluluskan oleh semua Pihak Berkuasa Melulus termasuk *Detailed Environment Impact Assessment* (DEIA). Syarat-syarat kelulusan DEIA telah menetapkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pemaju semasa pelaksanaan kerja-kerja tebusguna bagi mengatasi masalah pencemaran termasuk kawasan sekitar. Langkah-langkah pencegahan ini dan bacaan indek pencemaran disediakan melalui EMP (*Environmental Management Plan*) secara berkala dan dilaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar. JAS sentiasa menjalankan pemantauan secara berkala terhadap aktiviti penambakan ini bagi memastikan ianya dijalankan secara terkawal dan tidak menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar. Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya pemaju gagal mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA yang ditetapkan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Nyatakan jumlah CCTV *facial recognition* yang telah dipasang di Negeri Pulau Pinang dan syarikat tersebut serta jumlah kos yang terlibat untuk pemasangan dan penyelenggaraan bagi kesemua CCTV tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Jumlah CCTV yang dipasang dengan keupayaan '*facial recognition*' oleh pihak MBPP adalah sebanyak 10 unit. Sebanyak 8 unit lagi kamera CCTV akan dipasang oleh MBPP dengan kerjasama pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Syarikat Hi-Security and Consultancy Services Sdn. Bhd. memasang CCTV berkenaan dengan kos sebanyak RM130,000.00 termasuk kos penyelenggaraan selama 5 tahun. Kerja-kerja pengaturcaraan (*programming*) untuk sistem '*facial recognition*' dilaksanakan oleh Syarikat Sophic Automation Sdn. Bhd. dengan kos pengaturcaraan sebanyak RM163,000.00.

Bagi MPSP pula, CCTV yang telah dipasang belum dilengkapi dengan teknologi pengecaman wajah. Walau bagaimanapun, di bawah projek *Smart City of Penang* (SCoPe) kendalian MPSP, terdapat 64 unit CCTV yang dipasang dengan kerjasama Syarikat Intel Microelectronics (M) Sdn. Bhd. Sistem yang dibekalkan oleh pihak Intel mempunyai teknologi pengecaman wajah dan 7 unit daripadanya telah dipasang dengan keupayaan pengecaman nombor pendaftaran kenderaan dan jenis kenderaan. Kos pemasangan oleh pihak MPSP adalah sebanyak RM455,000 bagi projek SCoPe. Turut dalam perancangan adalah pemasangan tambahan 45 unit CCTV yang akan dibuat secara tender pada bulan April 2019 dengan kos pemasangan dan penyelenggaraan sebanyak RM5 juta. Jangkaan lantikan kontraktor adalah pada bulan Jun 2019 dan kerja-kerja pemasangan akan dilakukakn pada bulan Ogos 2019. Penetapan jumlah CCTV yang akan menggunakan teknologi pengecaman wajah akan ditentukan kemudian oleh pihak MPSP berdasarkan keperluan dan kajian.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

56. Peranan MSN adalah fokus kepada pembangunan sukan berprestasi tinggi.
- (a) Adakah MSN mempunyai kuasa untuk memilih jurulatih dan menentukan atlet siapa yang akan mewakili Negeri Pulau Pinang mengambil bahagian dalam pertandingan sukan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

56. Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) ditubuhkan adalah untuk membantu persatuan-persatuan sukan negeri dalam melaksanakan program pembangunan sukan berprestasi tinggi di peringkat negeri. Pembangunan sukan ini merangkumi program kejurulatihan, penyediaan kemudahan sukan, pembangunan atlet negeri, penyertaan kontinjen negeri ke Sukan Malaysia dan sebagainya. Kuasa memilih jurulatih terletak di bawah bidang kuasa Persatuan Sukan Negeri berkenaan manakala pemilihan atlet untuk mengambil bahagian dalam pertandingan sukan berada di bawah tanggungjawab jurulatih yang dilantik di mana cadangan nama atlet yang dicalonkan oleh jurulatih akan dikemukakan kepada persatuan untuk pengesahan.

Pemilihan jurulatih dan atlet bagi penyediaan Kontinjen Negeri Pulau Pinang untuk penyertaan di Sukan Malaysia (SUKMA) akan dibuat oleh pihak MSNPP dengan mengadakan perbincangan dengan semua persatuan sukan yang terlibat melalui

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK). Kriteria pemilihan jurulatih dan atlet yang dicalonkan oleh persatuan sukan negeri akan dibentangkan dalam mesyuarat berkenaan dan keputusan akan dibuat secara bersama melibatkan semua ahli jawatankuasa yang terbabit.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

57. Sila huraikan jumlah kelulusan permohonan perlingkungan semula dan ubah syarat tanah pada 2018.
- (a) Nyatakan jumlah bayaran peningkatan nilai dan premium tanah yang diperolehi pada 2018.
 - (b) Apakah impak kewangan yang bakal dihadapi apabila tiada perlingkungan semula dibenarkan selepas Rancangan Tempatan digazetkan?
 - (c) Apakah alternatif hasil kerajaan selain cukai tanah dan premium ubah syarat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

57. Pada 2018, jumlah kelulusan permohonan perlingkungan semula adalah 57 permohonan dan kelulusan permohonan ubah syarat tanah berjumlah 26 permohonan.

(a) Pada 2018, jumlah bayaran peningkatan nilai adalah sebanyak RM28,660,405.13 (RM26,473,156.80 bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan RM2,187,248.33 bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)). Manakala premium bagi ubah syarat tanah berjumlah RM14,413,395.70.

(b) Bagi MBPP, impak dari segi kewangan akan menyebabkan kekurangan hasil secara purata RM10 juta setahun. Walau bagaimanapun, impak ini perlu dilihat secara menyeluruh iaitu perkara yang dapat dicapai melalui penwartaan Rancangan Tempatan.

Bagi MPSP pula, tiada impak kewangan yang bakal dihadapi kerana MPSP masih boleh mengenakan caj pemajuan di bawah Seksyen 32, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

(c) Tiga komponen utama hasil Negeri Pulau Pinang adalah Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Cukai Tanah merupakan salah satu daripada sumber di bawah komponen Hasil Cukai manakala premium tanah (ubah syarat) adalah salah satu daripada Hasil Bukan Cukai.

Jumlah keseluruhan terimaan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM1.0153 bilion. Dari jumlah tersebut jumlah cukai tanah yang diterima bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM119.12 juta iaitu 11.73% daripada jumlah keseluruhan hasil negeri dan jumlah hasil premium ubah syarat tanah yang diterima bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM70.70 juta iaitu 6.96% daripada jumlah keseluruhan hasil negeri. Manakala lain-lain hasil adalah sebanyak RM825.48 juta iaitu 81.31% daripada jumlah keseluruhan hasil negeri.

Selain daripada kutipan cukai tanah dan hasil premium tanah (ubah syarat), Kerajaan Negeri menerima sebanyak 80% hasil daripada lain-lain Hasil Cukai seperti cukai parit, cukai tali air dan cukai hiburan. Melalui Hasil Bukan Cukai pula Kerajaan Negeri menerima hasil melalui Bayaran Lesen, Bayaran

Pendaftaran dan Permit, Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan Perolehan dari jualan barang-barang, sewaan, keuntungan pembiayaan dan perolehan pelaburan serta denda dan hukuman. Selain daripada Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai, hasil juga diterima daripada Terimaan Bukan Hasil seperti pulangan balik perbelanjaan dan terimaan dari agensi kerajaan. Oleh itu, Kerajaan Negeri masih mempunyai alternatif hasil yang lain, walaupun tidak dinafi sumbangan dari cukai tanah dan premium ubah syarat tanah adalah utama.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

58. Laporan Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) tidak akan didedahkan kepada umum.
- (a) Sejauh manakah laporan tersebut berkaitan dengan urusan Kerajaan Negeri?
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memperolehi maklumat Laporan CEP yang berkaitan dengan Pulau Pinang?
 - (c) Bolehkah Kerajaan Negeri mengusulkan dalam DUN Pulau Pinang agar Kerajaan Persekutuan mendedah maklumat kepada Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

58. Majlis Penasihat Kerajaan atau lebih dikenali *Council of Eminent Persons* (CEP) ditubuhkan untuk memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dan tidak melibatkan Kerajaan Negeri. Oleh itu, segala laporan berkaitan tidak pernah didedahkan dan tidak diketahui oleh Kerajaan Negeri. Atas alasan tersebut, Kerajaan Negeri tidak mengetahui sejauh mana laporan berkenaan berkaitan dengan urusan Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk memperolehi maklumat Laporan CEP yang berkaitan dengan Pulau Pinang. Namun begitu, Kerajaan Negeri sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam apa jua perkara untuk kebaikan rakyat dan Negara.

Perkara ini tidak boleh diusul dalam Dewan Undangan Negeri kerana ia berkaitan dengan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

59. Pada 28/3/19, 125 pelajar yang 99% kaum Cina, 60 dari SMK Jalan Damai Bukit Mertajam, 65 dari seluruh Malaysia telah mengadakan program Rakan Muda Penempatan 5 hari 4 malam di kampung tradisi Melayu di Homestay Mengkuang Titi mempelajari tradisi orang-orang kampung.
- (a) Bolehkah kerajaan memperuntukkan bajet untuk program-program belia yang memupuk muhibbah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

59. Bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM120,000.00 di bawah Maksud Pembangunan P16 Butiran 03 untuk Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penanti di mana ianya juga boleh digunakan untuk melaksanakan program-program belia di KADUN berkaitan.

Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan bagi program-program belia dan sukan di bawah Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Belia dan Sukan sejumlah RM700,000.00. Selain itu, pelaksanaan program-program bagi belia turut dilaksanakan oleh Penang Youth Development Corporation (PYDC). Yang Berhormat ADUN boleh mengemukakan kertas kerja program ke Pejabat Pengerusi Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan untuk permohonan peruntukan.

Selain itu, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang juga menguruskan program-program belia di Pulau Pinang melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

60. Insiden kecemasan di KOMTAR pada 5 April 2019.
- (a) Susulan daripada insiden tersebut, apakah kelemahan yang telah dikenalpasti di dalam insiden kecemasan tersebut?
 - (b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi kelemahan khususnya berhubung dengan insiden kecemasan di KOMTAR memandangkan ia adalah pusat pentadbiran utama Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

60. Baru-baru ini KOMTAR telah digegarkan dengan insiden kecemasan apabila terhasil keputulan asap seperti seolah-olah berlaku kebakaran pada hari Jumaat, 5 April 2019 hingga asap memenuhi di ruang legar Fasa 1A, Paras 3, KOMTAR.
- (a) Susulan insiden tersebut serta hasil *post mortem* dari pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), punca insiden tersebut adalah disebabkan sesalur penghawa dingin yang berada di dalam *air handling unit plan room* telah menjadi haus dan mengeluarkan keputulan asap. Kelemahan yang telah dikenalpasti daripada insiden tersebut adalah :
 - (i) *Emergency Response Team* (ERT) yang dilantik untuk setiap tingkat tidak memainkan peranan dengan baik dalam mengkoordinasi pergerakan pengungsian bangunan dan tidak membuat *head count* apabila semua berada di tempat berkumpul yang selamat;
 - (ii) Terdapat segelintir kakitangan yang tidak mempedulikan bunyi penggera keselamatan dan meneruskan tugas tanpa melakukan tindakan evakuasi;
 - (iii) Kakitangan kurang didedahkan dengan latihan *fire drill* yang menyebabkan mereka tidak mengetahui tindakan sewajarnya apabila berlaku kecemasan;
 - (iv) PDC Setia Urus sebagai pemilik bangunan tidak tahu *Standard Operating Procedure (SOP)* yang betul apabila berlakunya sebarang bencana atau kecemasan di bangunan KOMTAR. Sebagai contoh, semua *escalator* masih lagi berjalan / berfungsi seperti biasa dan menyebabkan orang awam tetap memasuki bangunan ini walaupun diumumkan beberapa kali oleh pihak anggota Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) untuk mengosongkan bangunan;
 - (v) *Plan Preventive Maintenance* tidak dilakukan secara berkala; dan
 - (vi) Perlu penukaran 15 bilangan *Air Handling Unit (AHU)* yang telah lama digunakan di dalam bangunan KOMTAR.

- (b) Kerajaan Negeri akan mengambil langkah-langkah berikut untuk mengatasi kelemahan yang telah dikenalpasti:
- (i) Senarai *Emergency Response Team* (ERT) yang dilantik untuk setiap tingkat akan dikemaskini dari masa ke semasa dan melantik seorang penolong kepada ERT dan memberi latihan yang berkaitan bagi memastikan semua kakitangan yang dilantik dapat memainkan peranan sekiranya berlaku bencana;
 - (ii) Mengadakan sesi latihan *fire drill* setahun sekali bagi memberi pendedahan kepada semua kakitangan tentang tindakan yang sepatutnya diambil sekiranya berlaku kebakaran;
 - (iii) Menyediakan tapak berkumpul yang sistematik bagi memastikan keselamatan kakitangan / orang awam dan memudahkan urusan penyelamatan oleh pihak BOMBA dan pasukan perubatan; dan
 - (iv) Mewujudkan rangkaian komunikasi yang mantap dan berfungsi dengan baik bagi tujuan penyaluran maklumat yang tepat kepada semua tingkat dan orang awam.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

61. Berapakah hasil jumlah kutipan cukai Kerajaan Tempatan bagi perkhidmatan penginapan sehingga Mac 2019.
- (a) Hotel manakah mempunyai kadar penghunian tertinggi berdasarkan sumbangan cukai?
 - (b) Apakah pelan tindakan untuk menangani kerugian cukai penginapan daripada mereka yang menggunakan perkhidmatan Airbnb?

Y.A.B. Ketua Menteri:

61. Jumlah kutipan Fi Hotel (dahulunya dikenali sebagai Fi Kerajaan Tempatan) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dari tahun 2014 hingga Mac 2019 adalah berjumlah RM43,769,090.70.
- (a) Senarai 5 hotel dengan kadar penghunian tertinggi berdasarkan kutipan Fi Hotel masing-masing bagi MBPP dan MPSP adalah seperti berikut:
 - Kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)
 - (i) G Hotel;
 - (ii) Jen Hotel;
 - (iii) Golden Sands Beach Resorts;
 - (iv) Hotel Equatorial; dan
 - (v) Evergreen Hotel
 - Kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)
 - (i) Harvest Golden World Sdn. Bhd.;
 - (ii) Marina Oriental Hotel;
 - (iii) Tambun Inn Hotel (Maple Inn);
 - (iv) The Light Hotel; dan
 - (v) Galaxy Star Hotel Sdn. Bhd.

- (b) Pihak Berkuasa Tempatan hanya mengutip Fi Hotel daripada pemegang lesen hotel yang sah mengikut Undang-Undang Kecil Hotel. Bagi pengusaha penginapan Airbnb, Pihak Berkuasa Tempatan tidak melesenkan aktiviti berkenaan kerana premis yang digunakan adalah berstatus rumah kediaman yang tidak dibenarkan untuk aktiviti perniagaan. Kerajaan Negeri sedang menunggu keputusan Kerajaan Persekutuan mengenai status undang-undang Airbnb di Malaysia dan pada masa yang sama, menjalankan kajian untuk melesenkan aktiviti penginapan Airbnb supaya mereka akan menyumbang kepada Fi Hotel pada masa yang akan datang.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

62. Pulau Pinang Negeri Berkebijakan.

- (a) Kenapakah program Agenda Ekonomi Saksama tidak mengecualikan Bantuan Pesakit Terlantar dan Bantuan Kanak-kanak yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai sebahagian daripada pendapatan? Sedangkan sebelum ini ianya tidak dikira sebagai pendapatan dan banyak membantu keluarga pesakit kronik (BPT) yang juga kronik sara hidup.

Y.A.B. Ketua Menteri:

62. (a) Berdasarkan garis panduan semasa Program Agenda Ekonomi Saksama (AES), hanya Bantuan Kanak-Kanak (BKK) sahaja yang diambil kira sebagai punca pendapatan manakala Bantuan Pesakit Terlantar (BPT) masih lagi dikecualikan sebagai punca pendapatan.

BKK dikira sebagai salah satu punca pendapatan disebabkan bantuan ini diberikan kepada setiap anak penerima bantuan. Sekiranya ketua isi rumah (KIR) mempunyai bilangan anak yang ramai, maka jumlah bantuan yang tinggi akan diberikan. Mengambil kira justifikasi ini, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa bantuan ini sudah memadai untuk dijadikan sebagai salah satu punca pendapatan.

Bagi BPT pula, bantuan yang diterima digunakan untuk menyediakan keperluan pesakit terlantar seperti lampin pakai buang, susu, ubat-ubatan dan seumpamanya. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri berpandangan bantuan BPT wajar dikecualikan sebagai punca pendapatan dan dalam masa yang sama dapat mengurangkan beban KIR/ keluarga/ pihak yang menguruskan pesakit terlantar tersebut.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

63. Di kawasan George Town masih terdapat ramai warga asing yang berniaga terutamanya dalam sektor makanan, perkhidmatan dan pembinaan. Perkara ini telah menyebabkan peniaga tempatan perlu bersaing dengan peniaga warga asing.

- (a) Apakah pendirian dan tindakan Kerajaan Negeri terhadap masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

63. Kerajaan Negeri sememangnya serius dalam menangani isu melibatkan aktiviti perniagaan oleh warga negara asing terutamanya dalam sektor makanan, perkhidmatan dan pembinaan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengambil pendirian dan tindakan seperti di bawah:

- (a) Pendirian yang diambil oleh MBPP dalam mengawal aktiviti perniagaan oleh warga negara asing di kawasan pulau adalah seperti berikut:
- (i) Memastikan pemohon mengemukakan salinan Borang 24 (Return Of Allotment Of Share) dan Borang 49 (Return Of Giving Particulars) di bawah Akta Syarikat 1965. Pendirian ini adalah untuk memastikan warga tempatan mempunyai pegangan syer dalam syarikat asing ketika mengendalikan perniagaan di Pulau Pinang;
 - (ii) Mengenakan syarat supaya warga tempatan iaitu pemegang lesen perlu berada di premis perniagaan sepanjang perniagaan dijalankan; dan
 - (iii) Mengenakan deposit sebanyak RM2,000.00 bagi memastikan pemegang lesen mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Selain itu, tindakan yang telah diambil oleh MBPP bagi mengawal aktiviti perniagaan warga asing adalah seperti berikut:-

- (i) Membatalkan lesen ke atas pemegang lesen yang melanggar syarat yang dinyatakan dalam kelulusan lesen premis perniagaan; dan
 - (ii) Mengambil tindakan rampasan barangan tred ke atas peniaga warga asing.
- (b) Bagi MPSP pula, pendirian yang diambil oleh pihak MPSP adalah seperti berikut:
- (i) Mengawal pengeluaran lesen perniagaan kepada warga asing dengan syarat syarikat warga asing tersebut didaftarkan sebagai syarikat berstatus Sendirian Berhad sahaja;
 - (ii) Menetapkan dan mengenakan syarat-syarat pelesenan berkaitan warga asing kepada semua pemilik perniagaan yang dikeluarkan lesen perniagaan MPSP iaitu:
 - (a) Dilarang menggajikan/mengupah warga asing yang tiada permit / visa kerja yang sah;
 - (b) Lesen perniagaan yang dikeluarkan tidak boleh diserahkan, dijual, disewa, dipajak kecil (dialibabakan) kepada warganegara asing tanpa kelulusan MPSP; dan
 - (c) Premis perniagaan perlu mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus warga negara tempatan sepanjang masa operasi perniagaan.
 - (iii) Menjalankan tindakan penguatkuasaan bersepadu bersama Jabatan Imigresen Negeri dan jabatan/agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Kesihatan Negeri di kawasan-kawasan *hotspots* yang dikenalpasti sebagai kawasan perniagaan yang dijalankan oleh warga asing;
 - (iv) Menjalankan operasi sitaan barang niaga perniagaan yang dikendalikan oleh peniaga warga asing di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 jika terdapat kacau ganggu;
 - (v) Mengadakan Dasar Pengambilan Pekerja Warganegara Asing / Pemastautin Tetap (PR) Sebagai Pembantu di Gerai Perniagaan Milik Majlis, Premis Perniagaan dan Penjaja iaitu tidak membenarkan

pekerja warga asing bekerja sebagai pembantu di premis perniagaan melebihi 70 peratus daripada jumlah pekerja dan sekurang-kurangnya 30 peratus pekerja hendaklah berstatus pekerja warga tempatan sepanjang masa perniagaan dijalankan. Selain itu, dasar juga melarang pengambilan pekerja / pembantu warga asing untuk membantu penjaja menjalankan aktiviti penjajaan;

- (vi) Mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen, MPSP 1980 bagi kesalahan tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan termasuk pembatalan lesen perniagaan;
- (vii) Mengambil tindakan pendakwaan di mahkamah di atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen; dan
- (viii) Menubuhkan Pasukan Kerja Penyelesaian Masalah Kedai Warga Asing di Seberang Perai bagi mengkaji dan membincangkan kaedah untuk mengekang dan menyelesaikan masalah perniagaan warga asing di kawasan Seberang Perai. Pasukan ini dianggotai oleh Ahli Majlis dan jabatan/agensi berkaitan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

64. Nyatakan Jumlah pelajar lepasan SPM/STPM yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi.
- (a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka yang tidak mendapat peluang ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

64. Berdasarkan maklumat Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), daripada 20,587 calon yang menduduki peperiksaan SPM pada tahun 2017, seramai 5,433 orang pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah bekerja dan tidak melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT). JPNPP tidak mempunyai maklumat jumlah pelajar lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang tidak melanjutkan pelajaran ke IPT.
- (a) Bagi membantu pelajar-pelajar lepasan SPM/STPM yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke IPT, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif-inisiatif seperti berikut:
 - (i) Bekerjasama dengan agensi-agensi lain melalui invest Penang untuk meneruskan usaha mempromosi dan menarik pelaburan, sama ada pelabur baharu ataupun penambahan pelaburan dari pelabur sedia ada, di samping membantu pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan. Usaha ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan terutamanya kepada pelajar-pelajar lepasan SPM/STPM;
 - (ii) Mempelbagaikan pelaburan dalam sektor *Global Business Services* (GBS) supaya peluang pekerjaan dapat ditingkatkan dalam bidang kewangan, teknologi maklumat (IT), seni kreatif, perisian dan sumber manusia selain daripada sektor pembuatan, pendidikan dan pelancongan perubatan (*medical tourism*).

- (iii) Menggalakkan sektor keusahawanan melalui program sokongan untuk *startup* dan memberi bantuan melalui projek @CAT (*Accelerator for Creative, Analytics & Technology*) untuk meningkatkan peluang pekerjaan. @CAT berfungsi mempercepatkan penubuhan serta pertumbuhan syarikat-syarikat baharu kreatif berasaskan teknologi, memupuk bakat-bakat baharu dalam bidang *cloud computing*, aplikasi teknologi, *Big Data Analytics* (BDA) dan *Internet of Things* (IOT); dan
- (iv) Membantu semua golongan graduan yang menganggur, pekerja yang diberhentikan kerja dan pekerja baharu dengan menjalankan pepadanan jawatan bersesuaian apabila menerima permintaan yang dikemukakan oleh majikan melalui Pusat CAT (*Penang Career Assistance and Talent Centre*). Sejak penubuhan Pusat CAT pada Mac 2009 sehingga Mac 2019, seramai 10,975 orang telah berdaftar sebagai pemohon pekerjaan di mana sebanyak 6,490 pepadanan jawatan telah dijalankan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

65. Agihan sumbangan zakat:

- (a) Berapakah kutipan zakat yang telah diterima sejak 2008 hingga kini? Senaraikan jumlah kutipan secara tahunan.
- (b) Apakah bentuk/jenis sumbangan zakat yang diberikan oleh Pusat Urus Zakat (PUZ) Pulau Pinang dan siapakah yang layak menerimanya?
- (c) Bagaimanakah PUZ dapat membantu ADUN mengagihkan sumbangan kepada pihak yang memerlukan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

65. (a) Jumlah kutipan Zakat Harta dan Zakat Fitrah yang telah diterima oleh Zakat Pulau Pinang Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sejak tahun 2008 hingga 2018 adalah seperti berikut:-

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN ZAKAT (RM)
2008	41,919,934.24
2009	48,008,568.94
2010	53,239,362.91
2011	62,281,170.88
2012	76,507,947.71
2013	85,074,314.27
2014	86,596,653.92
2015	92,844,811.96
2016	96,781,464.11

2017	101,454,432.72
2018	119,734,212.91

- (b) Jenis- jenis sumbangan/ bantuan Zakat Pulau Pinang MAINPP telah disusun mengikut asnaf dengan mengambil kira keperluan-keperluan asnaf serta memenuhi keperluan syarak. Antara jenis sumbangan/bantuan utama Zakat Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

Bil	Jenis Bantuan	Asnaf
1	Saguhati Hari Raya	Fakir/ Miskin
2	Pendidikan - persekolahan	Fakir/ Miskin
3	Pendidikan - Bantuan Pakaian Seragam	Fakir/ Miskin
4	Sarahidup-kewangan bulanan	Fakir/ Miskin
5	Sarahidup-makanan bulanan	Fakir/ Miskin
6	Sarahidup-kewangan sekaligus	Fakir/ Miskin
7	Kesihatan - bantuan perubatan ringan	Fakir/ Miskin
8	Bantuan rawatan / pembedahan	Fakir/ Miskin/ Ghorimin
9	Bantuan rumah-baik pulih rumah	Fakir/ Miskin
10	Bantuan rumah-bina rumah	Miskin
11	Peningkatan taraf hidup - bencana alam	Fakir/ Miskin
12	Peningkatan taraf hidup - modal perniagaan	Fakir/ Miskin
13	Biasiswa kecil SMAR	Miskin
14	Permulaan ke IPT (dlm negeri) - sumbangan	Fakir/ Miskin
15	Bantuan permulaan ke IPT (luar negara)	Ibnu Sabil
16	Tajaan Siswa/i di IPT	Miskin
17	Tajaan Pelajar di Pusat Kemahiran	Miskin
18	Bantuan kecemasan	Fakir/ Miskin
19	Bantuan kepada orang yang kesusahan berat	Ghorimin

20	Musafir putus belanja	Fisabilillah
21	Saguhati guru-guru agama sukarela	Fisabilillah
22	Saguhati guru quran sukarela	Fisabilillah
23	Saguhati jawatan kuasa qaryah	Fisabilillah
24	Sumbangan kpd aktiviti keagamaan	Fisabilillah
25	Peralatan dan buku ibadat utk surau / masjid / sekolah	Fisabilillah

- (c) Zakat Pulau Pinang sentiasa mengalu-alukan semua pihak termasuk YB. ADUN untuk sama-sama menyampaikan maklumat dan mengenal pasti asnaf yang layak mendapatkan bantuan zakat dan turut serta dalam program yang dianjurkan oleh Zakat Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

66. Masalah berkaitan penjualan arak (hard liquor) di kedai-kedai runcit sering menimbulkan pelbagai masalah di sesuatu kawasan.
- (a) Adakah ulasan daripada PBT dalam pengeluaran lesen arak diwajibkan?
- (b) Adakah arak (hard liquor) yang kandungan alkoholnya tinggi, sesuai dijual di kedai runcit dan secara runcit, tanpa kawalan yang ketat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

66. (a) Salah satu syarat wajib yang diperlukan semasa memproses permohonan lesen arak oleh Lembaga Pelesenan (Eksais) Negeri Pulau Pinang adalah ulasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- (b) Sesuatu lesen bagi penjualan arak (*hard liquor*) di kedai runcit akan diluluskan oleh Lembaga Pelesenan (Eksais) Negeri Pulau Pinang mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan dibawah Akta Eksais 1976. Akta tersebut membenarkan penjualan semua jenis arak yang diluluskan oleh pihak kastam di kedai runcit. Oleh sebab itu, tidak ada isu kesesuaian penjualan arak (*hard liquor*) di kedai runcit kerana penjualan ini telah dikawal oleh pihak kastam.
- Beberapa siri perbincangan juga telah diadakan antara YB ADUN, Ahli Majlis, Jabatan Kastam, Polis Di Raja Malaysia (PDRM), PBT, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kimia Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan *The North Malaya Liquor Traders Association* dipengerusikan oleh YB. MMK Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa untuk melihat bagaimana isu-isu ini boleh ditangani.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

67. Bantuan sara hidup nelayan yang telah dikurangkan oleh kerajaan daripada RM300 kepada RM200 menjadikan kehidupan nelayan semakin tersepit. Tambahan pula, penggunaan 'bubu naga' secara berleluasa oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab turut menjejaskan pendapatan nelayan dan mengakibatkan kepupusan hasil laut.
- (a) Apakah kerajaan sedar masalah ini?
- (b) Apakah usaha untuk mengatasinya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

67. (a) Kerajaan Negeri sedar akan kesempitan hidup yang terpaksa dihadapi oleh nelayan terutamanya apabila Kerajaan Persekutuan memutuskan untuk pengurangan jumlah bantuan sara hidup nelayan daripada RM300.00 kepada RM200.00 dan dalam masa yang sama terdapat pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab menggunakan bubu naga dalam aktiviti tangkapan ikan hingga menjejaskan pendapatan nelayan. Oleh yang demikian, usaha berterusan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam mengurangkan masalah yang dihadapi nelayan.
- (b) Dalam mengatasi isu penggunaan bubu naga dalam aktiviti tangkapan ikan, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang akan mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan demi membendung aktiviti tidak bermoral ini. Pada tahun 2017 dan 2018, Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah membuat sejumlah 135 tangkapan melibatkan kes penggunaan bubu naga seperti perincian berikut:-

Tahun	Jumlah Kes Tangkapan
2017	16
2018	119
Jumlah	135

Bagi membantu golongan nelayan, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Pulau Pinang sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf hidup nelayan melalui bantuan-bantuan selain daripada bantuan sara hidup seperti berikut:-

- (i) Projek Perumahan Nelayan
- Bantuan ini diberikan kepada nelayan yang layak mengikut garis panduan yang telah ditetapkan berdasarkan tiga (3) skop projek iaitu:
- Membaik pulih rumah;
 - Pembinaan rumah baru; dan
 - Penempatan semula nelayan

- (ii) Insentif Hasil Tangkapan Ikan (IHTI) adalah pada kadar sepuluh sen bagi setiap kilo ikan dan tertakluk kepada had maksimum kuantiti bulanan berdasarkan kategori vesel seperti berikut:

Bil	Kategori Vesel	Kadar Bayaran Insentif	Had Kuantiti Bulanan (Kg)	Had Maksimum Bulanan IHTI (RM)
1.	Vesel Tradisi Enjin Sangkut Zon A	RM0.10 sekilogram	1,500	150.00
2.	Vesel Tradisi Enjin Dalam Zon A	RM0.10 sekilogram	3,500	350.00
3.	Vesel Komersial Zon B	RM0.10 sekilogram	7,500	750.00
4.	Vesel Komersial Zon C	RM0.10 sekilogram	10,000	1,000.00

- (iii) Skim Subsidi Minyak Petrol Dan Diesel

Diberikan kepada nelayan yang layak iaitu RM1.65 seliter Petrol dan RM1.65 untuk Diesel.

- (iv) Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan

Bantuan ini diberikan kepada nelayan yang layak berdasarkan garis panduan yang ditetapkan merangkumi:-

- Kemalangan diri;
- Kerosakan harta benda;
- Kematian biasa;
- Bantuan semasa bencana alam;
- Bantuan operasi (petrol/diesel) mencari dan menyelamatkan (jika perlu); dan
- Bantuan kilat kepada keluarga mangsa

- (v) Insuran Nelayan Berkelompok

Insuran ini diberikan kepada nelayan yang layak berdasarkan garis panduan yang ditetapkan iaitu:-

- Kepada nelayan yang menerima elaun sara hidup;
- Pemotongan RM100.00 setahun; dan
- Nelayan yang berumur 75 tahun ke bawah.

- (vi) Baucar Bantuan Nelayan Pesisir Pantai
Bantuan ini diberikan kepada nelayan pesisir pantai dengan nilai RM400.00 setahun untuk pembelian peralatan menangkap ikan daripada kedai-kedai yang dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri.
- (vii) Pinjaman Mikro Kredit Tabung Usahawan Tani (TUT);
Bantuan pinjaman mikro kredit kepada nelayan yang mengusahakan perniagaan berasaskan industri asas tani termasuklah perikanan.
- (viii) Program *touch point*
Nelayan diberikan bantuan-bantuan input berupa barangan keselamatan dan peralatan nelayan seperti tong insulasi, baju hujan, lampu suluh dan beg kalis air.
- (ix) Latihan dan kursus kemahiran
Kursus ini lebih menumpukan kepada kemahiran teknikal seperti pembaikan enjin sangkut, pemprosesan dan pembuatan/penyelenggaraan sampan *fiber*. Latihan juga turut diberikan kepada keluarga nelayan khususnya isteri-isteri nelayan.
- (x) Bagi meningkatkan pendapatan nelayan, bantuan berbentuk geran dan pinjaman turut diperkenalkan di mana projek yang dibiayai dan diberi pinjaman adalah seperti pembelian peralatan menangkap ikan (Dana Nelayan), projek pemasaran ikan (Pasar Nelayan) dan projek akuakultur.

Pelbagai program dan projek seperti Projek Azam Tani, Program Pembangunan Industri Asas Tani, Program Basmi Kemiskinan Nelayan, Program Peningkatan Pendapatan Nelayan, Program Transformasi Nelayan, Program Pasar Nelayan dengan menggalakkan pemilikan bot dan alat tangkapan moden kepada nelayan, penyediaan kemudahan infrastruktur, kemudahan pemasaran ikan, penubuhan Persatuan Nelayan (PN), Kumpulan Belia Nelayan (KUBENA) dan Kumpulan Wanita Nelayan (KUNITA), galakan peningkatan kemahiran dan keusahawanan nelayan serta pelaksanaan pelbagai program pembangunan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 68. Anjung Indah Bukit Penara Balik Pulau, benarkah masih tidak ada air? Suatu tempat yang menarik terutamanya ketika musim durian akan tercalar imej jika menghadapi masalah air.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 68. Lokasi Anjung Indah Bukit Penara Balik Pulau terletak diparas *Reduce Level* (RL) 320 meter daripada paras laut. Tiada paip sesalur Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) yang sedia ada di sekitar lokasi tersebut. Di samping itu, PBAPP tidak mempunyai perancangan untuk menyediakan sesalur paip ke kawasan berkenaan kerana ianya di dapati tidak efektif dari segi kos dalam jangka masa terdekat ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

69. Industri perkilangan masa kini sedang menghadapi sedikit penurunan mengakibatkan banyak kilang yang akan ditutup.
- (a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk membantu mengatasi masalah golongan B40 yang terjejas akibat penutupan kilang-kilang di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

69. Dakwaan bahawa banyak kilang di Pulau Pinang akan ditutup adalah tidak benar walaupun industri perkilangan sedang menghadapi sedikit penurunan buat masa ini. Penstrukturan dalaman pengurusan sumber manusia dilakukan oleh beberapa kilang bagi memenuhi permintaan dan keadaan pasaran semasa. Ini dilaksanakan melalui pengurangan pekerja, menawarkan pemberhentian secara sukarela (VSS) atau pemberhentian tetap, mengurangkan hari bekerja dalam seminggu atau mengurangkan bilangan kerja giliran, mengurangkan waktu bekerja harian dan mengadakan program latihan semula kepada pekerja.
- (a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan membantu mengatasi masalah golongan B40 yang mencari pekerjaan melalui usaha-usaha seperti berikut:
- (i) Bekerjasama dengan agensi-agensi lain melalui *Invest Penang* untuk meneruskan usaha mempromosi dan menarik pelaburan, samada pelabur baharu ataupun penambahan pelaburan dari pelabur sedia ada, di samping membantu pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan. Usaha ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan pekerja yang hilang pekerjaan mempunyai potensi untuk ditawarkan pekerjaan;
 - (ii) Mempelbagaikan pelaburan dalam sektor *Global Business Services* (GBS) supaya peluang pekerjaan dapat ditingkatkan dalam bidang kewangan, teknologi maklumat (IT), seni kreatif, perisian dan sumber manusia selain daripada sektor pembuatan, pendidikan dan pelancongan perubatan (*medical tourism*).
 - (iii) Menggalakkan sektor keusahawanan melalui program sokongan untuk *startup* dan memberi bantuan melalui projek @CAT (*Accelerator for Creative, Analytics & Technology*) untuk meningkatkan peluang pekerjaan. @CAT berfungsi mempercepatkan penubuhan serta pertumbuhan syarikat-syarikat baharu kreatif berasaskan teknologi, memupuk bakat-bakat baharu dalam bidang *cloud computing*, aplikasi teknologi, *big data analytics* (BDA) dan *Internet of Things* (IOT); dan
 - (iv) Membantu semua golongan graduan yang menganggur, pekerja yang diberhentikan kerja dan pekerja baharu dengan menjalankan pepadanan jawatan bersesuaian apabila menerima permintaan yang dikemukakan oleh majikan melalui Pusat CAT (Penang Career Assistance and Talent Centre). Sejak penubuhan Pusat CAT pada Mac 2009 sehingga Mac 2019, seramai 10,975 orang telah berdaftar sebagai pemohon pekerjaan di mana sebanyak 6,490 pepadanan jawatan telah dijalankan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut melaksanakan program-program bantuan bagi menggalakkan keusahawanan di kalangan rakyat Pulau Pinang khususnya bagi golongan muda dan belia. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) Skim Pinjaman Harapan (SPH)

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah melaksanakan Skim Pinjaman Harapan (SPH) bermula 2009 sehingga kini. Selama 10 tahun pelaksanaannya sehingga Mac 2019, seramai 3,235 usahawan / penerima bantuan pembiayaan mikro kredit yang telah diluluskan dengan jumlah pinjaman sebanyak RM16.79 juta.

(ii) Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang yang sebelum ini dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM). TUT memberi dorongan kepada golongan belia termasuk para graduan untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM750,000 telah disediakan di mana sehingga Februari 2019, sebanyak RM658,000 telah ditawarkan kepada 122 usahawan untuk menikmati kemudahan kredit ini.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

70. Adakah Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengambil tindakan tegas terhadap premis perniagaan yang menyalahgunakan lesen perniagaan mereka dengan menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti aktiviti penjualan arak murah, aktiviti perjudian secara atas talian dan aktiviti perjudian haram?

Y.A.B. Ketua Menteri:

70. Kerajaan Negeri memandang serius terhadap tindakan pemilik premis yang menyalahgunakan lesen perniagaan dengan menjalankan aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah dan akan tegas dengan pembatalan lesen terhadap pemilik lesen yang melakukan kesalahan. Tindakan pembatalan lesen ini akan dijalankan setelah pemilik lesen didapati bersalah di mahkamah untuk kesalahan tersebut. Pembatalan lesen ini melibatkan 224 premis Pusat Hiburan Keluarga pada tahun 2018 di seluruh Pulau Pinang yang menawarkan aktiviti perjudian di premis tersebut.

Selain itu, tindakan pemotongan elektrik turut dilakukan bagi premis yang disahkan menjalankan aktiviti perjudian haram. Pemotongan ini melibatkan 25 buah premis hasil kerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad Pulau Pinang. Sekiranya premis-premis tersebut masih lagi beroperasi walaupun lesen perniagaan telah dibatalkan, Kerajaan Negeri melalui PBT akan mengambil tindakan berikut :-

- (i) Mengeluarkan notis mengkehendaki perniagaan dihentikan dalam satu tempoh yang ditetapkan;
- (ii) Mengeluarkan notis tawaran mengkompoun di atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah;

- (iii) Mengambil tindakan mahkamah ke atas premis tersebut; dan
- (iv) Menjalankan operasi bersepadu dengan pihak polis ke atas premis tersebut.

Melalui kerjasama erat antara Kerajaan Negeri dengan PBT dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), beberapa siri operasi bagi membanteras semua aktiviti perjudian haram telah dilancarkan pada tahun lepas. Berdasarkan statistik, 1265 serbuan berjaya telah dilakukan bagi semua jenis perjudian iaitu Judi Ekor Haram, Judi Atas Talian, Judi Dalam Bangunan, Judi Luar Bangunan serta Judi Pertaruhan yang melibatkan 1836 tangkapan. Pertuduhan di Mahkamah melibatkan 1003 kertas siasatan iaitu 79% dan selebihnya diambil tindakan di bawah Undang-Undang Pencegahan.

PDRM Pulau Pinang pula sentiasa mengumpulkan maklumat dan melancarkan operasi secara harian bagi membanteras aktiviti perjudian haram di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 71. Kegiatan Belia dan Sukan sedang rancak berjalan di DUN Bertam. Namun begitu, kemudahan yang terhad menyebabkan banyak aktiviti sukan seperti bola jaring, sukan bermotor tidak dapat dijalankan. Bertam memohon EXCO Belia & Sukan pertimbangkan sebuah stadium tertutup bola jaring dan kawasan *moto cross* di Bertam.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 71. Untuk makluman Yang Berhormat Bertam, Kompleks Sukan dan Rekreasi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Bertam mempunyai fasiliti seperti Dewan Besar yang boleh digunakan untuk badminton, bola jaring serta bola tampar. Di samping itu, di kompleks tersebut juga terdapat Padang Bola Sepak & Trek Sintetik, Boling Padang, Gimnasium dan Tennis. Oleh itu, Yang Berhormat Bertam boleh mempertimbangkan penggunaan Dewan Tertutup di kompleks ini untuk pembangunan sukan bola jaring.

Cadangan Yang Berhormat Bertam bagi pembinaan litar *motorcross* adalah amat baik tetapi memerlukan kajian yang lebih terperinci seperti lokasi tapak yang bersesuaian, kos pembinaan dan penyelenggaraan, pihak operator litar dan sebagainya perlu dilaksanakan terlebih dahulu. Sehingga kini Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan untuk membina sebuah litar *motor cross* dan cadangan pemuliharaan litar ini oleh pihak swasta amat digalakkan dalam pembangunan sukan ini.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 72. Kerajaan Negeri telah melancarkan penggunaan aplikasi 'artificial intelligence' pada November 2018 yang lalu.
 - (a) Nyatakan jumlah pengguna aplikasi ini sehingga kini. Apakah KPI aplikasi ini dan adakah ianya mencapai KPI tersebut?
 - (b) Adakah dengan pelancaran aplikasi ini, jumlah kes denggi menunjukkan pengurangan? Sila nyatakan jumlah kes denggi selepas pelancaran.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 72. Program *Artificial Intelligence in Medical Epidemiology* (AIME) atau dikenali sebagai *Crush Aedes Totally* (CAT) merupakan satu aplikasi yang berperanan meramal kejadian wabak denggi yang akan berlaku berdasarkan analisa input data dan beberapa parameter lain menggunakan sistem *Artificial Intelligence* (AI). Selain itu, sistem ini turut berupaya memaparkan taburan kes dan wabak denggi yang sedia ada dan terkini berdasarkan *onset* kes terakhir dan 14 hari ke belakang selain

daripada paparan maklumat tambahan lain seperti arah angin, lokasi taburan hujan dan *landmark* (sekolah, tempat ibadat). Melalui penggunaan sistem ini, perancangan strategi aktiviti kawalan vektor dapat dilaksanakan secara lebih fokus mengikut keutamaan.

- (a) Kerajaan Negeri telah menetapkan *deliverables* atau *Key Performance Indicator* (KPI) agar sistem ini perlu mencapai 80% ketepatan ramalan minima bagi lokasi-lokasi wabak yang tidak dilaksanakan sebarang aktiviti kawalan vektor. Semasa langganan ini dilaksanakan bagi tempoh setahun, sistem ini telah berjaya mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan. Manakala bagi penggunaan untuk aplikasi telefon mudah alih yang dikenali sebagai *Beat Dengue* pula, sehingga 10 April 2019, jumlah pengguna aplikasi adalah seramai 1,373 pengguna.
- (b) Sehingga 6 April 2019, jumlah kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan bagi tahun 2019 adalah sebanyak 2,173 kes berbanding 1,066 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak 1107 kes (103.85%). Dalam erti kata lain, selepas pelancaran sistem ini, tiada pengurangan kes yang berlaku. Walau bagaimanapun, sistem ini sebenarnya digunakan sebagai panduan dalam perancangan aktiviti kawalan denggi sahaja dan ianya bukanlah penentu yang dapat mengurangkan kes denggi secara langsung. Peningkatan kes denggi yang berlaku adalah bergantung kepada pelbagai faktor seperti cuaca dan juga perubahan serotaip virus denggi. Keadaan cuaca yang panas dan perubahan serotaip Den 3 kepada jenis Den 2 yang berlaku menyumbang kepada peningkatan kes demam denggi. Selain itu, aktiviti kawalan vektor memerlukan sumber tenaga kerja yang besar dan menyeluruh bagi memastikan kesan yang efektif. Oleh yang demikian, komuniti perlu memainkan tanggungjawab dan peranan yang sangat penting dalam membendung demam denggi.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

73. Sila terangkan perkembangan terkini bagi projek pembesaran Lapangan Terbang Pulau Pinang yang sedia ada, dan strategi-strategi yang akan diambil untuk mengekalkan daya saing lapangan terbang tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

73. Pihak Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) kini dalam perancangan bagi menaik taraf dan membesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP). Cadangan projek ini bermatlamat untuk meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan penumpang serta untuk menangani isu kesesakan di kawasan terminal. Buat masa ini, LTAPP berkapasiti 6.5 juta penumpang setahun dan cadangan penaiktarafan tersebut dapat menampung keperluan sehingga 12 juta penumpang setahun.

Status terkini projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang adalah pelantikan dua (2) syarikat perunding iaitu Consortium CPG Consultants Pte. Ltd. dan AHS Architects Sdn. Bhd. sebagai juru perunding Projek Menaik taraf dan Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Pelantikan ini telah dibuat pada 15 Februari 2019 melalui tender terbuka oleh pihak MAHB. Pihak perunding bertanggungjawab untuk mencadangkan pelan dan reka bentuk terbaik kepada pihak MOT dan MAHB untuk menaiktaraf dan membesarkan LTAPP. Projek menaik taraf dan pembesaran LTAPP ini dijadualkan akan bermula pada bulan Jun 2020 dan mengambil masa selama 36 bulan untuk disiapkan.

Selain itu, projek pembinaan Bangunan Letak Kereta Bertingkat di LTAPP telah dimulakan pada bulan Ogos 2018 dan kerja-kerja pembinaan adalah selama empat belas (14) bulan. Bangunan letak kereta bertingkat tersebut akan menyediakan kira-kira 1,800 lot letak kereta untuk Blok A (Fasa Pertama). Fasiliti tempat letak kereta bertingkat ini akan memberi kemudahan yang lebih selesa dan selamat kepada para pengguna.

Antara strategi-strategi yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengekalkan daya saing LTAPP adalah:

- (i) Meneruskan kerjasama dengan Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Malaysian Airport Holdings Berhad (MAHB) untuk mendapatkan pelan perancangan terbaik bagi penaiktarafan dan pembesaran LTAPP;
- (ii) Meningkatkan kecekapan pengendalian kargo dengan menambahbaik jaringan jalan raya di sekitar lapangan terbang kargo LTAPP;
- (iii) Mengintegrasikan kompleks kargo LTAPP dengan KLIA untuk meningkatkan tahap kecekapan pengendalian kargo di LTAPP;
- (iv) Meningkatkan industri pelancongan terutama pelancongan perubatan (*medical tourism*);
- (v) Meningkatkan jumlah penerbangan terus dari negara-negara yang masih belum diliputi; dan
- (vi) Meneliti untuk menawarkan *Request for Proposal* (RFP) bagi Kajian Kebolehlaksanaan Pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Koridor Utara yang baharu.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

74. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk meningkatkan bantuan bagi membasmi isu kemiskinan penduduk Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

74. Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program dan bantuan untuk membasmi kemiskinan di Pulau Pinang seperti Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) serta Program i-Sejahtera yang merangkumi Program Penghargaan Warga Emas, Program Bantuan OKU, Program Bantuan Ibu Tunggal, Program Ibu Emas dan Program Skim Pelajar Emas.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk meningkatkan bantuan bagi membasmi kemiskinan penduduk Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang mengkaji dan menyelaras semula program-program bantuan di peringkat negeri dengan program bantuan di peringkat persekutuan. Selain itu, kajian penyeragaman Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan pendapatan perkapita peringkat negeri berdasarkan PGK dan pendapatan perkapita nasional juga sedang dilaksanakan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

75. Jumlah kemalangan jalan raya di Pulau Pinang, tahun 2016 sebanyak 42,244 kes meningkat kepada 43,007 kes tahun 2017.

(a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kes ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

75. Kerajaan Negeri akan meneruskan inisiatif Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya yang telah dilaksanakan sejak tahun 2014 bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya sehingga 10 peratus setiap tahun. Antara inisiatif yang dirancang adalah seperti berikut:

- (a) Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya akan dilaksanakan di peringkat daerah bagi melihat keberkesannya. Beberapa agensi berkaitan akan bersama-sama membantu Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kadar kemalangan di Pulau Pinang. Pegawai daerah dicadangkan untuk bersama membantu pelaksanaan ini;
- (b) Pengumpulan data *near miss* bersama pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Universiti Sains Malaysia (USM) akan dijalankan dalam usaha menentukan kawasan berisiko tinggi berlaku kemalangan. Satu memorandum antara Kerajaan Negeri bersama MBPP dan USM dicadangkan bagi melaksanakan inisiatif tersebut;
- (c) Memastikan jalan-jalan di bawah seliaan pihak berkuasa jalan sentiasa dalam keadaan selamat dan tidak berisiko untuk tujuan keselamatan pengguna;
- (d) Melaksanakan jalan sehalu, menutup persimpangan dan mengurangkan belokan di persimpangan bagi mengurangkan konflik lalu lintas;
- (e) Melaksanakan jalan sehalu mengikut had masa di kawasan sekolah bagi meningkatkan keselamatan pelajar pada waktu masuk dan keluar sesi persekolahan;
- (f) Pengurangan had laju melalui penurunan had laju yang telah diwartakan, melaksanakan *yellow transverse bar* dan membina bonggol;
- (g) Menggalakkan pengguna menggunakan pengangkutan awam yang disediakan oleh Kerajaan Negeri iaitu Bridge Express Shuttle Transit (BEST) KOMTAR, BEST FIZ, Congestion Alleviation Transport (CAT) dan Central Area Transit (CAT) MBPP bagi mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian dan kes kemalangan jalan raya;
- (h) Bekerjasama dengan pihak Polis Di-Raja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR), dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dalam mengenal pasti *hotspot* kemalangan jalan raya serta menjalankan audit keselamatan jalan raya dan kempen keselamatan jalan raya bagi mengurangkan risiko kemalangan jalan raya di kawasan *hotspot*. Tindakan-tindakan diambil selaras dengan perakuan audit keselamatan jalan raya;
- (i) Mensyaratkan pemaju untuk melaksanakan kajian penilaian impak lalu lintas dan audit keselamatan jalan raya bagi memastikan aspek-aspek lalu lintas dan keselamatan jalan raya diambil kira bagi pembangunan baru;

- (j) Melaksanakan aktiviti-aktiviti dan program meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya seperti ceramah, pameran dan kempen keselamatan jalan raya di sekolah-sekolah serta memuat naik video klip kempen kesedaran;
- (k) Melaksanakan kempen khas untuk meningkatkan keselamatan pejalan kaki iaitu *Pedestrian Is King* di mana tindakan-tindakan diambil untuk mendidik dan memberi peringatan kepada orang ramai terutama pemandu kenderaan supaya memberi perhatian ke atas keselamatan dan keselesaan pelintas jalan;
- (l) Menaik taraf lampu-lampu jalan untuk meningkatkan pencahayaan di jalan raya dan laluan pejalan kaki;
- (m) Menetapkan garis panduan bagi pemajuan-pemajuan baru yang dikehendaki mengadakan Pelan Pengurusan Lalu Lintas (*Traffic Management Plan*) serta menjalankan Audit Keselamatan Jalan Raya dari peringkat perancangan, reka bentuk dan pembinaan untuk meningkatkan keselamatan;
- (n) Membina laluan-laluan pejalan kaki dan basikal yang berasingan diadakan di sepanjang persisiran pantai timur pulau. Pembinaan laluan secara berasingan ini adalah bagi menjamin keselamatan pengguna basikal dan pejalan kaki;
- (o) Tindakan-tindakan fizikal yang diambil adalah mengadakan pelantar kelajuan (*speed table*), jejalur lintang kuning (*transverse bar*), menyediakan papan-papan tanda kempen kesedaran keselamatan pejalan kaki di *billboard*, mengedarkan risalah-risalah keselamatan pejalan kaki dan memuat naik paparan video kempen kesedaran keselamatan pejalan kaki di laman sesawang MBPP dan *Youtube*; dan
- (p) Mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kenderaan-kenderaan yang menghalang / mengganggu aliran lalu lintas dengan mengapit roda dan menunda kenderaan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

76. Adakah Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang sudah mula beroperasi dan apakah peranannya?
- (a) Apakah status pengambilan CEO dan kakitangan perbadanan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

76. Enakmen Perbadanan Pengurusan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017 telah diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketiga Belas pada 25 Mei 2017 dan diwartakan pada 28 September 2017. Enakmen ini bertujuan untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk memperbadankan stadium dan kawasan lapang di Pulau Pinang. Perbadanan ini telah dikuatkuasakan pada 1 April 2019.

Fungsi Perbadanan adalah seperti yang berikut:

- (i) untuk menubuhkan, menguruskan, mengendalikan dan menyenggarakan stadium dan kawasan lapang;
- (ii) untuk melaksanakan dasar dan program bagi menjamin daya maju stadium dan kawasan lapang;
- (iii) untuk menggalakkan dan mempromosikan penggunaan stadium dan kawasan lapang oleh mana-mana orang, sama ada tempatan atau asing, atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Perbadanan;

- (iv) untuk memajukan dan menambah baik stadium dan untuk menyediakan dan melengkapkan stadium dengan loji, jentera, kelengkapan dan perkakasan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan
- (v) untuk mempromosikan stadium, di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sebagai suatu tempat serbaguna untuk acara sukan, rekreasi, kebudayaan, pendidikan, komersial dan hiburan dan apa-apa acara lain yang difikirkan patut oleh Perbadanan;
- (vi) untuk membangunkan dan menyediakan di stadium apa-apa kemudahan dan perkhidmatan bersifat komersial yang melengkapi stadium, termasuklah tempat penginapan;
- (vii) untuk menyediakan perkhidmatan teknikal, nasihat, perundingan dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan stadium, sukan dan rekreasi;
- (viii) untuk memajukan sistem dan proses yang akan menjadikan stadium mudah, mampu dan menarik kepada orang awam; dan
- (ix) untuk menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membolehkannya berfungsi secara berkesan atau yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya.
- (a) Ketua Eksekutif Perbadanan masih dalam proses akhir pelantikan. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah mengiklankan jawatan Ketua Eksekutif (CEO) melalui Sistem Pendaftaran Pekerjaan Sepanjang Masa (e2PSM). Seramai 63 calon yang melepasi syarat lantikan telah dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga yang diadakan pada 11-12 Mac 2019. Pihak Berkuasa Melantik telah bersetuju dan memperakukan calon utama yang dipilih oleh Lembaga Temu Duga pada 17 April 2019 dan proses pelantikan sedang dilaksanakan oleh BPSM. Setelah pelantikan Ketua Eksekutif, kekosongan dalam Perbadanan akan diisi secara berperingkat berdasarkan keperluan dan permohonan daripada Perbadanan Stadium bagi membolehkan ia berfungsi secara optima.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

77. Dasar Pembasmian Kemiskinan Kerajaan Negeri.
- (a) Adakah cadangan kadar PGK akan dinaikkan?
 - (b) Berapa ramai yang telah menerima bantuan ini sejak dari tahun 2013 hingga 2018?
 - (c) Berikan peratusan kejayaan dalam menjalankan dasar ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

77. (a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri telah meneliti dan bersetuju secara dasarnya untuk menyeragamkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan perkapita peringkat negeri berdasarkan PGK Kebangsaan iaitu RM960 bagi PGK dan RM260 bagi perkapita. Walau bagaimanapun, cadangan ini akan diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan sebelum dilaksanakan.

- (b) Penerima bantuan Agenda Ekonomi Saksama (AES) yang aktif dan tidak termasuk yang ditamatkan bantuan dari tahun 2013 hingga 2018 adalah seramai 813 orang.
- (c) Antara pencapaian utama Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan dasar ini adalah Kerajaan Negeri telah mencapai sifar miskin tegar. Selain itu, berlaku penurunan penerima bantuan setiap bulan. Berdasarkan rekod, penerima bantuan AES aktif sehingga Disember tahun 2018 adalah berjumlah 813 orang manakala penerima bantuan setakat Mac 2019 adalah seramai 699 orang di seluruh daerah dalam Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat terhadap peratusan pencapaian dasar.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

78. Apakah kerjasama antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat dan PDRM yang telah wujud dan dilaksanakan untuk menjaga keselamatan awam dan menurunkan kadar jenayah khususnya di kawasan Bukit Tengah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

78. Kerjasama di antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Tengah (IPDSPT), Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat dan masyarakat setempat telah lama wujud dan disemai demi menjaga keselamatan awam dan menurunkan kadar jenayah khususnya di kawasan Bukit Tengah. Antara program yang telah dilaksanakan adalah;
- (i) Rondaan bersama Skim Rondaan Sukarelawan (SRS) / Kawasan Rukun Tertangga (KRT) di kawasan taman perumahan yang dilaksanakan sekali setiap minggu;
 - (ii) Program dialog bersama masyarakat berkenaan isu-isu keselamatan dan pencegahan jenayah. Antara program dialog yang telah dijalankan adalah dialog bersama Pusat Khidmat ADUN Bukit Tengah yang telah diadakan pada 31/01/2019;
 - (iii) IPDSPT juga telah bekerjasama dengan kerajaan persekutuan dengan mengadakan program 'Ops Harapan' di mana IPDSPT telah mendapat bantuan daripada anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) Kulim, Kedah seramai dua puluh lima (25) orang untuk membuat rondaan di sekitar kawasan pentadbiran Balai Bukit Tengah bagi mengukuhkan lagi penugasan rondaan pencegahan jenayah;
 - (iv) IPDSPT juga telah menjalinkan kerjasama erat bersama masyarakat dengan mengadakan program riadah bersama komuniti di mana program ini adalah platform PDRM dan masyarakat bertukar idea dan pandangan; dan
 - (v) Program Reaching Out di rumah-rumah ibadat di mana setiap rumah ibadat diletakkan di bawah jagaan seorang pegawai dan anggota bagi mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan dengan keselamatan dan maklumat jenayah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

79. Kawasan-kawasan sekitar Pintasan Pemancar mengalami masalah penyelenggaraan. Pihak Perumahan, JKR dan MBPP tidak mengambil *ownership*. Bila aduan dilaporkan pihak-pihak berkenaan saling menendang aduan-aduan tersebut.
- (a) Siapakah yang bertanggungjawab untuk menyelenggarakan (contoh: tar semula, kebersihan, dan lain-lain) kawasan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

79. Pada dasarnya, penyelenggaraan perumahan di sekitar Pintasan Pemancar melibatkan bidang kuasa Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut (PDTDTL) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

- (a) Terdapat dua (2) jenis perumahan di kawasan Pintasan Pemancar, iaitu:
- (i) Rumah kluster (rumah persendirian); dan
 - (ii) Rumah bertingkat (Perumahan Awam Kos Rendah Taman Tun Sardon, Blok AW, AX, AY dan AZ).

Perkhidmatan pembersihan bagi rumah kluster adalah di bawah tanggungjawab MBPP manakala perkhidmatan pembersihan melibatkan rumah bertingkat (perumahan awam) adalah di bawah ASQ Reality Enterprise iaitu syarikat yang dilantik oleh Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan untuk tempoh setahun bermula 1 April 2019 hingga 31 Mac 2020.

Selain itu, bidang tugas pihak MBPP bagi kawasan sekitar Pintasan Pemancar pula adalah seperti berikut:

- (i) Kerja-kerja pemasangan dan penyelenggaraan lampu jalan;
- (ii) Penyelenggaraan pokok;
- (iii) Pungutan sampah dari pusat sampah bagi bangunan kediaman bertingkat, tong sampah bagi premis bertanah serta tempat awam; dan
- (iv) Pembersihan jalan awam serta parit awam.

Bagi penyelenggaraan jalan di sekitar kawasan Pintasan Pemancar didapati jalan tersebut adalah di antara lapan (8) hingga 14 kaki lebar sahaja. Oleh itu, jalan tersebut dikategori sebagai jalan kampung dan tidak diselenggara oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Sebaliknya urusan penyelenggaraan jalan berkenaan yang dikategori sebagai jalan kampung akan diuruskan oleh PDTDTL. Penyelarasan kerja ini dapat dibincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD). Selain itu, pihak PDTDTL juga telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk menyelaras tindakan penyelenggaraan di kawasan tersebut seperti berikut:

- (i) Pada 28 November 2018, Penolong Jurutera PDTDTL bersama wakil Pejabat YB. ADUN telah mengadakan lawatan tapak ke belakang rumah 347-L, Jalan Hilir Pemancar berhubung cadangan untuk membaiki dan menaik taraf longkang di lokasi;
- (ii) Pada 21 Februari 2019, lawatan tapak bersepadu telah diadakan bersama pihak JKR DTL / JPS DTL, IWK, MBPP, wakil YB. ADUN serta Ahli Majlis MBPP di lokasi; dan

- (iii) Pada 31 Mac 2019, gotong-royong di lokasi telah diadakan yang melibatkan YB. ADUN, Ahli Majlis MBPP, wakil MBPP, Pejabat Kesihatan DTL, St. John Ambulans Universiti Sains Malaysia (USM), Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bukit Gelugor serta masyarakat setempat. Pemantauan berterusan akan dilakukan untuk memastikan keadaan jalan dan parit tepi jalan dalam keadaan terurus.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

80. Berapakah anggaran kos terkini pembinaan LRT dan Lebuhraya PIL 1?
- (a) Apakah kedudukan Projek Terowong Dasar Laut setelah terdapat pertuduhan kes rasuah berkaitan projek ini? Adakah ianya dikaji semula, diteruskan atau dihentikan?
- (b) Adakah projek PIL 1 diteruskan walaupun ianya melibatkan kerosakan alam sekitar dan mendatangkan impak sosial persekitaran?

Y.A.B. Ketua Menteri:

80. (a) Projek Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1) dan Bayan Lepas LRT adalah antara projek utama di dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP). SRS Consortium (SRS) dilantik pada tahun 2015 menerusi kaedah tender terbuka sebagai rakan pelaksana atau "Project Delivery Partner" (PDP) bagi projek tersebut. Berdasarkan dokumen *Request for Proposal* (RFP) yang dikemukakan oleh pihak SRS, kos pembinaan PIL 1 adalah sebanyak RM8 bilion manakala kos pembinaan projek Bayan Lepas LRT adalah RM9 bilion. Kos pembinaan hanya dapat dimuktamadkan setelah reka bentuk terperinci dan pelantikan kontraktor melalui proses tender terbuka mengikut pakej kerja dilaksanakan. Pada masa ini, projek PIL 1 telah menerima kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 10 April 2019 dan peringkat seterusnya adalah fasa reka bentuk terperinci manakala bagi projek Bayan Lepas LRT, ianya masih dalam proses mendapatkan kelulusan skim rel dari Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).
- (b) Status terkini Projek Terowong Dasar Laut adalah di peringkat akhir kajian kebolehlaksanaan. Berkenaan pertuduhan kes rasuah berkaitan projek ini, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menjalankan siasatan terhadap projek ini pada suku pertama tahun 2018 dan Kerajaan Negeri telah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak SPRM. Kerajaan Negeri juga ingin menegaskan bahawa tindakan akan diambil terhadap mana-mana pihak sekiranya didapati bersalah oleh mahkamah dan wujudnya salah laku berkaitan projek ini. Pelaksanaan Projek Terowong Dasar Laut selanjutnya akan diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK). Walau bagaimanapun buat masa ini, projek ini masih diteruskan.

Seperti yang dimaklumkan oleh saya semasa sidang media pada 15 April 2019, projek PIL 1 telah mendapatkan kelulusan laporan EIA oleh JAS pada 10 April 2019. Kelulusan laporan EIA bagi projek PIL 1 diperolehi setelah laporan tersebut dikaji, diteliti dan dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penilaian Laporan EIA JAS. Kelulusan ini juga menunjukkan bahawa impak kepada alam sekeliling dan sosial dapat dikurangkan melalui langkah-langkah mitigasi yang telah dicadangkan bagi projek PIL 1. Kerajaan Negeri

komited melaksanakan langkah-langkah mitigasi seperti yang dicadangkan dalam laporan EIA dan pada masa yang sama meneruskan pelaksanaan projek PIL 1 untuk menangani isu kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang.